


**Jilid II
Bil. 49**



**Hari Isnin
24hb November, 1980**

PENYATA RASMI PARLIMEN
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
House of Representatives

PARLIMEN KELIMA
Fifth Parliament

PENGGAL KEDUA
Second Session

KANDUNGANNYA

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN [Ruangan
6023]**

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan, 1981

Jawatankuasa (Hari Kesembilan)—

Jadual:

Maksud B. 28 dan B. 29 [Ruangan 6056]

Maksud B. 30 [Ruangan 6064]

Maksud B. 31 [Ruangan 6085]

USUL:

Anggaran Pembangunan, 1981

Jawatankuasa (Hari Kesembilan)—

Maksud P. 28 dan P. 29 [Ruangan 6056]

Maksud P. 30 [Ruangan 6064]

Maksud P. 31 [Ruangan 6085]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KELIMA

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KEDUA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' (DR) SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., S.P.M.J., S.S.I.J., D.P.M.P., P.I.S., B.S.I.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, DATO' HUSSEIN ONN, D.K. (Johor) (Sri Gading).

” Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.P.M.J., S.P.M.S., S.S.A.P. (Kubang Pasu).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO' LEE SAN CHOON, S.P.M.J., S.S.I.J., K.M.N. (Segamat).

” Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TAN SRI ONG KEE HUI, P.M.N., P.N.B.S., P.G.D.K. (Bandar Kuching).

” Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., S.S.A.P., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).

” Menteri Kebajikan Am, DATIN PADUKA HAJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).

” Menteri Wilayah Persekutuan, DATO' AMAR HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).

” Menteri Luar Negeri, Y.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., P.M.K. (Kota Bharu).

” Menteri Pelajaran, DATO' MUSA BIN HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J. (Labis).

” Menteri Kewangan, Y.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K. (Ulu Kelantan).

” Menteri Kesihatan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).

” Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO' SHARIFF AHMAD, D.S.A.P., D.I.M.P., J.M.N. (Jerantut).

” Menteri Penerangan, DATO MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., D.P.M.J., K.M.N. (Pulau).

” Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATO' RICHARD HO UNG HUN, D.P.M.P. (Lumut).

” Menteri Perusahaan Utama, DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).

” Menteri Pertanian, DATO' ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Trengganu).

” Menteri Tenaga Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

- Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' DR NEO YEE PAN, S.P.M.J., D.P.M.J. (Muar).
- „ Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATO' S. SAMY VELLU, D.P.M.S., A.M.N., S.M.S., P.C.M. (Sungei Siput).
- „ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATO' MOKHTAR BIN HAJI HASHIM, D.S.N.S. (Tampin).
- „ Menteri Perusahaan Awam, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Selayang).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, DATO MANSOR BIN OTHMAN, K.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATO' CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, J.B.S. (Santubong).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' LEW SIP HON, D.P.M.S., J.M.N. (Shah Alam).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DR LING LIONG SIK (Mata Kuching).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' HAJI ZAKARIAH BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., S.M.T., P.J.K. (Besut).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' ABDULLAH BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N. (Ulu Nerus).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TUAN SANUSI BIN JUNID, S.M.K. (Jerlun-Langkawi).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' MAK HON KAM, D.P.M.P., J.M.N. (Tanjong Malim).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATO' MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK, O.K.I.S., D.S.A.P. (Pekan).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' DR NIK HUSSEIN BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.K., K.M.N. (Kuala Krai).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATUK CLARENCE E. MANSUL, P.G.D.K. (Penampang).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATO' CHIN HON NGIAN, D.S.I.J. (Renggam).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DATO' HAJI EMBONG BIN YAHYA, D.P.M.J., D.S.I.J., A.M.N., P.I.S. (Ledang).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, TUAN ABDULLAH BIN HAJI AHMAD, K.M.N., D.J.N. (Kepala Batas).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, TUAN ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.M.T., S.M.S., P.I.S. (Kuala Selangor).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN WILLIAM LYE CHEE HIEN, A.S.D.K. (Gaya).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN HAJI MOHAMED SUHAIMI BIN DATO' HAJI KAMARUDDIN, A.M.N., S.M.S. (Sepang).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Am, TUAN JAWAN ANAK EMPALING, K.M.N. (Rajang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO' ABDUL JALAL BIN HAJI ABU BAKAR, D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Batu Pahat).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN IDRIS BIN ABDUL RAUF, P.C.M., A.M.P., A.M.N. (Parit Buntar).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, TUAN ABDUL RAHIM BIN DATUK THAMBY CHIK, A.M.N., P.J.K. (Alor Gajah).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMAD (Machang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, PUAN CHOW POH KHENG *alias* ROSEMARY CHONG, S.M.S. (Ulu Langat).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN V. GOVINDARAJ, A.M.N., P.J.K. (Pelabuhan Kelang).
- „ TUAN ABBAH BIN MENGIMBAL *alias* GEORGE ABBAH (Bandau).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).
- „ TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH, P.P.N., B.S.K. (Kinabatangan).
- „ TUAN ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR (Kulim-Bandar Bahru).
- „ TAN SRI DATO' HAJI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., S.P.D.K., S.P.M.J., S.S.I.J. (Tenggaroh).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN DAUD (Pasir Mas).
- „ DATUK PATINGGI TAN SRI (DR) HAJI ABDUL-RAHMAN BIN YA'KUB, D.P., P.M.N., S.P.M.J., S.I.M.P., S.P.M.K., S.P.D.K., P.N.B.S. (Paloh).
- „ DATO' ABDUL SAMAD BIN IDRIS, D.P.M.J., J.M.N., P.J.K. (Jelebu).
- „ TUAN ABDUL SHUKUR BIN HAJI SIRAJ, A.M.N. (Tanjong Karang).
- „ DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K. (Kota Setar).
- „ TUAN ALIAS BIN MD. ALI, P.J.K. (Ulu Trengganu).
- „ TUAN A. K. ALIUDDIN BIN PENGIRAN HAJI MOHD. TAHIR, A.D.K. (Kimanis).
- „ TUAN HAJI AMPONG BIN PUYON, A.S.D.K., A.D.K., J.P.U., J.P. (Labuk Sugut).

- Yang Berhormat DATUK HAJI ASHKAR HASBOLLAH, P.G.D.K. (Marudu).
- „ TUAN AU HOW CHEONG, P.M.P. (Telok Anson).
- „ TUAN AWANG BIN JABAR, P.J.K. (Dungun).
- „ TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P. (Batang Padang).
- „ TUAN CHAN TECK CHAN (Kota Melaka).
- „ TUAN CHAN KOK KIT *alias* CHAN KIT (Sungai Besi).
- „ DR. CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ DATO MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Ulu Selangor).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Batu Gajah).
- „ TUAN CHIENG TIONG KAI (Sarikei).
- „ TUAN RICHARD DAMPING ANAK LAKI (Serian).
- „ TUAN PETER PAUL DASON (Bukit Bendera).
- „ TUAN V. DAVID (Damansara).
- „ TUAN EDWARD ESNEN UNANG (Mukah).
- „ DATUK EDWIN ANAK TANGKUN, P.N.B.S., P.B.S., A.B.S., (Batang I upar).
- „ DATUK STEPHEN ROBERT EVANS, P.G.D.K., J.P. (Keningau).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ DATO' SERI HAJI HAMZAH BIN DATUK HAJI ABU SAMAH, S.S.A.P., S.I.M.J., S.M.K., S.P.D.K. (Temerloh).
- „ DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K., S.P.M.J. (Ulu Padas).
- „ TUAN HAJI HASHIM BIN ENDUT, A.M.K. (Ulu Muda).
- „ TUAN HAJI HASHIM BIN GHAZALI, A.M.N. (Matang).
- „ TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD, J.S.M. (Bagan Datoh).
- „ DATO DR HEE TIEN LAI, D.S.I.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I., J.P. (Ayer Hitam).
- „ TUAN HIEW NYUK YING (Tawau).
- „ DATO' HISHAMUDDIN BIN HAJI YAHAYA, S.A.P. (Maran).
- „ TUAN HUSSEIN BIN MAHMOOD (Tanah Merah).
- „ TUAN IBRAHIM BIN MUHAMMAD, P.B., P.P.M., P.P.N. (Rantau Panjang).
- „ TUAN HAJI IKHWAN BIN NASIR (Pontian).
- „ TUAN ISMAIL BIN ARSHAD, A.M.K. (Jerai).
- „ TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).
- „ TUAN JAMALUDDIN BIN HAJI SUHAIMI, A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernar).
- „ TUAN KAMALUDDIN BIN MAAMOR (Hilir Perak).
- „ TUAN KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN MARK KODING (Kinabalu).
- „ DATUK LEE BOON PENG, D.S.N.S., A.M.N., P.J.K., J.P. (Mantin).
- „ TUAN LEE KAW (Kluang).

Yang Berhormat TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).

- ” TUAN LIBEN ANAK KATO (Betong).
- ” TUAN LIM CHO HOCK (Ipoh).
- ” TUAN LIM KIAM HOON *alias* LIM AH YING, A.M.K. (Padang Serai).
- ” TUAN LIM KIT SIANG (Petaling).
- ” DATUK LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, P.N.B.S., J.B.S. (Kapit).
- ” TUAN MOHAMAD TAJOL ROSLI BIN MOHAMED GHAZALI, A.M.P. (Gerik).
- ” TUAN HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- ” TUAN MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala Muda).
- ” TAN SRI DATUK HAJI MOHAMED SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K., (Kota Belud).
- ” TUAN HAJI MOHAMMAD TAUFECK BIN O.K.K. HAJI ASNEH, D.S.K., B.K., P.P.M. (Hilir Padas).
- ” TUAN MOHD. ALI BIN MD. SHARIFF (Kuantan).
- ” TUAN MOHD. BAKRI BIN ABDUL RAIS, P.M.P., A.M.P. (Parit).
- ” TUAN HAJI MOHD. IDRIS BIN HAJI IBRAHIM, J.S.M. (Setapak).
- ” TUAN MOHD. NAKHAIE BIN HAJI AHMAD (Baling).
- ” TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- ” TUAN MUHYIDDIN BIN HAJI MOHAMED YASSIN, P.I.S., S.M.J. (Pagoh).
- ” TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- ” TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- ” DATO NIK HASSAN BIN WAN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.N.B.S., P.S.D., K.M.N. (Kuala Nerus).
- ” DATUK JAMES PETER ONGKILI, D.I.M.P. (Tuaran).
- ” TUAN OO GIN SUN, A.M.K., S.D.K., J.P. (Alor Setar).
- ” TUAN PATRICK ANEK UREN (Mas Gading).
- ” TUAN P. PATTO (Menglembu).
- ” TUAN RACHA UMONG, P.B.S. (Bukit Mas).
- ” DATO' HAJI RAMLI BIN OMAR, D.P.M.P., K.M.N., P.M.P. (Bagan Serai).
- ” DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, S.P.D.K., J.P. (Silam).
- ” DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN, P.G.D.K. (Kuala Kedah).
- ” TUAN SEOW HUN KHIM (Bukit Mertajam).
- ” TUAN SHAARI BIN JUSOH, J.M.N., A.M.P., P.P.N., P.P.M. (Kangar).
- ” TUAN SHAMSURI BIN MD. SALLEH, A.M.N., P.K.T., J.P. (Balik Pulau).
- ” PUAN SHARIFFAH DORAH BINTI MOHAMMED, A.M.N., B.S.I., P.S.I. (Semerah).
- ” TUAN SIBAT MIYUT ANAK TAGONG (Ulu Rajang).
- ” TAN SRI DATO SYED AHMAD SHAHABUDDIN AL-HAJ, P.S.M., S.P.M.K., S.S.D.K., P.N.B.S., P.G.D.K., J.M.N., J.P. (Padang Terap).

Yang Berhormat TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).

- „ TUAN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED, A.M.P., P.J.K. (Arau).
- „ TUAN RAYMOND SZETU MEI THONG (Lambir).
- „ TUAN TAN KOON SWAN, A.M.P., J.P. (Raub).
- „ DR TAN TIONG HONG (Kepong).
- „ TENGKU NOOR ASIAH BINTI TENGKU AHMAD, A.M.N., P.B. (Tumpat).
- „ TUAN TING CHEK MING (Bruas).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ TUAN UMAR BIN HAJI ISMAIL, A.M.N., P.P.T. (Padang Rengas).
- „ WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMAD (Pasir Puteh).
- „ WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN WONG HOONG KEAT (Tanjong).
- „ DATUK DR WONG SOON KAI, P.N.B.S., P.B.S. (Sibu).
- „ TUAN YANG CHOONG FU, J.P. (Kinta).
- „ PUAN YONG FATIMAH BINTI MOHD. RAZALI, A.M.N., P.J.K. (Kuala Kangsar).
- „ DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- „ DATO HAJI YUSOF BIN MALIM KUNING *alias* ABDUL RAHMAN BIN MOHD. JANI, D.P.M.J., P.I.S., B.S.I. (Panti).
- „ TUAN HAJI ZABIDI BIN HAJI ALI, P.J.K. (Permatang Pauh).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P. B. Menon.

Penolong Penyunting: Haji Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Ng Chong Kin.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Kalsom binti Ghazali.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Isnin, 24hb November, 1980

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT
BAGI PERTANYAAN-
PERTANYAAN

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Lim Kiam Hoon.

Datuk Edwin anak Tangkun: Tuan Yang di-Pertua, soalan yang pertama.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan ini sekarang atas nama Ahli Yang Berhormat dari Batang Lupar.

RUMAH KOS SEDERHANA

1. Datuk Edwin anak Tangkun (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa kebanyakan dari rumah-rumah harga murah yang dibina sekarang adalah untuk orang-orang yang berpendapatan \$500 ke bawah sahaja, jika ya, sama ada beliau bercadang untuk membina rumah-rumah seperti itu bagi orang-orang yang berpendapatan \$500 ke atas oleh kerana golongan ini juga memerlukan rumah disebabkan mereka tidak mampu untuk memiliki rumah yang dibina oleh pihak swasta.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato Dr Neo Yee Pan): Tuan Yang di-Pertua, mungkin Ahli Yang Berhormat maksudkan Rancangan Rumah Awam Kos Rendah dalam pertanyaannya itu. Jika ya, sememangnya benar bahawa satu daripada syarat untuk mendapatkan rumah tersebut

bagi Semenanjung Malaysia adalah pendapatan keluarga pemohon tidak boleh melebihi \$500 sebulan manakala bagi negeri Sabah dan Sarawak pula pendapatan tidak boleh melebihi \$700 sebulan. Oleh yang demikian, projek Kementerian akan terus dilaksanakan untuk faedah kumpulan yang berpendapatan kurang daripada \$500 sebulan bagi Semenanjung Malaysia dan tidak melebihi \$700 sebulan bagi Sabah dan Sarawak. Tetapi sekiranya keadaan memerlukan pendapatan maksima bagi pemohon yang layak bolehlah dikaji semula.

Kementerian juga sedang mencari satu jalan supaya lebih banyak lagi rumah kos sederhana dapat dibina oleh pihak swasta dan agensi Kerajaan untuk menampung keperluan mereka yang berpendapatan lebih daripada \$500 sebulan.

Tuan Mohamad Tajol Rosli bin Mohamed Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri sama ada Kementerian beliau bercadang untuk misalnya mensyaratkan pemaju-pemaju swasta untuk membina rumah-rumah yang berharga \$25,000 ke bawah sebagai rumah kos rendah dan penjualan rumah-rumah ini akan dikawal oleh pihak Kementerian supaya mereka yang berpendapatan di antara \$500 hingga \$1,000 boleh membeli rumah-rumah ini.

Dato Dr Neo Yee Pan: Tuan Yang di-Pertua, pada masa sekarang Kementerian tidak bercadang untuk berbuat demikian. Tetapi pada masa sekarang ada rancangan yang dibuat oleh pihak swasta yang diluluskan oleh MBSB. Itu adalah rancangan rumah kos rendah yang berharga di bawah \$20,000.

Tuan Lee Kaw: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Kementerian yang berkenaan sedar oleh kerana gaji kakitangan Kerajaan telah dinaikkan pada 1hb Julai ramai di antara mereka yang bergaji \$400

lebih sudah lepas \$500 tidak dapat memohon rumah kos rendah ini. Adakah Menteri yang berkenaan menimbangkan perkara ini untuk kakitangan Kerajaan oleh kerana gaji mereka sudah naik. Kes ini adalah istimewa.

Dato Dr Neo Yee Pan: Tuan Yang di-Pertua, saya sedar atas perkara itu dan dalam jawapan saya tadi pun ada saya mengatakan kalau keadaan memerlukan, boleh dikaji semula.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dato Michael Chen Wing Sun.

Tuan Haji Hashim bin Endut: Tuan Yang di-Pertua, soalan No. 2.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan ini sekarang atas nama Ahli Yang Berhormat dari Ulu Muda.

KERETAPI TANAH MELAYU— PERKHIDMATAN

2. Tuan Haji Hashim bin Endut (di bawah S.O. 24 (2)) minta Menteri Pengangkutan menyatakan bahawa memandangkan kenaikan tambang kapal terbang yang sentiasa dan kesesakan Lalulintas sama ada Kerajaan akan menimbang untuk memperbaiki selanjutnya perkhidmatan Keretapi Tanah Melayu supaya golongan rakyat yang berpendapatan rendah boleh mendapat faedah.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Dr Goh Cheng Teik): Tuan Yang di-Pertua, Perkhidmatan Keretapi adalah satu-satunya perkhidmatan awam yang memberi perkhidmatan untuk faedah golongan rakyat yang berpendapatan rendah.

Kerajaan memang sedar tentang hakikat ini dan dari itu telah menjadi dasar Kerajaan untuk sentiasa memperbaiki perkhidmatan Keretapi bagi kepentingan rakyat. Sebagai langkah memperbaiki dan memajukan perkhidmatan pihak Kerajaan telah memberi peruntukan sebanyak \$200 juta di bawah Rancangan Malaysia Ketiga dan peruntukan ini ditambah sebanyak \$150 juta lagi di bawah Kajian Semula Rancangan Malaysia Ketiga.

Berbagai-bagai projek kemajuan dan pembangunan telah dan sedang dilaksanakan dengan menggunakan peruntukan yang di-

sediakan. Di antara projek-projek itu termasuklah projek pembelian koc-koc, gerabak dan enjin-enjin baru, penggantian loji-loji dan mesin-mesin lama dengan yang baru, pembelian dan penggunaan mesin penyelenggaraan landasan sebagai suatu langkah baru dalam kerja-kerja penyelenggaraan landasan sebelumnya semata-mata menggunakan tenaga manusia dan alat-alat tangan dan satu lagi projek yang sedang dilaksanakan ialah memodenkan sistem persembayanan dan perhubungan.

Projek-projek ini adalah bertujuan meningkatkan keupayaan perkhidmatan Keretapi dengan menambahkan ketepatan, kelajuan dan keselamatan teren-teren di samping memberi perkhidmatan yang selesa misalnya teren-teren Ekspres Rakyat dan Ekspres K.T.M. adalah hasil dari kemajuan yang dilaksanakan di bawah dasar Kerajaan untuk memajukan perkhidmatan Keretapi dan teren-teren ekspres seperti ini akan ditambah lagi pada masa hadapan bagi memenuhi keperluan permintaan apabila enjin-enjin dan koc-koc baru yang sedang dipesan diterima nanti.

Langkah-langkah bagi memperbaiki perkhidmatan Keretapi akan diteruskan di bawah Rancangan Malaysia Keempat dan rancangan-rancangan Pembangunan seterusnya.

Tuan Hussein bin Mahmood: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi memberitahu beberapa cara untuk membaiki lagi perkhidmatan Keretapi Tanah Melayu dari segi peralatan. Soalan saya apakah juga tidak difikirkan bahawa soal kemanusiaan yakni perkhidmatan kakitangan Keretapi juga telah ditingkatkan. Jikalau ya, apakah usaha-usaha yang dijalankan oleh pihak Keretapi Tanah Melayu untuk mempertingkatkan mutu perkhidmatan kakitangan Keretapi sendiri?

Dr Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-Pertua, untuk meninggikan mutu perkhidmatan dalam Keretapi satu langkah yang mustahak ialah disiplin dan Pengurus Besar Keretapi Tanah Melayu telahpun memperkuatkan disiplin perkhidmatan keretapi selama beliau bertugas di Jabatan ini dan tindakan-tindakan disiplin seperti menahan kenaikan gaji dan amaran keras diberi kepada pihak-pihak kakitangan yang cuai dalam tugasnya. Di samping itu Kementerian sekarang menimbangkan satu cara bagaimana kuasa pengurusan Keretapi

Tanah Melayu dapat dikuatkan lagi kerana Kementerian berpendapat kalau pengurusan dapat kuasa yang cukup disiplin dapat diperkuatkan.

Tuan Alias bin Md. Ali: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu pendapat Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada beliau sedar bahawa masalah yang dihadapi oleh Keretapi sekarang ini ialah kerana Keretapi kita ini terlalu lambat. Jadi orang ramai kurang suka menggunakan perkhidmatan Keretapi, tambah pula Keretapi selalu tidak berjalan menurut jadual, lambat tiba ke setesyen dan sebagainya. Adakah pihak Kementerian bercadang hendak menggunakan di negeri ini enjin-enjin yang lebih cepat seperti "bullet train" yang digunakan di Jepun.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Speaker, tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada menyatakan bahawa Keretapi ialah satu perkhidmatan awam yang mustahak dan orang yang berpendapatan rendah digalakkan untuk menggunakan keretapi. Di sini suka saya tanya Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada beliau sedar bahawa orang ramai telah mendapati bahawa adalah tidak begitu selamat lagi untuk menggunakan keretapi oleh kerana ada banyak kemalangan yang berlaku, misalnya pada hari ini ada satu laporan dalam surat khabar yang mengatakan bahawa pada minggu yang lepas ada tiga kemalangan yang telah berlaku, dan jika Yang Berhormat Timbalan Menteri ada sedar, saya suka mendapat tahu apakah langkah-langkah yang lebih positif yang akan diambil oleh pihak KTM bagi tujuan menentukan bahawa sistem Keretapi adalah sentiasa selamat digunakan oleh orang ramai?

Dr Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya memang sedar bahawa baru-baru ini ada berlaku beberapa kegelinciran seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar.

Seperti Ahli-ahli Yang Berkhidmat sedia maklum memang ada beberapa faktor yang menyebabkan kegelinciran. Ada faktor alat-alatan, ada faktor manusia, ada faktor fizikal seperti landasan dan sebagainya. Jadi tentang faktor manusia, pihak pengurusan seperti saya katakan tadi akan memperkuatkan lagi disiplin dan akan mengambil tindakan keras termasuk buang kerja kalau perlu terhadap

pihak-pihak yang cuai dalam tugasnya. Tentang faktor-faktor yang lain seperti saya terangkan tadi, Keretapi Tanah Melayu sekarang sedang menjalankan beberapa projek untuk track renewal, untuk membaiki track structure, untuk mechanisation of track maintenance, untuk memodenkan signalling and communication dan akan membeli diesel electrical locomotive, passenger coaches dan sebagainya. Kalau yang perlu butir-butir saya boleh jelaskan.

PELAJAR MALAYSIA DI LUAR NEGERI—PENERANGAN

3. Tuan Alias bin Mohd. Ali minta Menteri Luar Negeri menyatakan adakah beliau sedar banyak salah faham mengenai dasar Kerajaan di kalangan pelajar-pelajar Malaysia di luar negeri. Apakah langkah-langkah yang diambil oleh Menteriannya bagi menghapuskan salah faham tersebut.

Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri (Tuan Kassim bin Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Luar Negeri melalui Kedutaan-kedutaan dan Suruhanjaya-suruhanjaya Tinggi kita di seberang laut tidak sunyi dengan menyebarkan penerangan-penerangan dan maklumat-maklumat berkenaan dengan dasar Kerajaan kita dengan membekalkan akhbar-akhbar tempatan, *Malaysia Digest* (dua keluaran sebulan), *Malaysia* (bulanan), *Panorama* serta telex-telex se.ain dari ceramah-ceramah yang diberi dari masa ke semasa oleh pegawai-pegawai dari perwakilan-perwakilan kita termasuk Pegawai-pegawai Attache Pelajaran kita. Begitu juga ceramah-ceramah ini dikendalikan dari semasa kesemasa oleh penganjur-penganjur kita termasuk Menteri-menteri yang membuat lawatan ke pusat-pusat yang mana terdapat ramai pelajar-pelajar kita.

Sungguhpun kita menghantar bahan-bahan penerangan dan maklumat-maklumat yang perlu kepada mereka, sebahagian kecil dari penuntut-penuntut ini sengaja mencari salah mengenai Dasar kita. Walau bagaimanapun kita tidak berdiam diri. Kita sentiasa memberi perhatian dan mencari jalan untuk membekalkan mereka dengan bahan-bahan dan maklumat-maklumat yang perlu bagi mereka dari masa ke semasa. Mudah-mudahan

dengan ini dapat kita mengikis dan seterusnya menghapuskan mana-mana salah faham yang ada.

Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sedar bahawa kejadian yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat dari Ulu Trengganu itu memang satu perkara yang nyata dan ini adalah disebabkan oleh pegawai-pegawai kedutaan sendiri tidak mahu sangat bercampur-gaul dengan rakyat Malaysia oleh sebab tindak-tanduk mereka berasaskan kepada protokol (protocol conscious). Jadi jika Setiausaha Parlimen sedar adakah pihak Kementerian bercadang untuk memberi kursus kepada pegawai-pegawai ini supaya mereka dapat menukar sikap dan sedia untuk bergaul mesra dengan rakyat Malaysia di luar Negeri.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian sebenarnya mempunyai cadangan untuk memberi kursus kepada pegawai-pegawai kita yang berada di seberang laut dan barangkali perkara ini akan dijalankan pada tahun hadapan ini.

Tuan Lim Kit Siang: Bukankah sebab yang menimbulkan keadaan di mana perhubungan antara pelajar-pelajar Malaysia di luar negeri maka Kerajaan tidak begitu puas hati ialah kerana keengganan bahawa pemimpin-pemimpin Kerajaan termasuk Menteri-menteri enggan berjumpa dengan pelajar-pelajar luar negeri selain daripada pelajar-pelajar yang tertentu sahaja.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmad: Setahu saya pak Menteri-menteri kita tidak pernah enggan menemui pelajar-pelajar. Yang menjadi masalahnya sebagaimana saya katakan di Dewan ini dahulu ialah daripada golongan pelajar itu sendiri. Mereka tidak ingin mendampingi ketua-ketua perwakilan kita dan juga penganjur-penganjur kita. Jadi, saya rasa elok benar Yang Berhormat sendiri sebagai Wakil Rakyat, jika berada di seberang laut menemui pelajar-pelajar dan memberi nasihat kepada mereka supaya mendampingi penganjur-penganjur kita dan juga ketua-ketua perwakilan kita.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, apakah benar satu daripada sebab pelajar-pela-

jar kita di luar negeri salah faham tentang dasar Kerajaan kita kerana mereka ini selalu menerima penerangan yang salah daripada pemimpin-pemimpin Pembangkang yang selalu melawat pelajar-pelajar dan anak-anak mereka di luar negeri. Jika benar, apakah Kerajaan bercadang untuk menahan atau mengurangkan mereka itu melawat pelajar-pelajar dan anak-anak mereka.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, mengenai salah faham berhubung dengan dasar kita, sebenarnya ada juga sebilangan kecil daripada pelajar-pelajar kita yang dikatakan mahu mencari popularity mereka dengan cara mencari sebab-sebab ataupun dengan cara memberi penerangan-penerangan yang agak berbeza dengan dasar kita yang sebenar. Dan di antara itu pula, ada kadangkala pihak-pihak, yang barangkali Pembangkang agaknya, semasa berada di luar negeri tidak begitu jujur dalam memberi penerangan berkenaan dengan dasar Malaysia kita. Kalau tiap-tiap seorang daripada kita khususnya Wakil Rakyat, memang sayang kepada negaranya ini, mempunyai semangat cinta yang seratus peratus kepada negara ini dan sanggup memberi penerangan yang jelas, mungkin barangkali soal salah faham itu tidak timbul kerap kali sangat.

Tuan Abdul Shukur bin Haji Siraj: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah kedutaan kita di tiap-tiap negeri asing mempunyai pegawai yang khas bertugas untuk pelajaran yang mengawasi pelajar-pelajar negeri kita di negeri yang berkenaan.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, ada. Umpamanya, kita ada Attache Pelajaran di Jakarta, New Delhi, Ottawa, Washington, London, Cairo, Sydney, Melbourne, Perth, Wellington. Jadi mereka ini menjalankan tugas untuk memberi perkhidmatan kepada pelajar-pelajar kita selain daripada perwakilan kita sendiri.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah.

Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, soalan No. 4.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan ini sekarang atas nama Yang Berhormat dari Baling.

PASUKAN KESELAMATAN SEMPADAN

4. Tuan Mohd. Nakhai bin Haji 'Ahmad (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan tujuan yang utama Kerajaan menubuhkan "Pasukan Keselamatan Sempadan" dan sama ada tanggungjawabnya termasuk mencegah keluar/masuk orang-orang secara haram. Sejauh manakah kerjasama unit/cawangan ini dengan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tuan Sanusi bin Junid): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, nama Pasukan Keselamatan Sempadan di Kelantan sudah ditukar dengan resminya kepada Unit Pencegah Penyeludupan (UPP). Unit ini adalah terdiri dari anggota-anggota Pasukan Polis, Imigresen, Kastam dan Lembaga Padi dan Beras Negara (LPN). Tujuan penubuhan unit ini ialah:

- (1) Mengadakan kawalan tambahan kepada sistem kawalan sempadan di tempat keluar masuk yang sah.
- (2) Mencegah keluar masuk orang secara haram serta penyeludupan orang-orang di sepanjang sempadan Malaysia/Thai.
- (3) Menghasilkan kerjasama atau penyelarasan yang lebih erat dan berkesan di antara agensi-agensi yang berkenaan menurut prinsip pendekatan perpadu (*integrated approach*). Kerjasama unit ini kepada Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri sangat rapat kerana dua di antara jabatan yang dianggotai unit tersebut adalah di bawah pentadbiran Kementerian ini.

Tuan Hussein bin Mahmood: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan dua soalan. Soalan yang pertama, sama ada kuasa-kuasa yang diberikan kepada Unit Pencegah Penyeludupan (UPP) ini sama ada daripada pihak Polis, Kastam, LPN. Imigresen sama dengan kuasa-kuasa polis, Yang kedua, oleh sebab mereka ini adalah terdiri daripada berbagai-bagai unit, kadangkala kita dapati keadaan pakaian seragam mereka itu tidak sangat membayangkan bahawa mereka ini sepatutnya mempunyai satu pakaian seragam seperti polis umpamanya.

Apakah pihak Yang Berhormat Timbalan Menteri bercadang supaya pakaian dan disiplin mereka ini mengikuti disiplin polis.

Tuan Sanusi bin Junid: Tuan Yang di-Pertua, mengenai kuasa oleh kerana semua pegawai-pegawai ini adalah mewakili bahagian masing-masing, maka kuasa-kuasa yang sedia ada pada mereka yang digunakan di dalam tindakan mereka waktu menjalankan tugas. Mengenai pakaian pula, buat sementara waktu ini kami berpendapat secara pakaian yang ada sekarang ini sudah cukup tetapi oleh kerana Ahli Yang Berhormat menimbulkan perkara ini, saya sendiri akan mengambil perhatian selanjutnya.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, saya faham bahawa salah satu tugas yang diberi untuk Pasukan Keselamatan Sempadan ialah berkenaan dengan kawalan tentang masalah dadah. Di sini suka saya bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri sejauh mana Pasukan Keselamatan Sempadan telah berjaya untuk mengurangkan kemasukan dadah melalui, misalnya, sempadan Malaysia/Thai.

Tuan Sanusi bin Junid: Mengenai dadah setakat ini dari bulan Jun, 1977 hingga September, 1980 dadah yang telah dirampas: Ganja—93.4 grams, satu pokok 1,033 batang. Candu—93.72 kilograms, 5 ketul kecil alat suntikan. Morphine—1.8/6 kilograms dan 11½%. Heroin—8,794.71 kilograms dan 345 tiub dan satu kotak mancis dan setengah botol plastik. Samsu—1,777.4 litres. Jadi dengan data-data ini berertilah badan UPP ini adalah berjaya di dalam usahanya untuk mencegah kemasukan dadah.

SOALAN NO. 5 DITARIK BALIK

Tuan Yang di-Pertua: Mengenai soalan No. 5, saya telah diberi tahu bahawa Yang Berhormat Datuk Haji Yusof bin Malim Kuning telah menarik balik soalnya.

PELABUHAN-PELABUHAN MALAYSIA—FASILITI

6. Tuan Chan Teck Chan minta Menteri Pengangkutan menyatakan apakah tindakan yang positif dan jangka-panjang telah diambil untuk mempermodernkan fasiliti dan kemudahan pelabuhan-pelabuhan yang ada di

negara kita, terutamanya Pelabuhan Kelang (dari segi perkhidmatan kecekapan dan pengurusannya) dan Pelabuhan Melaka dan Tanjung Keling Melaka, (dari segi fasiliti dan kapisiti).

Timbalan Menteri Pengangkutan (Dr Goh Cheng Teik): Tuan Yang di-Pertua, adalah menjadi hasrat Kerajaan untuk memaju dan mempermodenkan fasiliti dan kemudahan di Pelabuhan-pelabuhan yang ada di negara ini.

Kemudahan-kemudahan tambahan yang sedang dan akan dibina di Pelabuhan Kelang adalah seperti berikut:

- (a) Pusat Dagangan Kering Berpukul. Kos \$22.4 juta dijangka siap pada 1981.
- (b) Pusat Dagangan Cecair Berpukul. Kos 10 juta dijangka siap pada 1981.
- (c) Dermaga Sepanjang 640 meter. Kos \$56 juta. Dijangka siap pada 1983.
- (d) Pelabuhan baru bagi dagangan "conventional" di Pulau Lumut. Kos dianggarkan lebih kurang \$350 juta. Dijangka siap pada penghujung tahun 1985.

Di samping di atas, pihak Pelabuhan Kelang telah menyiapkan pembinaan Ramp - Ro-Ro dalam bulan Oktober 1980 dengan kos \$11 juta bagi membolehkan pelabuhan ini mengendalikan kapal-kapal Ro-Ro. Dari segi kecekapan dan pengurusan pula, pihak pelabuhan sentiasa mengambil berat bahawa kakitangan pelabuhan adalah cukup terlatih bagi menguruskan kerja-kerja mereka. Tindakan telah diambil di mana pegawai dan kakitangan pelabuhan diberi latihan sama ada dalam negeri ataupun di seberang laut. Pada tahun 1979 jumlah pegawai dan kakitangan Pelabuhan Kelang yang menerima latihan adalah sebanyak 949 orang.

Berhubung dengan Jeti Melaka pula, jeti ini baru sahaja disiapkan. Kerajaan sedang mengambil langkah-langkah yang sesuai supaya membolehkan ia digunakan dengan sepenuhnya.

Tuan Chan Teck Chan: Tuan Yang di-Pertua, apakah sebab Kementerian Pengangkutan yang berkenaan memperkecil-kecilkan pelabuhan di negeri Melaka? Umpamanya pelabuhan-pelabuhan yang ada di negeri Melaka dipanggil "jeti" kerana jeti dan pelabuhan adalah berlainan dan juga dalam

Belanjawan untuk tahun 1981 semua pelabuhan di seluruh Malaysia adalah mendapat peruntukan kecuali kedua-dua pelabuhan di Melaka langsung tak dapat satu sen pun. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar, dan kalau sedar, apakah sebabnya satu dasar yang tidak adil diamalkan terhadap negeri Melaka?

Dr Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Persekutuan tidaklah memperkecilkan jeti di Melaka. Sebenarnya Kerajaan mengambil berat tentang perkara ini dan telahpun mengadakan mesyuarat beberapa kali dengan Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Melaka sendiri. Kementerian sekarang mengkaji langkah yang barangkali lebih berkesan bagi jeti Melaka, iaitu membawa jeti ini di bawah pentadbiran Lembaga Pelabuhan Kelang.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Speaker, dari segi perkhidmatan dan kecekapan di Pelabuhan Kelang saya suka bertanya sama ada Yang Berhormat Timbalan Menteri ada sedar bahawa masalah kesesakan kontena di Pelabuhan Kelang belum dapat diatasi dengan memuaskan. Jika beliau sedar, suka saya mendapat tahu apakah langkah terbaharu yang hendak dikemukakan oleh pihak yang berkuasa untuk mengatasi masalah ini. Di samping ini suka saya mendapat tahu apakah kemajuan yang telah dicapai oleh pihak Kerajaan berkenaan dengan penubuhan satu jawatankuasa khas untuk mengatasi masalah kesesakan kontena di Pelabuhan Kelang.

Dr Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya memang mengakui bahawa masalah kesesakan di terminal container Pelabuhan Kelang belum lagi diatasi. Walau bagaimanapun, dalam beberapa minggu ini adalah mencapai sedikit-sebanyak kemajuan untuk mengatasi masalah ini:

Pertama, Lembaga Pelabuhan Kelang telahpun memperkenalkan sistem "tonnage bonus" sebagai satu insentif kepada pemandu-pemandu straddle carrier, crane, forklift dan sebagainya sebagai satu insentif kepada operator-operator untuk mendapati lebih productivity.

Kedua, straddle carrier yang dapat digunakan pun adalah bertambah. Dari 4hb November hingga 10hb November, average straddle carrier yang dapat digunakan atau

average straddle carrier availability ialah 4, 11hb November hingga 16hb November ialah 6 dan 17hb November hingga pukul 7 pagi ini, 23hb November, ialah 8. Dengan ini dan dengan langkah tambahan oleh Kontena Nasional menambahkan kenderaan-kenderaan yang diperlukan productivity adalah dapat dilihat. Misalnya dari 26hb Oktober hingga 10hb November, average container yang dikendalikan, average delivery container boxes ialah 114 sehari. 11hb November hingga 23hb November ialah 147 unit. Kami tidak berpuas hati dengan kadar yang dicapai dan pihak yang berkenaan Lembaga Pelabuhan Kelang, Kontena Nasional, Keretapi Tanah Melayu dan pihak-pihak swasta pun sedang berusaha dan meninggikan lagi kadar pengendalian kontena.

Tuan Muhyiddin bin Haji Mohamed Yassin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu sama ada Yang Berhormat Timbalan Menteri Pengangkutan sedar tentang kedudukan istimewa yang harus dihadapi oleh Pelabuhan Pasir Gudang di Johor oleh sebab keadaannya berhampiran dengan Pelabuhan Singapura. Sekiranya sedar, apakah langkah-langkah dan juga rancangan-rancangan baru yang akan diadakan di pelabuhan tersebut bagi menarik lebih ramai lagi syarikat-syarikat perkapalan, pengimport dan pengeksport menggunakan pelabuhan itu.

Dr Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-Pertua, pada masa dahulu apabila Kerajaan merancang membina pelabuhan di negeri Johor adalah orang yang berkata bahawa ini merupakan satu "white elephant". Sebenarnya berth-berth di Pelabuhan Johor telah digunakan dengan sepenuhnya. Pada masa ini ada 2 ocean-going berth dan 1 lighterage wharf dan semuanya digunakan dengan sepenuhnya. Oleh yang demikian, dengan secepat mungkin Kerajaan sedang membina 3 lagi wharf tambahan: 1 akan disiapkan pada tahun 1981 dan 2 lagi disiapkan pada tahun 1983. Di samping itu Kerajaan pun sekarang membina 1 dangerous cargo jetty, 1 lighterage jetty dan 1 tranship shed di Pasir Gudang.

BUKU-BUKU TEKS SEKOLAH— BACAAN

7. Tuan Kamaluddin bin Maamor minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada beliau sedar bahawa banyak pelajar-pelajar kita

terutama sekali pelajar-pelajar Bumiputra, mahupun di sekolah rendah, menengah ataupun di pusat pengajian tinggi, tidak gemar membaca melainkan buku-buku teks mereka dan ini akan merugikan Negara kita dan jika ya, sama ada Kementerian ini akan meninjau semula sistem dan cara pendidikan serta pengajian di sekolah terutama di peringkat sekolah menengah untuk menjadikan membaca dan berfikir sebagai matlamat yang hendak dicapai menerusi sistem pendidikan kita di samping matlamat yang lain seperti pencapaian ilmu pengetahuan, pembentukan serta pembinaan rohaniah dan jasmaniah dan bagi pencapaian matlamat ini, apakah tindakan Kementerian ini akan ambil.

Menteri Pelajaran (Dato' Musa bin Hitam): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya memang sentiasa menggalakkan murid-murid di setiap peringkat persekolahan untuk membaca buku-buku lain selain dari buku-buku teks sekolah.

Kementerian saya telahpun membuat peruntukan khas untuk perpustakaan sekolah. Dengan peruntukan ini sekolah-sekolah dapatlah melengkapkan perpustakaan mereka dengan buku-buku bacaan murid-murid.

Sejak tahun 1974 peruntukan wang telah disediakan oleh Kerajaan untuk tiap-tiap sekolah rendah dan menengah. Kadar pemberian peruntukan ini adalah bergantung kepada bilangan murid di satu-satu sekolah. Misalnya, Sekolah Rendah yang mempunyai bilangan murid kurang dari 100 orang akan menerima peruntukan \$200.00 setahun dan sekolah yang mempunyai murid melebihi 500 orang, akan menerima \$740.00 setahun untuk 500 orang murid yang pertama dan bilangan yang selebihnya diberi peruntukan sebanyak \$1.00 bagi tiap-tiap murid. Walau bagaimanapun, cara peruntukan seperti ini dirasai kurang memuaskan.

Oleh itu untuk tahun-tahun 1981-1985 dan 1986-1990, Kementerian saya telah menandatangani kadar baru untuk perpustakaan sekolah membeli buku-buku bacaan murid-murid. Kadar ini dicadangkan diberi secara berperingkat seperti berikut:

<i>Tahun</i>	<i>Jenis Sekolah</i>	<i>Tiap-tiap Murid Setahun</i>
1981-1985	Rendah	\$ 4.00
	Menengah	7.50
1986-1990	Rendah	6.50
	Menengah	12.00

Kadar buku yang perlu sekolah simpan sebagai stok untuk pembacaan murid-murid juga sedang disemak semula mengikut formula-formula tertentu.

Saya mengaku bahawa memanglah masih terdapat juga sebilangan murid-murid yang kurang gemar membaca, kerana minat untuk membaca buku-buku selain daripada buku-buku teks sekolah masih lagi berkurangan.

Baru-baru ini Kementerian saya telah menjalankan satu projek bacaan secara percubaan (pilot project) untuk menanamkan minat gemar membaca di kalangan murid-murid sekolah rendah. Projek ini akan melibatkan beberapa buah sekolah rendah dan dimulakan dengan murid-murid darjah III dan seterusnya. Buku-buku untuk projek ini disediakan mengikut kebolehan murid-murid membacanya. Buku-buku ini diperingkatkan dari segi perbendaharaan kata, struktur ayat, kompleksiti jalan ceritanya, ejaan dan teknik percetakan. Buku-buku ini pula meliputi semua lapangan pengetahuan seperti sains fiksi, kajian alam, sejarah dan sebagainya. Adalah dijangkakan, jika projek percubaan ini berjaya, ianya akan diperluaskan.

Berasas kepada pengetahuan yang diperolehi, adalah dirancangkan sekiranya keadaan semuanya lengkap, seseorang murid akan dapat membaca lebih kurang 40-50 buah buku setahun (hitung panjang 4 buah buku sebulan).

Dengan adanya buku-buku bacaan Bahasa Malaysia yang kian bertambah di dalam pasaran buku hari ini, Kementerian saya akan pula menjalankan projek ini di peringkat sekolah menengah.

Dato' Hishamuddin bin Haji Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Menteri sedar iaitu kaum guru pernah mengemukakan pendapat mereka menerusi akhbar mengatakan bahawa sukatan pelajaran di peringkat rendah sekarang ini adalah terlalu berat dan pernah dikemukakan di dalam Dewan ini, seorang Ahli mengatakan buku yang dibawa oleh anaknya ke sekolah sama berat dengan dirinya sendiri. Dan juga Timbalan Menteri ada memberi jawapan di dalam Dewan ini mengatakan perkara ini memang disedari. Jadi jikalau di sekolah rendah sukatan pelajaran itu telah begitu berat dan detail, apatah lagi

di sekolah menengah. Adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa keberatan sukatan pelajaran inilah yang menyebabkan penuntut-penuntut di sekolah menengah dan juga rendah tidak ada masa untuk membaca buku-buku lain melainkan membaca buku-buku teks ini sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Soal sukatan pelajaran ini di luar daripada soalan asal tetapi ada kaitannya pertanyaan Ahli Yang Berhormat yang akhir itu mengatakan itu yang menyebabkan murid-murid tidak membaca buku-buku selain daripada buku teks. Itu ada hubungan.

Dato' Musa bin Hitam: Ya, Tuan Yang di-Pertua. Pada mulanya saya pun bersetuju. Saya nampak dia pandai mengaitkan soal ini dengan soalan asal. Jali, saya sukalah menyatakan bahawa sebenarnya bukan sahaja kaum guru yang menyatakan anak-anak kita di sekolah rendah hingga rebah bahunya membawa buku-buku bacaan. Saya sendiri telah bercakap beberapa kali, maka itulah sebabnya di dalam Laporan Jawatankuasa Kabinet telah ditelitikan dan tepat disebutkan atas keadaan ini dan sedang dibuat rancangan untuk memperbetulkan keadaan ini.

Sayogia saya mengambil kesempatan mengingatkan Ahli-ahli Yang Berhormat di sini dan rakyat jelata bahawa perakuan Jawatankuasa Kabinet ini baru sahaja dibuat tahun ini, tetapi nampaknya maklumlah manusia di dalam masyarakat ini mengatakan apa sudah dibuat, masih lagi keadaan. Memanglah masih. Jadi terpaksa digubalkan cara mata pelajaran di bangku sekolah dan kesannya pun saya fikir tidak boleh dipastikan dalam masa dua tiga tahun, barangkali lima atau sepuluh tahun, setelah saya berundur dalam politik, agaknya orang-orang mula jadi Menteri Pelajaran

Tuan Yang di-Pertua: Mengapa lekas sangat hendak berundur ini?

Dato' Musa bin Hitam: Nanti, lama lagi, Tuan Yang di-Pertua. Orang muda-muda ini jadi Menteri barulah nampak agaknya hasilnya. Walau bagaimanapun memang dipersejutujui atas kedudukan yang mendukacitakan setakat ini, tetapi saya percaya perkara ini akan dapat diperbetulkan, insya Allah berasas kepada Laporan Jawatankuasa Kabinet.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri, adakah beliau sedar bahawa dengan mengadakan buku-buku dan khutub khajah sahaja tidak bermakna murid itu akan suka atau galak untuk membaca. Apakah pihak Kementerian bercadang untuk mengadakan jadual waktu perpustakaan di sekolah rendah dan sekolah menengah yang khusus bagi murid-murid membaca buku-buku lain selain daripada buku-buku teks di samping mengajar cara-cara menggunakan buku-buku di perpustakaan.

Dato' Musa bin Hitam: Tuan Yang di-Pertua, bagi memberikan satu waktu khas setahu saya belum lagi ada dapat dibuat sebagai rancangan di dalam siri mata pelajaran di kalangan sekolah, oleh sebab maklumlah perkara lain pun hendak diisikan di dalam mata pelajaran ini. Walau bagaimanapun, saya bersetuju dengan Ahli Yang Berhormat bahawa mengadakan perpustakaan dan bahan-bahan bacaan sahaja tidak cukup. Ada faktor-faktor lain, galakan, kebiasaan dan contoh oleh guru-guru dan sebagainya dan inilah satu daripada perkara yang sedang diteliti oleh Kementerian Pelajaran supaya kita melihat cara-cara yang lain. Kalau ada masa kadangkala tiap-tiap minggu ada satu waktu yang lapang bagi murid-murid ini, barangkali waktu itulah boleh digunakan untuk diberikan panduan kepada murid-murid untuk mendapat minat dan memahami cara-cara membaca buku lain, selain dari pada buku teks sekolah.

Tuan Chan Teck Chan: Adakah Yang Berhormat sedar selain daripada sukatan pelajaran satu faktor yang mengakibatkan pelajar-pelajar berminat untuk membaca ialah kerana bahan-bahan bacaan yang ada di negara kita kurang memuaskan khasnya dari segi standard ilmiahnya kalau dibandingkan dengan bahan-bahan bacaan dari Indonesia, baik dalam sastera atau novel atau cerita pendek dan lain-lain kurang standard ilmiyahnya. Jika Yang Berhormat Menteri sedar, apakah tindakan akan diambil untuk mengeluarkan lebih banyak lagi bahan-bahan bacaan yang cukup standard ilmiahnya?

Dato' Musa bin Hitam: Tuan Yang di-Pertua, saya sedar, itulah sebabnya dalam jawapan ini telahpun disebutkan apa langkah yang akan diambil.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Oo Gin Sun.

Tuan Au How Cheong: Tuan Yang di-Pertua, soalan ke 8.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan ini sekarang atas nama Ahli Yang Berhormat dari Telok Anson.

KESATUAN EROPAH DAN ASEAN

8. Tuan Au How Cheong (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan baru-baru ini Kesatuan Eropah dan ASEAN telah menandatangani Perjanjian Kerjasama; adakah petanda-petanda persediaan oleh Kesatuan Eropah bagi mengurangkan cukai itu.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato' Lew Sip Hon): Tuan Yang di-Pertua, sukacita saya memaklumkan bahawa Perjanjian Kerjasama di antara ASEAN dengan Kesatuan Eropah (EEC) telah disahkan oleh Majlis Kesatuan Ekonomi Eropah pada 30hb Mei, 1980.

Mengikut perjanjian yang tersebut, pihak Kesatuan Ekonomi Eropah telah memberi jaminan di mana pihaknya akan memberi kemudahan-kemudahan yang luas untuk perdagangan dan juga memberi pengakuan bahawa pihaknya akan memudahkan lagi kemasukan barangan dari ASEAN.

Pihak Kesatuan Ekonomi Eropah telah memberi petanda-petanda yang konkrit di mana cukai-cukai ke atas barang-barang tertentu dari ASEAN telah dikurangkan. Misalnya, potongan-potongan cukai sebanyak 20% hingga 50% telah diberi di bawah "Pemberian Layanan Negara Terbaik" (Most Favoured Nation Treatment). Barang-barang ini termasuklah lada hitam, lada putih, biji koko, barang-barang dari getah asli dan hasil dari kayu. Di bawah Sistem Istimewa 'Am

(General System of Preferences) pula Kesatuan Ekonomi Eropah telah memberi potongan-potongan cukai yang berjumlah 5% hingga 100% kepada barang-barang tertentu seperti ikan dan udang yang dibekukan, buah-buahan, minyak kelapa, minyak kelapa sawit dan kopi.

Masalah yang lebih penting di sini bukanlah saja soal potongan cukai tetapi lain masalah seperti kuota, paras maksima (ceiling) dan pengkelasan barangan kepada barang sensitif; tidak begitu sensitif; dan sangat sensitif. Perkaraperkara ini telah menghalang eksport negara-negara ASEAN kepada negara-negara Kesatuan Eropah.

Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Soalan tambahan. Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi mengatakan kita memang mengharap berbagai faedah dari Perjanjian Kerjasama ASEAN-EEC. Jadi soalan saya adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa ada kemungkinan harapan kita itu mungkin tidak akan dicapai dengan sepenuhnya oleh sebab ada tanda-tanda yang menyatakan tekanan pimpinan untuk memajukan perjanjian ini adalah diberi oleh Duta Besar Singapura di Brussels dan memandangkan kepentingan Singapura adalah berlainan sangat dengan kepentingan negara ASEAN yang lain, adakah pihak Kerajaan bercadang supaya Duta kita di sana memainkan peranan yang lebih penting dalam memajukan Perjanjian Kerjasama ASEAN-EEC ini?

Dato' Lew Sip Hon: Tuan Yang di-Pertua, cara Asean berunding dengan negara-negara seperti EEC atau negara lain adalah melalui satu negara yang dilantik sebagai spokesman. Jadi dalam forum di antara ASEAN dengan Eropah, Singapura jadi ketua. Jadi semua masalah dikemukakan melalui Duta Besar Singapura di Brussels dan juga jika ada masalah berkenaan Amerika Syarikat itu akan terpulang kepada Malaysia tetapi langkah untuk berunding dengan negara-negara itu boleh dikatakan collective dan bukan beri keuntungan cuma satu negara dalam ASEAN sahaja.

ORANG ASING—SEKATAN MEMILIKI TANAH

9. Tuan Shaari bin Jusoh minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan adakah Kementeriannya sedar

bahawa tanah-tanah di Malaysia sekarang ini dapat dibeli dan dimiliki oleh orang di negara luar; jika sedar adakah Kerajaan bercadang mengadakan sekatan supaya tanah-tanah di Malaysia tidak dibenarkan kepada orang negara luar membeli/memilikinya.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Dato' Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah memang sedar bahawa tanah-tanah di Malaysia sekarang ini, melainkan tanah-tanah Rizab Melayu, dapat dibeli dan dimiliki oleh orang-orang dari luar negeri. Dan hal ini dibolehenkan oleh Seksyen 43 (a) Kanun Tanah Negara yang tidak dapat menyekat segala urusan (dealings) mengenai tanah oleh warganegara asing.

Buat masa ini Kerajaan tidak bercadang untuk mengadakan sekatan supaya tanah-tanah di Malaysia tidak dibenarkan kepada orang-orang negara luar membeli dan memilikinya. Pada pendapat pentadbiran adalah tidak wajar menyekat orang-orang luar negeri memiliki tanah memandangkan bahawa kebanyakan tanah yang telah diberi milik kepada warganegara asing sejak beberapa tahun yang lampau adalah untuk tujuan perniagaan. Tambahan pula pada masa ini kita sedang menggalakkan pelaburan dari luar negeri ke Malaysia. Sekiranya orang luar negeri tidak dibenarkan memiliki tanah maka usaha menarik pelaburan ke negara ini akan terjejas. Dalam hal ini Kerajaan sangat berhati-hati dan tidak akan membiarkan hal seperti ini berlaku sewenang-wenangnyanya.

Tuan Haji Ikhwan bin Nasir: Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Setiausaha Parlimen telah mengatakan bahawa Kerajaan tidak bercadang untuk melarang pemilikan tanah untuk warganegara asing. Soalan saya apakah yang dimaksudkan oleh Setiausaha Parlimen itu iaitu peluang perniagaan itu termasuk land speculation yang dijalankan oleh orang luar negeri.

Dato' Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar: Tuan Yang di-Pertua, seperti saya katakan tadi di samping kita tidak bercadang hendak menyekat orang luar daripada memiliki tanah oleh kerana dasar kita hendak menggalakkan pelaburan datang ke negara ini, tetapi Kerajaan tidak akan membiarkan hal seperti ini

berlaku dengan sewenang-wenangnya. Berke-
naan masalah yang ditimbulkan oleh Ahli
Yang Berhormat itu, sebenarnya perkara ini
dalam perhatian dan telahpun dibawa ke per-
hatian Majlis Tanah Negara.

**Tuan Muhyiddin bin Haji Mohamed
Yassin:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tam-
bahan. Apakah dengan sebab adanya perun-
tukan 43 (a) Kanun Tanah Negara tadi, maka
kita tidak boleh menyekat, tidakkah ada
cadangan Kementerian untuk memperaku-
kan pindaan kepada Kanun Tanah Negara
itu?

Dato Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar:
Sebagaimana saya katakan walaupun kita
tidak bercadang untuk mengadakan satu per-
aturan menyekat, memandangkan dasar kita
untuk menggalakkan pelaburan asing. Kera-
jaan adalah sangat berhati-hati; maksud
berhati-hati ialah waktu hendak meluluskan
satu-satu permohonan daripada orang luar
dengan tujuannya yang saya perkatakan tadi.

Tuan Shaari bin Jusoh: Tuan Yang di-
Pertua, soalan tambahan. Sesudah Setiausaha
Parlimen kata tidak bercadang hendak disekat
dan perkara ini telah berlaku kalaulah ada
dalam ingatan atau catitan bolehkah saya
dapat tahu setakat hari ini berapa keluasan
tanah yang telah dijual kepada orang luar
daripada Rakyat Malaysia. Soalan kedua, bila
dijual adakah pu'a dikenakan cukai sebagai-
mana diambil oleh Kerajaan sama dengan
rakyat Malaysia ataupun berlainan.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan yang per-
tama itu tentulah Yang Berhormat Setia-
usaha Parlimen berkehendakkan notis. Soalan
kedua ucapan daripada Yang Berhormat
Mulia Menteri Kewangan sudah ada dalam
ucapan Belanjawannya, tetapi kalau ada Yang
Berhormat Setiausaha Parlimen hendak men-
jawab.

Dato' Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar:
Tidak.

Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir:
Tuan Yang di-Pertua, adakah Setiausaha
Parlimen sedar bahawa kebanyakan pembe-
lian tanah yang sedang berlaku sekarang
ini adalah hasil spekulasi semata-mata bukan
lagi pelaburan. Ini adalah disebabkan harga

tanah di Hongkong dan Singapura begitu
tinggi sekali, maka ramai orang di sana seka-
rang datang khasnya ke Pulau Pinang, Kuala
Lumpur dan Johor Bahru untuk membeli
tanah semat-mata untuk tujuan spekulasi.

Dato' Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar:
Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana saya kata-
kan tadi perkara yang dikemukakan oleh
Ahli Yang Berhormat dari Kulim-Bandar
Bharu adalah dalam perhatian Kerajaan.

GULA—KEKURANGAN BEKALAN

**10. Tuan Haji Nik Abdul Aziz bin Haji Nik
Mat** minta Menteri Perdagangan dan Perin-
dustrian menyatakan apakah satu tindakan
yang dianggap baru, dalam usaha memulihkan
kembali bekalan gula seperti sedia kala di
seluruh negara dan sama ada benar bahawa
satu pasukan khas telah dibentuk untuk
mengiringi kimpit-kimpit gula yang di-
hantar ke Kelantan melalui Keretapi. Sama
ada pengiriman gula ke Kelantan dengan lori
dibuat dengan cara yang sama dan jika ya,
mengapa kekurangan gula masih juga berlaku
di Kelantan hingga hari ini.

**Timbalan Menteri Perdagangan dan Perin-
dustrian (Dato' Lew Sip Hon):** Tuan Yang
di-Pertua, soalan ini adalah hampir sama
dengan soalan dari Ahli Yang Berhormat
dari Tanjung pada 14-10-80 di mana saya
telah memberi jawapannya. Dan lagi dalam
ucapan saya menggulung perbahasan Ang-
garan Belanjawan Kementerian saya pada hari
Jumaat yang lalu, saya telahpun memberi satu
gambaran yang lengkap terhadap masalah
bekalan dan harga gula di negara, maka saya
tidak ada apa-apa tambahan buat masa ini.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat
Tuan Haji Hashim bin Haji Ghazali.

(Soalan No. 11 Y. B. Tuan Haji Hashim
bin Haji Ghazali tidak hadir).

DAKWAH ISLAMIAH—UNDANG- UNDANG PENGAWALAN

12. Tuan Awang bin Jabar minta Perdana
Menteri menyatakan adakah Kerajaan berca-
dang untuk mengadakan Undang-undang bagi
melicinkan perjalanan Dakwah Islamiah di
negara ini.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Abdullah bin Abdul Rahman): Tuan Yang di-Pertua, setakat ini belum ada lagi cadangan tertentu untuk mengadakan sesuatu undang-undang khusus untuk mengawal kegiatan dakwah. Walau bagaimanapun, pada masa ini di dalam Enakmen-enakmen Pentadbiran Hukum Syarak Negeri-negeri telah terdapat peruntukan iaitu peruntukan-peruntukan yang memerlukan kebenaran untuk mengajar agama dan yang menegah ajaran dan amalan yang salah. Oleh itu Kerajaan-kerajaan Negeri adalah berkuasa mengambil tindakan mengikut peruntukan tersebut jika ada badan-badan dakwah atau pendakwah-pendakwah yang bertindak bertentangan dengan enakmen itu.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Ismail bin Said.

(Soalan No. 13 Y. B. Tuan Ismail bin Said tidak hadir).

RANCANGAN TANAH FELDA— JUMLAH KELUARGA PENEROKA

14. Tuan Lim Cho Hock minta Menteri Kemajuan Tanah dan Wilayah menyatakan jumlah keluarga yang ditempatkan di dalam Rancangan Tanah FELDA dan sila berikan pecahan kaumnya. Sila nyatakan mengapa begitu sedikit sekali bukan-bumiputra yang diterima masuk.

Dato' Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar: Tuan Yang di-Pertua, sehingga 30hb Oktober, 1980 terdapat seramai 62,393 keluarga peneroka telah ditempatkan di rancangan-rancangan tanah FELDA.

Pecahan mengikut kaum adalah seperti berikut:

Melayu	...	60,137 orang
China	...	1,145 "
India	...	1,078 "
dan lain-lain	...	33 "

Bilangan yang kecil dari kaum bukan bumiputra ialah disebabkan semenjak FELDA ditubuhkan sehingga baru-baru ini sambutan daripada kaum bukan bumiputra untuk memasuki rancangan FELDA didapati sangat dingin dan ramai pula di antara mereka yang telah diberi tempat meninggalkan rancangan, hanya dalam masa setahun dua yang lepas

sahaja kaum bukan bumiputra menunjukkan minat untuk memasuki ke rancangan FELDA.

GURU BESAR—KENAIKAN PANGKAT

15. Tuan Haji Hashim bin Endut minta Menteri Pelajaran menyatakan adakah Kerajaan telah melaksanakan kenaikan pangkat bagi Guru-guru C-1 kepada jawatan gurubesar kategori C dan D sekolah menengah rendah atau menjadi penolong pengelola sekolah rendah sepertimana yang ada dalam perauran profesyen guru yang telah dijanjikan dahulu. Jika tidak, nyatakan sebab kelewatan bagi mereka terutamanya di Kedah.

Dato' Musa bin Hitam: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya soalan-soalan yang serupa telahpun dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dan dijawab pada 4hb dan 17hb November yang lalu. Saya tidak ada apa-apa yang hendak ditambah.

ANAK BARISAN NASIONAL BELAJAR DI SEBERANG LAUT

16. Tuan Fung Ket Wing minta Menteri Pelajaran menyatakan bilangan anak-anak pemimpin Barisan Nasional yang belajar di seberang laut, terutamanya anak-anak Menteri, Timbalan Menteri, Setiausaha Parlimen, Menteri Besar, mengapa mereka menghantar anak-anak mereka ke seberang laut dan sama ada mereka menganggap sistem pelajaran negara tidak sesuai lantas mereka menghantar anak-anak mereka ke seberang laut dan sama ada Kerajaan bersedia menyemak semula dasar pelajaran di negara ini untuk menghalang pemimpin-pemimpin Barisan Nasional menghantar anak mereka ke seberang laut untuk melanjutkan pelajaran.

Dato' Musa bin Hitam: Tuan Yang di-Pertua, untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat Kerajaan pada prinsipnya tidak mahu campurtangan, apatah lagi cuba menghalang kebebasan seseorang rakyat memilih asalkan geraklaku atau perbuatan hasil daripada pemilih itu tidak terkeluar dari rangka bidang sesuatu dasar.

Dalam hal pelajaran Kerajaan hanya boleh menyediakan satu dasar yang lengkap serta menyediakan kemudahan-kemudahan yang berkaitan. Tetapi jika masih ada ibu bapa

atau siapa sahaja yang mampu dan hendak menghantar anak-anak mereka belajar di seberang laut, maka Kerajaan tidaklah berhasrat hendak menyekatnya.

Sebagai yang kita sama-sama ketahui pemergian penuntut-penuntut kita keluar negeri sedikit sebanyak dapat mengurangkan kadar kemasukan ke sekolah-sekolah khasnya ke Institusi-institusi Pengajian Tinggi dan dengan ini bolehlah mengwujudkan lebih banyak tempat dan kemudahan belajar bagi mereka yang tidak mampu keluar negeri. Pada hemat saya penghantaran muda-mudi kita keluar negeri untuk belajar terutama di peringkat Institusi-institusi Pengajian Tinggi tidak menggambarkan perasaan bahawa sistem pelajaran kita sekarang tidak sesuai, malah ianya membantu Kerajaan menayakan sistem pelajaran kita. Itulah sebabnya Kerajaan sendiri menghantar begitu ramai muda-mudi kita belajar ke luar negeri.

Kementerian saya tidak ada menyimpan rekod yang khusus menunjukkan bilangan anak-anak Menteri atau Pemimpin-pemimpin Barisan Nasional yang kini sedang belajar di luar negeri, sebaliknya rekod yang menunjukkan bilangan keseluruhannya iaitu bagi semua lapisan rakyat, sungguhpun belum lengkap, memang ada kerana dalam soal kebebasan memilih tidak ada perbezaan antara golongan Menteri dan Timbalan Menteri dengan rakyat jelata yang lain.

Tuan Lim Cho Hock: Soalan tambahan. Soalan pertama, adakah Menteri sendiri menghantar anak ke luar negeri untuk belajar?

Dato' Musa bin Hitam: Tuan Yang di-Pertua, pada mulanya saya fikir hendak mengatakan Menteri-menteri lain, saya tidak tahu, tetapi saya tahu atas kedudukan saya. Saya telah dengan cara terbuka menulis surat di dalam satu akhbar tempatan mengaku dengan bangganya bahawa saya ada dua orang anak di luar negeri, satu ditahun kedua belajar di universiti luar negeri dan satu lagi belajar di peringkat "A" Level. Saya berasa bangga mereka ini belajar di luar negeri, oleh sebab ini tidak bertentangan dan ini akan memperluaskan pelajaran anak saya dan hasratnya sama dengan seperti saya katakan di sini.

Saya tidak suka begitu personal sangat, kalau hendak tanya, saya pun boleh tanya Ketua Pembangkang atau Ahli Pembangkang ada anak atau tidak di luar negeri (*Keiawa*) tetapi pada pendapat saya kenyataan bahawa kedua-dua pihak Pembangkang dan kami semua ada yang anaknya dihantar ke luar negeri atau tidak cuma memperkuatkan hujah yang saya sebutkan tadi.

Tuan Lim Cho Hock: Tuan Yang di-Pertua. soalan tambahan

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Pasir Puteh.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, berkait dengan pelajaran luar negeri juga, mengikut jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri Pelajaran pada 13hb November lalu daripada 3,000 pelajar yang belajar di Australia itu termasuk anak wakil dari Seremban dan juga anak wakil dari Petaling. Jadi adakah anak-anak mereka ini ada belajar di negeri-negeri lain misalnya di London, di England yang ada sekarang, kalau tidak ada rekod mungkin ada berita-berita yang didapati dari Kementerian Pelajaran.

Dato' Musa bin Hitam: Tuan Yang di-Pertua, saya dukacita nampaknya soal ini melarat kepada personal, tetapi untuk menjawab soalan itu, setahu saya ada, misalnya anak Ketua Pembangkang ada anak, saya terjumpa waktu saya di luar negeri, (*Keiawa*) tetapi sebaliknya saya suka menegaskan bahawa Kerajaan dan rakyat tidak marah ataupun menyalahkan sesiapa oleh sebab hasrat seperti saya kata tadi ialah bahawa ianya sebenarnya kena dengan dasar pelajaran kita iaitu hendak memberi pelajaran dan kesempatan belajar kepada sesiapa juga yang mampu hendak keluar negeri bolehlah, yang tidak mampu belajar dalam negeri atau diberikan biasiswa dan sebagainya, tetapi soal prinsip di sini ialah prinsip keluar negeri, belajar dan prinsip itulah diterima oleh Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 11, 13 dan 17 hingga 21 adalah diberi di bawah ini)

HOSPITAL DI SELAMA

11. Tuan Haji Hashim bin Haji Ghazali minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada beliau sedar betapa perlunya di Daerah Kecil Selama, Perak didirikan sebuah hospital untuk keperluan rakyat di kawasan tersebut; jika sedar, bila.

Timbalan Menteri Kesihatan (Dr Sulaiman bin Haji Daud): Kementerian saya adalah sedar bahawa kita perlu mendirikan sebuah hospital di Selama. Tindakan bagi mendapatkan tapak telahpun selesai. Pembinaan hospital ini dijangka bermula dalam tahun 1982.

KOMPLEK PERKAYUAN

13. Tuan Ismail bin Said minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan memandangkan bahawa perbelanjaan yang terpaksa ditanggung oleh kompleks-komplek perkayuan di dalam skim menanam semula hutan begitu tinggi, adakah Kementerian ini bercadang hendak memberi subsidi kepada kompleks-komplek yang berkenaan bagi melaksanakan skim ini.

Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Tuan Bujang bin Haji Ulis): Mengikut perjanjian yang ditandatangani di antara Kerajaan Negeri dengan syarikat-syarikat yang mengusahakan kompleks-komplek perkayuan dan menjalankan kegiatan membalak di dalam kawasan perjanjian yang luasnya 50,000 ekar dan ke atas, syarikat-syarikat adalah disyaratkan supaya menjalankan kerja-kerja pemuliharaan hutan dan menanam semula kawasan hutan yang telah dibalak. Syarikat-syarikat ini mempunyai keupayaan dari segi sumber kewangan untuk menjalankan kerja-kerja mengkhutan semula. Setakat ini belum lagi terdapat mana-mana kompleks perkayuan yang menjalankan kerja-kerja pembangunan hutan dengan giat dan belum ada permohonan untuk bantuan subsidi.

Dalam usaha mengkhutan semula ini, saya suka menegaskan bahawa Kerajaan sendiri adalah memainkan peranan yang besar. Di samping menjalankan kerja-kerja mengkhutan semula melalui rawatan silvikalcar, Kerajaan bercadang akan melaksanakan rancangan penanaman semula hutan secara besar-besaran dalam Rancangan Malaysia Keempat supaya negara kita akan terus mempunyai bekalan kayu yang cukup.

Untuk menggalakkan penanaman semula hutan Kerajaan melalui ucapan Belanjawan bagi tahun 1980, telah menjadikan penanaman kayu-kayan sebagai termasuk dalam takrif "tanaman yang dibenarkan" di bawah Akta Cukai Pendapatan. Ini bermakna bahawa perbelanjaan modal ke atas rancangan mengkhutan semula termasuk pembersihan kawasan, tanaman baru, pembinaan jalan, mengadakan kemudahan perumahan kepada buruh serta lain-lain perbelanjaan untuk menanam semula, adalah layak dipertimbangkan untuk perlepasan cukai dalam jangkamasa tertentu.

Kementerian saya menganggap bahawa usaha mengkhutan semula oleh syarikat-syarikat adalah penting dari segi memelihara sumber hutan negara dan dari segi memenuhi keperluan jangka panjang syarikat dan negara. Kementerian saya bersedia memberi bantuan dan kerjasama untuk membolehkan usaha mengkhutan semula dipergiatkan lagi.

PELABURAN DALAM INDUSTRI ALAT GANTIAN

17. Puan Shariffah Dorah binti Mohamed minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan dalam usahanya untuk menarik pelaburan asing dalam industri alat-alat gantian jentera berat sama ada ia hanya untuk memberi peluang pekerjaan atau kemahiran dengan membina industri-industri dan melantik orang-orang asing sebagai perunding.

Dato' Lew Sip Hon: Saya ingin menjelaskan bahawa tujuan Kerajaan menggalakkan penubuhan industri-industri berat termasuk alat-alat gantian jentera berat bukanlah hanya untuk mewujudkan peluang pekerjaan atau mendapatkan kemahiran sahaja. Matlamat utama Kerajaan menggalakkan perkembangan industri-industri pembantu kejuruteraan (Engineering Support Industries) seperti industri alat-alat gantian jentera berat ialah untuk memperkukuhkan asas industri kejuruteraan supaya membolehkan sektor perusahaan dipelabagakan hingga menjadi industri-industri yang berteknologi lebih tinggi dan "sophisticated".

Penubuhan industri-industri berat termasuk industri alat-alat gantian jentera, adalah penting kerana perkembangan perindustrian negara kita pada nari ini telah sampai kepada satu peringkat yang mana kita seharusnya

tidak lagi terlalu bergantung kepada negara asing untuk mendapatkan bekalan jentera, alat-alat gantian jentera, komponen-komponen dan lain-lain input. Penubuhan industri seperti ini juga akan mewujudkan asas perindustrian yang lebih luas dan seterusnya menghasilkan pelbagai dalam kegiatan perindustrian.

Tidaklah boleh dinafikan bahawa Malaysia pada masa ini kekurangan kepakaran dan pengetahuan teknik dan pemasaran dalam bidang industri-industri pembantu kejuruteraan. Pelaburan asing dalam bentuk usahasama dalam industri-industri ini bukan sahaja boleh beri peluang-peluang pekerjaan, bahkan juga yang lebih penting lagi ialah pemindahan kemahiran dan kepakaran di semua lapisan pekerjaan dan pengurusan kepada Malaysia. Dalam hal ini, perkhidmatan pakar-pakar daripada pihak usahasama asing yang menyumbangkan "technical and marketing know-how" dan perunding asing bagi kes-kes tertentu dikehedaki terutama sekali pada peringkat pelancaran dan pelaksanaan projek-projek untuk melatih pekerja-pekerja dan pihak pengurusan tempatan terutama dalam bidang pengeluaran dan pemasaran dan akhirnya memindahkan teknologi kepada Malaysia.

Kesimpulannya, di samping mewujudkan peluang pekerjaan dan mendapatkan kemahiran, penubuhan industri berkenaan akan memberi faedah kepada negara dari segi tukaran wang asing kerana keluarannya menggantikan import, juga mempunyai potensi eksport dan ia mewujudkan asas perindustrian yang lebih luas untuk perkembangan perindustrian pada keseluruhannya.

JAMBATAN MERENTANG SUNGAI KELANTAN

18. Tuan Abdul Rahman bin Daud minta Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan, memandangkan betapa pesatnya kadar pembangunan di Kelantan pada masa ini, adakah Kementerian beliau bercadang mengkaji kemungkinan membina sebuah lagi jambatan merentangi Sungai Kelantan.

Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam (Dato' S. Samy Vellu): Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sukacita diberitahu bahawa kemungkinan pembinaan

jambatan baru merentang Sungai Kelantan adalah termasuk di dalam sebahagian daripada kajian untuk memperbaiki sistem pengangkutan jalan di antara Pasir Mas dan Kota Bharu pada keseluruhannya. Juruperunding telah mengulas kerja-kerja tersebut dalam bulan Ogos 1980 dan kajian ini dijangka siap dalam bulan March 1981.

SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM PULAU PINANG—KEKONGSONGAN JAWATAN

19. Tuan Haji Zabidi bin Haji Ali minta Perdana Menteri menyatakan adakah beliau sedar bahawa oleh kerana tidak adanya Suruhanjaya Perkhidmatan Awam bagi Negeri Pulau Pinang terdapat beberapa kelewatan bagi mengisi jawatan-jawatan kosong dan jawatan-jawatan yang telah lulus peruntukannya, dan sebagai contoh seorang Pegawai Penerangan Tingkatan Satu bagi Jabatan Hal Ehwal Ugama Pulau Pinang yang mana peruntukannya telah diuluskan semenjak tahun 1976 masih belum dapat diisi hingga sekarang ini. Jika ya, apakah beliau bercadang hendak mewujudkan sebuah Suruhanjaya Perkhidmatan Awam bagi Negeri Pulau Pinang.

Menteri Tak Berportfolio (Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf): Kerajaan sedar bahawa tidak ada Suruhanjaya Perkhidmatan Awam khusus bagi Negeri Pulau Pinang kerana mengikut Fasal (1) Perkara 139 Perlembagaan Persekutuan, bidangkuasa Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Persekutuan adalah meliputi anggota-anggota perkhidmatan awam bagi negeri-negeri Melaka dan Pulau Pinang.

Untuk penjelasan kepada Ahli Yang Berhormat itu kedudukan kekosongan jawatan tersebut adalah seperti berikut:

- (i) Kedua-dua jawatan Pegawai Penerangan Ugama itu telah diwujudkan mulai tahun 1975 tetapi pengisiannya tidak dapat dilakukan pada masa itu kerana Kerajaan telah membekukan pengisian jawatan-jawatan kosong sebagai langkah berjimat cermat. Dalam bulan April 1976 Kerajaan telah membenarkan jawatan-jawatan kosong dipenuhi. Pada 10hb Jun, 1976 Suruhanjaya Perkhidmatan Awam telah berhubung dengan Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau

Pinang sama ada urusan pengambilan bagi mengisi 2 jawatan yang kosong itu hendak dijalankan mengikut Skim yang ada pada masa itu. Mengikut jawapan yang diberi pada 14hb Julai, 1977 Suruhanjaya telah diminta menanggunghkan tindakannya kerana Pentadbiran Negeri Pulau Pinang telah memohon kepada Jabatan Perkhidmatan Awam untuk menaikkan taraf jawatan itu daripada Kumpulan C kepada jawatan dalam Kumpulan A yang memerlukan Ijazah. Skim baru bagi jawatan ini telah diluluskan pada 7hb Januari, 1978 dan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam telah diminta oleh Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang pada 12hb Januari, 1978 supaya menjalankan urusan pengambilan bagi mengisi 2 jawatan Pegawai Penerangan Ugama itu mengikut Skim yang baru. Dua orang calon yang dipilih untuk lantikan telah menolak tawaran. Sementara dua orang calon simpanan, seorang telah menolak tawaran dan seorang tidak berminat untuk menerima jawatan tersebut.

- (ii) Pada 15hb Februari, 1980 satu lagi urusan pengambilan bagi mengisi 2 jawatan yang kosong itu dijalankan. Surat tawaran jawatan telah dikeluarkan kepada calon-calon yang berjaya melalui Setiausaha Kerajaan Pulau Pinang pada 3hb November, 1980. Calon-calon ini juga menolak tawaran berkenaan.

Mengenai cadangan supaya ditubuhkan sebuah Suruhanjaya Perkhidmatan Awam bagi negeri Pulau Pinang, satu kajian telah dijalankan dan didapati bahawa jumlah jawatan dalam Pentadbiran Negeri Pulau Pinang pada masa ini ada hanya sebanyak 3,612. Mengikut kelaziman kekosongan jawatan yang perlu diisi berikutan dengan persaraan, perletakan jawatan dan perkembangan adalah tidak lebih daripada 5%. Dengan ini bermakna hanya 180 jawatan yang perlu diisi tiap-tiap tahun. Untuk pengisian jawatan sebegitu kecil jumlahnya oleh sebuah Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri adalah difikirkan tidak مناسب dan akan membazirkan masa, tenaga dan belanja sahaja. Berdasarkan keterangan mengenai kedudukan kekosongan jawatan tersebut Kerajaan tidak dapat bersetuju dengan cadangan Ahli Yang

Berhormat itu. Kerana kekosongan yang berlaku adalah kecil dan kelambatan dalam usaha mengisi 2 jawatan Pegawai Penerangan adalah berlaku kerana calon-calon berkenaan telah menolak tawaran dan bukannya disebabkan tiada ada tindakan dipihak Suruhanjaya Perkhidmatan Awam.

ISTERI ASING BERMASTAUTIN DI MALAYSIA—PERMOHONAN

20. Tuan P. Patto minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan:

- (a) jumlah bilangan permohonan daripada isteri-isteri rakyat Malaysia yang datang dari luar negeri yang telah mendaftarkan perkahwinannya sebelum 6-2-1980 untuk bermastautin di negara ini;
- (b) jumlah bilangan jenis permohonan tersebut yang telah diterima oleh Jabatan Imigresen selepas 6-3-1980;
- (c) jumlah bilangan permohonan dalam (a) dan dalam (b) di atas yang telah diluluskan; dan
- (d) apakah dasar Kerajaan kepada mereka yang kahwin selepas 6-2-1980.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tan Sri Haji Muhamad Ghazali bin Shafie):

- (a) Jumlah permohonan permit masuk daripada isteri-isteri asing kepada warganegara Malaysia yang telah mendaftarkan perkahwinannya sebelum 6-2-1980 adalah sebanyak 8,180.
- (b) Jumlah permohonan tersebut yang telah diterima selepas 6-3-1980 iaitu sehingga 31-8-1980 ialah 620.
- (c) Jumlah permohonan permit masuk daripada isteri-isteri asing kepada warganegara Malaysia yang berkahwin dan memohon sebelum 6-2-1980 yang telah diluluskan ialah 4,382. Kesemua permohonan yang dibuat selepas 6-3-1980 masih lagi dalam proses.
- (d) Bagi perempuan-perempuan asing yang berkahwin dengan warganegara Malaysia selepas 6-3-1980. Permohonan mereka akan dipertimbangkan mengikut Perintah (Larangan Masuk) Imigresen 1963.

PELAJARAN MUZIK DI SEKOLAH-SEKOLAH

21. Tuan Kamaluddin bin Maamor minta Menteri Pelajaran menyatakan memandangkan pendidikan seni muzik sangat diperlukan bukan sahaja untuk peringkat apresiasi suatu hasil yang didapati pada peringkat akhir tetapi, membimbing generasi muda ke tahap pembentukan keperibadian dan kerohanian muzik yang kreatif, sama ada Kementerian ini ber-cadang mengkaji semula kedudukan sistem pendidikan dan pelajaran seni muzik baik di sekolah rendah, menengah mahupun di institusi-institusi pengajian tinggi.

Dato' Musa bin Hitam: Hingga pada tahun ini pelajaran muzik dijalankan sebagai mata-pelajaran opsyenal di 661 buah sekolah rendah dan 197 buah sekolah menengah di Semenanjung Malaysia yang diajar oleh 238 orang guru muzik "beredar".

Dalam sistem "beredar" ini seseorang guru muzik mengajar muzik sekurang-kurangnya di tiga buah sekolah. Sistem ini menolong dalam usaha hendak mengatasi kekurangan guru-guru muzik di negara ini. Sistem ini akan diteruskan sehingga satu masa di mana kita sudah mempunyai cukup guru muzik untuk ditempatkan di semua sekolah.

Pelajaran muzik dijalankan dengan berpandu kepada Sukatan Pelajaran muzik yang telah dikaji semula pada tahun 1970 dan mula digunakan pada tahun 1972 hingga hari ini. Sukatan pelajaran tersebut disusun supaya dapat mencapai objektif-objektif pengajaran muzik di sekolah-sekolah dan secara tidak langsung membimbing generasi muda ke tahap pembentukan keperibadian dan kerohanian muzik yang kreatif.

Kementerian ini sememangnya sedang mengambil beberapa langkah untuk memperbaiki sistem pendidikan dan pelajaran muzik di sekolah-sekolah rendah dan menengah:

- (i) Mengkaji semula sukatan pelajaran muzik di sekolah-sekolah rendah.
- (ii) Mengkaji cara melaksanakan perakuan-perakuan mengenai pelajaran muzik seperti yang ternyata di dalam laporan Jawatankuasa Kabinet Mengkaji Pelaksanaan Dasar Pelajaran.

(iii) Mengambil langkah untuk menambahkan bilangan guru-guru muzik dengan:

- (a) Mengadakan opsyen muzik untuk guru-guru pelatih Pendidikan Peringkat Awal Kanak-kanak.
- (b) Mengadakan kursus-kursus muzik dalam perkhidmatan di peringkat kebangsaan dan di peringkat negeri.

(iv) Aktiviti-aktiviti musik seperti pancaram sekolah (Brass-band), Kuayar, kumpulan muzik tradisional digalakkan di sekolah-sekolah dengan menjadikannya sebahagian daripada kegiatan kokurikular.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN, 1981

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN, 1981

Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas Rang Undang-undang Perbekalan, 1981 dan Anggaran Pembangunan, 1981 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis (Hari Kesembilan).

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Perbahasan disambung semula.

Maksud B. 28 dan B. 29 (Jadual)—

Maksud P. 28 dan P. 29 (Anggaran Pembangunan, 1981)—

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, Majlis sedang membahas dan menimbang Anggaran Perbelanjaan Perbekalan 1981 di bawah Maksud B. 28 dan B. 29 dan Anggaran Pembangunan di bawah Maksud P. 28 dan P. 29 di bawah Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan. Di waktu Majlis ini ditangguhkan pada hari Jumaat yang lalu saya telah berkata iaitu Ahli Yang Berhormat dari Tanjong Karang kalau ia suka hendak

menyampaikan ucapannya hari ini, setelah itu saya nampak Yang Berhormat Menteri ada sendiri, saya suka umumkan pada hari itu Yang Berhormat Setiausaha Parlimen akan menjawab, tetapi Yang Berhormat Menteri ada, selepas itu Yang Berhormat menjawab. Ahli Yang Berhormat dari Tanjong Karang suka hendak mengambil peluang?

Tuan Abdul Shukur bin Haji Siraj: Ya.

Tuan Pengerusi: Silakan, tidak lebih daripada 10 minit.

3.38 *ptg.*

Tuan Abdul Shukur bin Haji Siraj (Tanjong Karang): Tuan Pengerusi, saya suka memulakan perbincangan dengan Maksud Pembangunan 28 muka surat 253 dan 254 Butiran 11—Projek Belia Peladang, Butiran 13—Koperasi Belia Nasional Berhad (KOBENA) dan Butiran 14—Rancangan Belia Niaga.

Tuan Pengerusi, ketiga-tiga Butiran ini adalah berkait rapat antara satu dengan yang lain. KOBENA adalah koperasi raksaksa yang ada di Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan yang berjaya menguasai peruntukan daripada Kementerian ini untuk Projek Belia Peladang dan Belia Niaga.

Tuan Pengerusi, sesuatu permohonan yang diluluskan oleh Kementerian ini untuk melaksanakan dua jenis projek tadi terus masuk ke dalam karung KOBENA dan KOBENA-lah yang akan membekalkan segala bahan yang diperlukan oleh belia-belia yang mendapat bantuan atau pinjaman itu, dengan cara monopoli ini berbagai-bagai kelemahan telah berakut. Bahan-bahan yang dibekalkan oleh KOBENA selalu terdapat kurang bermutu dan harganya pula lebih mahal daripada pasaran biasa. Belia-belia yang berkehendakkan bahan-bahan itu terpaksa menunggu hingga 2-3 bulan baru dapat, sedangkan jika dibeli dalam pasaran biasa boleh didapati serta-merta, terdapat juga perbekalan ini diterima selepas masa yang diperlukan.

Tuan Pengerusi, kelemahan ini berlaku adalah sebahagian daripada sebabnya ialah KOBENA ini tidak mempunyai tenaga yang cukup. Sebuah negeri hanya ada seorang sahaja pegawainya. Di da am menjalankan perniagaan pula berkehendakkan untung banyak dengan cara yang murah.

Tuan Pengerusi, sebagai bukti dalam kawasan Parlimen Tanjong Karang sendiri ada terdapat projek Belia Peladang yang mengusahakan ternakan ayam bertelur yang mana bahan-bahannya termasuk anak ayam pun dibekalkan oleh KOBENA. Setelah ayam yang beribu-ribu ekor itu dipelihara dengan sempurna mengikut nasihat Jabatan Haiwan dan diberi makan serta minum yang cukup, ayam itupun besar dan sampailah masa untuk bertelur. Tetapi telur yang keluar hanya beberapa biji sahaja. Setelah penyiasatan dibuat, didapati ayam tersebut kurang bermutu dan bukan jenis yang sesuai untuk bertelur. Maka belia-belia yang berkenaan memberi gelaran, dengan izin: "ayam pondan".

Tuan Pengerusi, begitulah keadaan berlaku di dalam lain-lain projek sama ada Belia Peladang atau Belia Niaga. Akibat daripada perkara ini tawarlah hati belia-belia hendak menjalankan usaha seperti yang dirangka oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan ini. Dalam perkara ini saya sukacita berseru kepada Yang Berhormat Menteri atau Timbalannya agar sekali air bah, sekali pula pasir berubah untuk menyelesaikan masalah ini supaya rancangan kita yang bertujuan murni ini betul-betul memberi faedah kepada pihak-pihak yang dimatlamatkan.

Saya sukacita menyokong KOBENA supaya membuat kerja atau aktiviti yang sesuai dengan nama dan tarafnya iaitu Koperasi Belia Nasional Berhad yang bertaraf kebangsaan itu. KOBENA ini sepatutnya menjadi induk kepada semua koperasi-koperasi kecil yang ditaja oleh belia-belia seperti SEGEMBAL, SHAMELIN dan lain-lain lagi. Tidaklah sesuai KOBENA ini hanya menggunakan kuasa untuk menadah bakul daripada lelehan air liur Kerajaan semata-mata. Sepatutnya KOBENA ini berusaha mengimport segala benda yang laris pasarannya di kalangan belia iaitu bahan-bahan yang bernilai tinggi seperti motokar, motosikal dan lain-lain lagi dan juga alat-alat yang diperlukan oleh belia.

Dari segi pembangunan pula KOBENA patut mengimport jentera pembajak yang boleh digunakan oleh belia-belia di sektor pertanian dan KOBENA juga patut mengimport jentera motorbot serta alat-alat nelayan yang boleh digunakan oleh belia-belia di

sektor perikanan. Koperasi belia yang kecil-kecil boleh menjadi agen di peringkat daerah masing-masing.

Pendek kata kalau KOBENA ini betul-betul berusaha untuk mengikuti perkembangan Dasar Ekonomi Baru negara, tentulah pihak-pihak yang berkuasa di lain-lain Kementerian akan memberikan sokongan untuk KOBENA membereskan segala aktiviti. Saya percaya jika rancangan kerja (scheme of work) KOBENA ini disusun dan diatur dengan sempurna, masalah kewangan yang menjadi modal tidaklah perlu dipersoalkan kerana ada banyak sumber yang telah siap disediakan oleh Kerajaan kita untuk membantu dalam masaalah ini.

Tiap-tiap hari kita mendengar masalah pasaran perumahan yang begitu laris di negara ini tetapi KOBENA berpeluk tubuh sahaja mendengar dan melihat. Bukankah baik KOBENA juga patut mengambil bahagian dengan cergas dalam sektor perumahan ini kerana 80% daripada orang yang memerlukan rumah itu adalah terdiri daripada belia sendiri.

Tuan Pengerusi, jika tiap-tiap negeri ada 2-3 kawasan perumahan projek KOBENA tentulah sedikit sebanyak boleh membantu masalah keperluan perumahan dapat diatasi. Saya percaya Kerajaan-kerajaan Negeri akan memberikan bantuan dan pertolongan untuk mendapatkan kawasan tanah untuk perumahan itu jika perancangannya boleh menggambar kejayaan yang sempurna.

Tuan Pengerusi, saya ingin juga membincangkan beberapa perkara dalam Maksud Bekalan B. 28 pada muka surat 232, Butiran 1100, Program (2) perkara (a) hingga (e) yang memerlukan \$2,147,250 iaitu mengenai kebudayaan.

Dalam membincangkan kebudayaan ini, kita terpaksa menggunakan fikiran yang tenang kerana kebudayaan itu sangatlah luas pengertiannya dan terlalu banyak pula perkaranya jika hendak disenaraikan satu persatu. Tetapi boleh dilingkaskan dengan satu pengertian iaitu corak hidup masyarakat sesuatu bangsa di sesebuah negara yang terlibat di dalamnya masalah kebudayaan atau keagamaan, kesenian, adat istiadat dan lain-lain lagi. Oleh itu kebudayaan nasional yang kita kehendaki di dalam negara ini mestilah

di dalam lingkungan yang tersebut dan termaktub pula di dalam Perlembagaan negara. Cuba kita semak Perlembagaan negara kita Bahagian 1 di dalam perkara 3. Di sana ada menyebutkan, dengan izin:

“3. Ugama Islam ialah ugama bagi Persekutuan; tetapi ugama-ugama lain boleh diamalkan dengan aman dan damai di mana-mana bahagian Persekutuan.”

Tuan Pengerusi, kita juga harus mengingati Perlembagaan negara Bahagian 12, Perkara 152 yang menjelaskan Bahasa Kebangsaan ialah bahasa rasmi. Kedua-duanya ini adalah dianuti seratus peratus oleh orang Melayu.

Tuan Pengerusi, dua perkara ini sudah cukup menjadi asas mengapa kita mahukan kebudayaan Melayu menjadi teras kebudayaan nasional. Sesiapa yang cuba menonjolkan kebudayaan yang bertentangan dengan ugama Islam dan Bahasa Melayu adalah bererti mereka itu cuba menentang Perlembagaan negara yang boleh dikira mereka kurang taat kepada negara. Soal mereka hendak mengamalkan kebudayaan lain daripada asas ini tidaklah dihalang tetapi hendaklah pihak-pihak yang berkenaan menjamin segala reaksinya kerana Kerajaan kita hanya logik bertanggungjawab kepada kebudayaan yang ada berasaskan perkara-perkara yang termaktub di dalam Perlembagaan dan Kerajaan mesti menjamin kebudayaan yang berpunca daripada asas ini sahaja.

Tuan Pengerusi, pada muka surat dan Butiran yang sama, Program (3) Program Belia dari pecahan (a) hingga (f) saya suka menarik perhatian pihak-pihak yang berkenaan mengapa sebahagian kecil sahaja belia dan beliawanis kita yang menjadi ahli di dalam Persatuan Belia. Saya dapati ada banyak sebab. Di antaranya adalah pegawai-pegawai yang bertugas untuk mengelolakan masalah ini tersangat kurang dan alat-alat keperluan untuk mengendalikan hal-hal belia ini tidak mencukupi dan tidak pula sempurna. Ada banyak daerah di dalam negara ini hanya mempunyai seorang sahaja pegawai yang bertanggungjawab atas nama Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan. Mereka ini tidak dibekalkan dengan alat-alat yang sepatutnya. Terdapat juga pejabat-pejabat pegawai jenis ini typewriter pun tidak sempurna iaitu telah rosak beberapa tahun, tidak

pula punya peruntukan untuk memperbaiki. Mereka tidak dibekalkan dengan apa-apa kenderaan pun untuk menjalankan tugas di kawasan yang menjadi tanggungjawabnya.

Dengan segala macam kelemahan ini adalah menyebabkan sebahagian besar belia dalam negara kita tidak tahu apa itu Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan. Mereka tidak dapat hendak menggunakan kemudahan yang disediakan oleh Kerajaan melalui Kementerian ini untuk faedah mereka yang bakal menjadi pemerintah dan rakyat pada masa yang akan datang.

Tuan Pengerusi, saya mengharapkan supaya pihak yang bertanggungjawab terus mengambil tindakan untuk mengatasi segala kelemahan dengan menyediakan segala yang diperlukan untuk mengatur belia-belia negara kita yang lebih daripada 60% penduduk negara ini.

Tuan Pengerusi, walaupun ada ramai belia-belia yang telah diberi latihan di Pusat-pusat Latihan Belia Negara tetapi kesannya tidak berapa memuaskan sebab sebahagian daripada ilmu yang diterima di Pusat Latihan itu tidak dapat hendak dipraktikkan kerana beberapa masalah yang tidak dapat diatasi seperti yang dikatakan tadi.

Pada muka surat 231, Butiran 1100—Gaji dan Upahan, Program (1) Perkara (b) Kewangan dan Pembangunan

Tuan Pengerusi: Masa Yang Berhormat sudah cukup. Saya jemput Yang Berhormat Menteri menjawab.

3.15 *ptg.*

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (Dato' Mokhtar bin Haji Hashim): Tuan Pengerusi, saya ucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberikan minat dan perhatian kepada Kementerian ini untuk membahaskan Belanjawan tahun 1981 pada hari Jumaat dan pada hari ini. Oleh sebab beberapa perkara yang telah ditimbulkan itu adalah antaranya persamaan dan ada juga yang bukan baru maka saya tidak bercadang untuk menyebut semuanya satu persatu.

Beberapa orang Ahli Yang Berhormat telah menimbulkan perkara mengenai kebudayaan kebangsaan (nasional), sepertimana

Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum perkara-perkara mengenai kebudayaan nasional telah seringkali benar ditimbulkan. Saya nampak masih terdapat kekeliruan di kalangan Ahli-ahli Yang Berhormat terutama sekali Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar dan Kota Melaka. Mereka mendakwa bahawa kebudayaan nasional berteraskan kepada kebudayaan Melayu. Sebenarnya kebudayaan nasional bukan berteraskan kepada kebudayaan Melayu tetapi kepada kebudayaan rakyat asal rantau ini. Oleh yang demikian dalam usaha-usaha ke arah pembentukan kebudayaan nasional, Kementerian saya adalah memberi tumpuan kepada ciri-ciri kebudayaan rakyat asal rantau ini sebagai teras pembangunannya. Nilai-nilai kebudayaan yang lahir di luar dari rantau ini dan yang menjadi ciri kepada pengenalan satu-satu kaum atau suku sahaja tidaklah dapat dijadikan teras pembangunan kebudayaan nasional kecuali apabila nilai-nilai ini dapat diubahsuaikan sehingga nilai-nilai wajar dikongsi dan diterima oleh semua masyarakat di Malaysia ini.

Ahli Yang Berhormat dari Tanjung Karang dan ada di antara yang lain telah menyentuh tentang kurangnya pegawai terutama sekali di peringkat daerah dan juga keadaan pejabat di peringkat-peringkat daerah. Kementerian saya sedar akan perlunya menambah bilangan pegawai di peringkat daerah khasnya dan juga di peringkat negeri dan Kementerian. Tindakan sedang diambil untuk menempatkan sekurang-kurangnya seorang pegawai di tiap-tiap daerah dan sekarang ini hampir semua daerah mempunyai seorang pegawai. Begitu juga Kementerian memberi perhatian untuk menambah bilangan pegawai di peringkat negeri supaya membolehkan seorang pegawai yang khas untuk satu bidang tugas iaitu bidang kebudayaan, bidang belia dan bidang sukan. Di peringkat daerah pun perkara ini sedang dipertimbangkan. Begitu juga tentang keadaan dan kemudahan di pejabat-pejabat yang saya sendiri sedar bahawa ada di antaranya masih merupakan ruangan-ruangan yang disewa di tempat-tempat yang boleh diperolehi pada masa yang kita perlukan itu.

Menyentuh tentang teguran Yang Berhormat dari Panti iaitu peruntukan bagi tahun 1981 di bawah Kepala Pembangunan 28, Butiran 17 sebanyak \$1,493 juta adalah jumlah yang kurang daripada peruntukan bagi

Kepala yang sama bagi tahun 1980 yang tatkala itu dinilai \$4.5 juta. Sebenarnya peruntukan ini adalah baki yang dibawa daripada peruntukan yang telah disediakan untuk Rancangan Pembangunan Kemudahan Sukan untuk Bandar-bandar Kecil iaitu sebanyak \$7 juta di bawah Kajian Semula Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketiga. Peruntukan bagi Kepala ini untuk tahun 1981 tentu akan bertambah apabila Kerajaan meluluskan peruntukan Rancangan Malaysia Keempat, pada tahun hadapan. Begitu juga keadaannya dengan peruntukan token sebanyak \$10 bagi Rancangan Belia Niaga untuk tahun 1981.

Kekurangan sambutan dan usaha pegawai-pegawai di peringkat daerah telah juga disentuh berkenaan dengan Rancangan Pembangunan Kemudahan-kemudahan Sukan untuk Bandar-bandar Kecil. Yang sebenarnya sambutan dan usaha pegawai-pegawai tidaklah kurang, Kementerian telah melaksanakan 23 projek daripada peruntukan tahun 1979 dan sehingga bulan Oktober tahun ini 42 buah projek lagi telah dilaksanakan di kawasan-kawasan yang berkenaan. Projek-projek ini dilaksanakan dengan kerjasama Pejabat Daerah dan di mana-mana yang berkenaan dengan Majlis Sukan Daerah, tidak terserah semata-mata kepada pegawai-pegawai Kementerian di peringkat daerah. Oleh kerana ini adalah satu usaha yang agak baru, beberapa masalah masih lagi dihadapi dan kita harap akan dapat diperbaiki apabila kita meneruskan usaha ini dalam tahun-tahun yang akan datang.

Satu perkara lagi saya ingin menarik perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat terutama sekali Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka, ialah berkaitan-berkaitan dengan kegiatan sukan. Kita telahpun mempunyai Majlis Sukan Negara, Majlis Sukan Negeri dan Majlis Sukan Daerah. Perubahan-perubahan berdasarkan kepada Akta Sukan Negara sedang diperlakukan terutama sekali selaras dengan pindaan yang baru dibentangkan dalam Dewan ini dalam tahun yang sudah. Dengan ini kita berharap kita akan dapat memperkemaskinikan lagi perjalanan dan tugas-tugas Majlis dan aktiviti-aktiviti Majlis Sukan di peringkat Kebangsaan, Negeri dan Daerah. Begitu juga dengan masalah-masalah yang lain kita harap dapat diselesaikan melalui adanya penyusunan semula yang sedang berlaku ke atas Majlis ini.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat dari Tanjong Karang juga telah menyentuh tentang peranan KOBENA terutama sekali dalam kerja-kerja pembekalan berkaitan dengan rancangan-rancangan belia. Dalam hal ini inginlah saya menerangkan bahawa peranan pembekalan ini hanya merupakan satu peranan yang kecil yang sedang dijalankan oleh pihak KOBENA. Sementara itu pihak KOBENA sedang berusaha untuk menumpukan kegiatannya dalam bidang yang Ahli Yang Berhormat dari Tanjong Karang itu sendiri ada sebutkan tadi. Sama-samalah kita tunggu apabila sampai masanya dan masak buahnya untuk gugur nanti, kita akan menerangkan dan umumkan apakah kegiatan-kegiatan yang baru dan besar yang KOBENA sendiri laksanakan sewajar dengan peranannya untuk memainkan peranan seolah sebagai satu payung kepada kegiatan dan pergerakan belia terutama sekali dalam bidang perniagaan dan usahawan di negara ini.

Tuan Pengerusi, itu sahajalah yang sempat saya sentuh sebagai jawapan dan penerangan atas perkara-perkara yang telah dikeluarkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Perkara-perkara yang lain yang tidak dapat saya jawab adalah dalam perhatian untuk tindakan Kementerian seterusnya.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, soalnya ialah wang sejumlah \$37,138,600 untuk Kepala B. 28 dan B. 29 dijadikan sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Begitu juga soalnya bahawa wang sejumlah \$8,340,690 untuk Kepala P. 28 dan P. 29 Anggaran Perbelanjaan Pembangunan, 1981 diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$34,102,100 untuk Maksud B. 28 dan \$3,036,500 untuk Maksud B. 29 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual; dan wang sebanyak \$7,356,080 untuk Maksud P. 28 dan \$984,610 untuk Maksud P. 29 disetujui jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1981.

Maksud B. 30 (Jadual)—

Maksud P. 30 (Anggaran Pembangunan, 1981)—

Tuan Pengerusi: Sekarang Majlis menimbang dan membahaskan Kementerian Pertahanan, Anggaran Perbelanjaan di bawah Maksud Bekalan B. 30 dan Maksud Pembangunan P. 30 sekarang terbuka untuk perbahasan. Ahli Yang Berhormat dari Baling.

4.00 ptg.

Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad (Baling): Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh Butiran 1100 mengenai pentadbiran pertahanan

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, sebelum meneruskan ucapan saya ingin mengingatkan iaitu oleh sebab kita ketinggalan sekarang dan banyak lagi Kementerian yang hendak dibahaskan, saya benarkan seorang berucap 10 minit.

Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad: Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh pertamanya ialah tentang masih ujudnya di dalam negara kita ini pengkalan tentera asing dan dengan adanya pengkalan tentera asing di negara kita, ada kaitannya dengan arrangement pertahanan

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, soal adanya kalangan tentera-tentera asing itu di bawah dasar umum. Sekarang kita membahaskan dalam Jawatankuasa, dasar pentadbiran itu boleh. Tetapi kalau dasar berkenaan dengan adanya pengkalan tentera asing dalam negara kita itu termasuk dalam membahaskan dasar am dan pentadbiran sebagaimana yang telah kita bincang dalam masa sebelas hari sebelum Jawatankuasa. Sila.

Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad: Tuan Pengerusi apa yang hendak saya terangkan ialah ini sebagai satu alasan atau bukti sahaja yang menunjukkan bahawa masih lagi pertahanan kita berada dalam keadaan yang lemah sehingga kita tidak dapat bergantung kepada diri kita sepenuhnya. Dan kerana itu maka saya timbulkan soal adanya pengkalan tentera asing ini dan gambaran ini hendaklah diperbetulkan iaitu disebalik kita masih bergantung kepada orang lain untuk mempertahankan negara kita maka sewajarnya ialah bahawa kita menjalankan rancangan-rancangan yang lebih berkesan untuk memperkuat Angkatan Tentera kita.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua mem-pengerusikan Jawatankuasa)

Saya menyeru kepada Kementerian Pertahanan ini supaya menghapuskan arrangement pertahanan lima buah negara yang mana Malaysia adalah salah satu daripada negara-negara tersebut kerana selain daripada memberi gambaran bahawa negara kita masih lagi bergantung kepada negara-negara asing untuk mempertahankannya ia juga memberi amaran ke arah keraguan, ke arah sikap yang samar mengenai dasar luar kita juga. Dan ia juga memberi sumbangan ke arah mengelirukan usaha-usaha untuk menjadikan negara kita ini ataupun ASEAN sebagai kawasan aman, damai dan berkecuali. Dengan sebab itu, Tuan Pengerusi, saya meminta ataupun saya ingin menyarankan di sini bahawa peruntukan untuk kita melengkapkan kelengkapan-keengkapan ketenteraan dalam Butiran P. 30 itu perlu ditambah lagi dan perlu kepada kelengkapan-kelengkapan moden disediakan untuk mempertahankan negara kita.

Berkaitan dengan soal pentadbiran pertahanan ini, saya difaham bahawa di kalangan tentera kita terdapat suatu keadaan di mana disiplin Angkatan Tentera kian merosot dan keadaan ini sudah tentulah akan menjejaskan kekuatan pertahanan negara kita. Oleh yang demikian, saya menyeru kepada Kementerian Pertahanan supaya mengambil langkah-langkah yang wajar bagi meningkatkan lagi disiplin Angkatan Tentera kita.

Tuan Pengerusi, merosotnya disiplin di kalangan Angkatan Tentera kita adalah bersabit dengan sikap dan juga bersabit dengan pentadbiran di mana ianya diasaskan kepada suatu asas yang tidak kukuh dan tidak teguh terutamanya dari segi moral Angkatan Tentera kita. Oleh yang demikian, usaha-usaha untuk meningkatkan lagi moral dan juga kualiti tentera-tentera kita hendaklah dipergiatkan dan lebih banyak usaha-usaha bagi meningkatkan kerohanian mereka perlulah dilaksanakan.

Saya difahamkan juga memang sekarang ini Kementerian Pertahanan telahpun menubuhkan ataupun memang ada di dalam Angkatan Tentera, Bahagian Agama yang menja'ankan peranan untuk memberi ajaran-ajaran agama kepada tentera-tentera kita tetapi saya difahamkan bahawa bahagian ini lebih banyak merupakan suatu jabatan yang hanya memberi khidmat-khidmat ritual iaitu khidmat

tahlil ataupun menyelenggarakan mayat sahaja. Ini bukanlah memberi gambaran terhadap usaha yang sesungguhnya bagi meningkatkan kualiti kerohanian dan moral di kalangan Angkatan Tentera. Kerana pembinaan rohaniah itu melibatkan suatu sistem yang lebih rapi dan teliti dan lebih menyeluruh terutamanya di dalam mengujudkan suasana yang sesuai di dalam perkhidmatan ketenteraan itu sendiri.

Saya menyeru kepada Kementerian Pertahanan supaya mengemukakan suatu dasar yang lebih jelas mengenai peranan agama di dalam meningkatkan kerohanian Angkatan Tentera kita. Dan dasar yang jelas ini adalah dasar yang menyeluruh, dasar yang dapat benar-benar membentuk kualiti Angkatan Tentera kita dari segi rohaniah. Saya merasakan bahawa adanya salah faham tentang perinsip peningkatan rohaniah di dalam Angkatan Tentera kerana pada suatu masa di dalam Angkatan Tentera telah berkembang suatu kegiatan dengan tujuan untuk mencari jalan ataupun menggunakan agama ialah untuk mencari kekebalan sebagai satu prinsip meningkatkan kerohanian dan ini adalah suatu yang salah dan ajaran-ajaran yang seperti ini pada suatu masa dahulu mungkin juga sekarang berlaku dan berkembang di dalam Angkatan Tentera.

Sepertimana yang kita tahu tujuan-tujuan menggunakan ayat-ayat Al-Quran dan juga menggunakan agama untuk mencari kekebalan ini merupakan salah satu daripada khurafat, salah satu daripada ajaran salah yang berkembang di dalam Angkatan Tentera kita. Konsep kerohanian yang perlukan ialah peningkatan dari segi saksiah dan akhlak dan inilah yang patut ditekankan dan kerana itu perkhidmatan dalam bentuk pendidikan agama haruslah diperkuatkan dan tidaklah memadai hanya dengan adanya seorang atau dua orang pegawai yang menyelenggarakan tugas ini kepada seluruh Angkatan Tentera. Lebih banyak lagi guru-guru agama atau pegawai-pegawai agama yang dapat memberikan pendidikan agama kepada Angkatan Tentera dari kalangan pegawai-pegawai yang berkelulusan, pegawai-pegawai yang berkelakuan perlulah dilantik.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat, masa sudah cukup tetapi saya beri satu minit lagi untuk menggulung.

Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad: Tuan Pengerusi, oleh kerana saya akan menyentuh ini soal panjang, jadi tidak sampai saya rasa baiklah setakat ini sahaja.

Tuan Pengerusi: Baiklah, terima kasih. Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar.

4.12 ptg.

Tuan Lee Lam Thye: (Kuala Lumpur Bandar): Tuan Pengerusi, saya bercadang untuk berucap dengan cara pendek sahaja dan saya hanya merujuk kepada satu perkara sahaja iaitu berkenaan dengan Butiran 1100 mengenai Aktiviti (2) Perkhidmatan Tentera.

Mengenai perkara ini, suka saya mengambil kesempatan ini untuk menyentuh tentang orang-orang yang telah bersara dari perkhidmatan tentera iaitu berkenaan dengan bekas perajurit.

Mengenai bekas-bekas perajurit, saya ingin mengemukakan untuk perhatian Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan beberapa masalah yang masih dihadapi oleh mereka apabila mereka telah mengakhirkkan perkhidmatan mereka dan telah memulakan hidup sebagai seorang awam. Masalah mereka ialah berupa keperluan-keperluan untuk hidup sendiri dan cuba menyesuaikan diri dengan kehidupan awam. Apabila mereka bersara dalam perkhidmatan tentera masalah utama yang sentiasa dihadapi oleh mereka ialah rumah sebagai tempat tinggal untuk keluarga. Dengan ganjaran saguhati yang tidak memungkinkan mereka memperoleh rumah sendiri secara pembelian daripada pemaju perumahan swasta atau pihak Kerajaan, sesudahnya mereka terpaksa menyewa rumah yang mahal sewanya ataupun terdapat bekas perajurit pada masa yang lepas ada mendirikan rumah setinggan dalam kawasan saya. Memandangkan seriusnya perkara ini, maka saya mencadangkan supaya pihak berkuasa memberikan sedikit kuota kepada bekas-bekas perajurit untuk rumah-rumah pangsa dan rumah-rumah kos rendah dan selama ini sistem pemberian rumah kepada bekas-bekas perajurit hanya bergantung kepada pertimbangan, misalnya di Wilayah Persekutuan hanya bergantung kepada pertimbangan pihak Dewan Bandaraya. Saya suka mengesyorkan bahawa pemberian kuota ini harus diserahkan kepada Persatuan Bekas

Perajurit Malaysia untuk menentukan pemohon-pemohon yang benar-benar layak mendapatkan rumah pangsa ataupun rumah kos rendah.

Satu perkara lagi yang saya ingin bangkitkan ialah tentang tanggagaji yang diterima oleh bekas-bekas perajurit apabila mereka memasuki pekerjaan di perkhidmatan awam, badan-badan berkanun atau pihak berkuasa tempatan.

Tuan Pengerusi, menurut surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 4 tahun 1979 yang dikeluarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam bahawa bekas-bekas perajurit yang tidak menerima persaraan mereka akan diberi 4 kenaikan gaji permulaan apabila mereka memasuki perkhidmatan awam sebagaimana yang dinyatakan dalam perenggan 34, Perintah Am Bab A. Akan tetapi dukacita dinyatakan di sini bahawa masih terdapat majikan-majikan yang tidak mematuhi arahan ini dengan tidak memberikan 4 kenaikan gaji kepada gaji permulaan apabila mereka menerima bekas-bekas perajurit bekerja dengan mereka. Bagaimanakah mereka dapat hidup dengan gaji permulaan yang kecil untuk menyertai anggota keluarga yang besar? Oleh itu, saya suka menggesa Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan supaya campurtangan dalam hal ini dan menyiasat perkara-perkara ini demi kebajikan bekas-bekas perajurit agar mereka mendapat pembinaan yang sewajar.

Di samping itu terdapat bekas-bekas perajurit yang cuba membina hidup sendiri menerusi perniagaan ataupun memandu teksi. Saya telah menerima banyak pengaduan daripada bekas-bekas perajurit tentang permohonan lesen teksi mereka, ini adalah contoh tentang permohonan lesen teksi mereka, yang lambat dijawab oleh pihak Lembaga Pelesenan Pengangkutan Jalan dan saya telah merayu kepada pihak Lembaga supaya memberikan pertimbangan yang sebaiknya kepada mereka tetapi dengan kesal nampaknya pihak Lembaga Pelesenan tidak hendak dengan secara jujur untuk mengatasi masalah yang dialami oleh pihak bekas perajurit. Oleh itu saya suka menggesa supaya permohonan-permohonan bekas perajurit itu diberikan pertimbangan yang sewajarnya dan secepat mungkin dan kerjasama daripada Kementerian adalah dikehendaki untuk menghubungi

pihak Lembaga supaya Lembaga itu boleh mempercepatkan kelulusan permohonan teksi mereka.

Saya difahamkan, Tuan Pengerusi, bahawa pihak Kementerian Pertahanan telah menubuhkan satu jawatankuasa khas untuk mengkaji hal ehwal kebajikan bekas-bekas perajurit akan tetapi sehingga hari ini saya tidak ada dengar apa-apa perkembangan tentang hal ini dan di sini suka saya mintalah Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan supaya dapat memberi sedikit penjelasan di Dewan ini berkenaan dengan apakah kemajuan yang telah dicapai oleh jawatankuasa khas ini di dalam menjalankan tugasnya demi kepentingan dan kebajikan para bekas perajurit di negara kita. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Dungun.

4.18 ptg.

Tuan Awang bin Jabar (Dungun): Tuan Pengerusi, saya hendak menyentuh tentang Maksud Bekalan 30 dalam Aktiviti (2) Perkhidmatan Tentera di mana dalam tahun 1981 peruntukan untuk Perkhidmatan Tentera ini telah diperuntukkan sebanyak \$485 juta.

Tuan Pengerusi, bercakap mengenai Perkhidmatan Tentera secara umum yang merangkumi Tentera-tentera Darat, Laut dan Udara adalah satu perkara serius, yang besar kerana kepada mereka inilah harapan negara ini akan hidup aman damai, harapan rakyat untuk bersenang-lenang dalam negara ini akan dibebankan. Dari itu, Tuan Pengerusi, beberapa perkara yang bersangkutan-paut mengenai mereka mestilah diberi perhatian secara yang sewajarnya.

Satu perkara yang saya fikir patut diberi perhatian secara serius selain daripada kebajikan-kebajikan mereka di dalam masalah gaji, perumahan dan berbagai-bagainya, rasa kesedaran mereka terhadap tugas dan tanggungjawab mereka di dalam mempertahankan negara ini hendaklah juga diperhebatkan. Kerana dengan adanya semangat ini mereka akan lebih menumpukan kerja-kerja mereka, pahit jerih mereka itu ke arah kerja-kerja yang sukarela ataupun mahu mendapat kebajikan daripada Allah subhanahuwataala. Kerana jika sekiranya kalau mereka bekerja kerana gaji atau upahan yang sebegitu walaupun kita kata banyak tetapi kalau diukur

dengan perkhidmatan (service) mereka kepada negara ini memanglah tidak setimpal dan tidak seimbang, tetapi mereka boleh bekerja dengan sepenuh minat dan mereka boleh menumpukan tumpuan mereka dengan seriusnya kerana mereka tidak sahaja mengharapkan upahan dan gaji di atas dunia ini malah mereka berkhidmat untuk mendapat pahala dari Allah di hari akhirat nanti. Kesedaran seperti ini hendaklah kita pukuk dan kita tiup kepada tentera-tentera kita ini melalui berbagai-bagai cara mengikut suasana dan kemampuan yang ada di dalam Kementerian kita itu. Saya rasa dukacita benar ada di antara tentera-tentera kita ini yang kadangkala kerana rasa tanggungjawab untuk mempertahankan negara ini sudah kurang, hendak kata hilang itu tidak boleh, tetapi sudah kurang.

Terbukti hal ini, Tuan Pengerusi, dengan adanya kita dengar cerita-cerita bahawa ada di kalangan anggota-anggota tentera kita ini yang membuat perkara-perkara yang bertentangan dengan konsep tentera itu sendiri, iaitu untuk memperahankan negara ini. Umpamanya, ada kita dengar tentera-tentera yang mengambil dadah. Hal ini sama ada benar atau tidak itu terpalung kepada Kementerian untuk membuat penyasatannya tetapi terdengar juga kepada kita dan kepada umum juga barangkali walaupun bilangannya sedikit (kecil), tetapi perkara-perkara yang semacam ini kalau benar berlaku memang tidak harus, tidak wajar dan tidak sepatutnya berlaku kepada tentera-tentera yang telah dipertanggungjawabkan untuk hendak mempertahankan negara ini.

Tuan Pengerusi, di dalam Aktiviti yang sama juga, iaitu mengenai Perkhidmatan Ketenteraan ini saya ingin melanjutkan sedikit lagi mengenai Tentera Laut. Salah satu daripada tugas Tentera Laut ialah mengawal perairan seluruh pantai di negara kita ini. Bercakap mengenai ini, di Pantai Timur, di Lautan China Selatan termasuk pantai-pantai Kelantan, Trengganu, Pahang dan Johor adalah sentiasa terdedah dengan pencabulan ataupun gangguan nelayan-nelayan asing yang sentiasa mengganggu-gugat kedudukan ataupun kerja-kerja nelayan-nelayan kita di Pantai Timur itu. Saya berharap kepada Tentera Laut yang berpangkalan di Kuantan itu hendaklah memperbaiki penghasil laut sekira-kira dapat menjamin kerja-kerja nelayan di sepanjang perairan Lautan China Selatan kita itu

tidak diganggu-gugat olen nelayan-nelayan ataupun gangguan-gangguan daripada asing. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka.

4.24 ptg.

Tuan Chan Teck Chan (Kota Melaka): Tuan Pengerusi, saya suka sentuh muka surat 267, Butiran 1100, Aktiviti (4) dan (5) Penyelidikan dan Kemajuan.

Tuan Pengerusi: Muka berapa Yang Berhormat?

Tuan Chan Teck Chan: Muka 267, Aktiviti (5) Penyelidikan dan Kemajuan.

Tuan Pengerusi, saya suka ingin sekali mendapat tahu bahawa apakah kemajuan telah dicapai atas satu projek pembinaan satu Pengkalan Tentera Udara di Kelantan seperti mana yang diumumkan oleh bekas Setiausaha Parlimen pada 26hb Disember, pada tahun lepas. Projek pembinaan Pengkalan Tentera Udara ini sebenarnya adalah berjumlah \$140 juta dan akan menduduki 3,000 ekar tanah luasnya dan boleh menampung lebih kurang 10,000 Tentera Udara sepertimana yang diumumkan oleh bekas Setiausaha Parlimen pada tahun yang lepas.

Tujuan dan alasan Kerajaan membina Pengkalan Tentera Udara ini saya tidak menentang kerana alasan diberikan ialah kerana memandang pergolakan politik keadaan di Indochina. Menurut bekas Setiausaha Parlimen

Tuan Abu Hassan bin Haji Omar: Tuan Pengerusi, minta penjelasan. Yang Berhormat tidak menyebutkan di mana Pengkalan Tentera Udara tadi, jadi saya tidak dapat mengikutinya.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, saya dengar tadi Yang Berhormat dari Kota Melaka mengatakan di Kelantan tetapi nama itu kalau tak silap saya dia tak berapa faham.

Tuan Chan Teck Chan: Sebenarnya untuk menjimatkan masa juga termasuk muka surat 271, Butiran 6— Tentera Udara, juga termasuk Butiran 1100, Aktiviti (5), kerana masa yang singkat—10 minit, saya mencantumkan kedua-dua menjadi satu, Tuan Pengerusi.

Alasan yang diberikan ialah kerana pergolakan Indochina sangat mengancam keselamatan negara kita dan kapal terbang dari Vietnam sampai ke Kelantan kurang daripada 1 jam, sebab itu Kerajaan membina sebuah Pengkalan Tentera Udara di sana.

Soalnya ialah adakah satu kajian kemungkinan sudah diadakan untuk mengkaji kesesuaian untuk mengadakan satu Pengkalan Tentera Udara yang berjumlah berbilliarden ringgit di Kelantan. Saya tidak menentang dari segi keselamatan dan pertahanan negara kita tetapi dari segi viability dan strategy pertahanan negara kita adakah sesuai atau tidak sesuai sebuah Pengkalan Tentera Udara diadakan di Kelantan kerana Vietnam boleh menghantar kapal terbang hanya dalam masa 1 jam sampai ke Kelantan. Kalaulah satu ancaman dari sebelah Pantai Barat adakah Kerajaan akan membina lagi satu Pengkalan Tentera Laut di Melaka, di Selangor atau di mana-mana pun. Nampaknya dasar pertahanan negara kita tidak berjangka panjang (far-sighted) untuk menyesuaikan dasar pertahanan dengan keadaan dan perkembangan di Indochina atau di Asia. Mana boleh Pengkalan Tentera Udara, Laut atau Darat ditransfer atau dibina di mana-mana jika didapati ada satu ancaman dari tempat yang berkenaan atau dari tempat yang berkenaan atau dari negara yang berkenaan. Adakah mungkin satu hari kita dapati ancaman dari selatan maka adakah Kementerian Pertahanan akan membina lagi Pengkalan Tentera Udara atau Darat di Johor Bahru? Nampaknya saya kata ini adalah sangat-sangat memeranjakan dengan kenyataan yang diberikan oleh bekas Setiausaha Parlimen.

Saya fikir yang lebih mustahak ialah bagaimana Kerajaan selain daripada memperengkapkan Pasukan Keselamatan negara kita boleh memperengkapkan rakyat Malaysia menjalani satu latihan ketenteraan, baik melalui paksaan seperti Nasional Service atau lain-lain caranya. Saya fikir dengan cara begini barulah keselamatan negara kita boleh dipertahankan melalui penyertaan rakyat sendiri kerana rakyatlah akan menjadi pertahanan yang pertama (first line) di mana-mana ancaman pun, baik dari luar atau dari dalam. Kita tidak boleh hanya semata-mata bergantung kepada kemampuan dan kesanggupan Pasukan Keselamatan negara untuk mempertahankan kewilayahan dan keutuhan negara kita. Saya

suka rakyat sendiri adalah mempunyai satu peranan tanggungjawab yang begitu mustahak dimainkan oleh mereka.

Jika Malaysia hendak menjadi sebuah negara yang paling kuat sekali di Asia Tenggara, saya yakin Malaysia boleh mengadakan satu skim national service untuk melatih setiap rakyat Malaysia mempertahankan tanahair mereka sendiri. Kalaulah kita dalam satu tempoh umpamanya sepuluh tahun skim ini boleh dilaksanakan, saya yakin Malaysia bukan sahaja mempunyai satu pasukan yang paling kuat di Asia, juga kita boleh mempertahankan mana-mana satu ancaman atau pencerobohan yang dengan adanya satu pasukan melebihi satu juta tentera asing, barulah Malaysia boleh dicabar. Tetapi nampaknya sekarang kita adalah bergantung berat kepada Pasukan Keselamatan Negara kita.

Saya harap dasar pertahanan negara kita boleh diubahsuaikan bukan sahaja untuk memperengkapkan dan mempermodenkan Pasukan Keselamatan negara kita atau menambah bilangan anggota tentera kita, saya yakin yang paling mustahak ialah memaksa setiap rakyat sendiri untuk memainkan peranan dalam pertahanan negara kita, kerana ini adalah tanggungjawab dan tugas setiap rakyat. Ini adalah merupakan satu taatsetia yang paling asas yang perlu.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, dalam Butiran 1100, Aktiviti (5) Penyelidikan dan Kemajuan dan muka surat 271 Butiran 6—Tentera Udara, kita cuma membincangkan perkara berkenaan dengan pentadbiran dan juga berkenaan dengan pengkalan-pengkalan udara yang berkaitan. Tentang Dasar Am Kementerian Pertahanan, itu sudah dibuat terlebih dahulu. Kalau begitu, saya minta Yang Berhormat tumpukan kepada perkara pentadbiran dan juga hal yang berkaitan.

Tuan Chan Teck Chan: Itulah, saya mendesak Kerajaan dan Kementerian Pertahanan mengadakan satu penyelidikan kerana ini ada termasuk penyelidikan, untuk menyelaras dan mengkaji bagaimana satu dasar pertahanan boleh diadakan untuk mengasaskan ketahanan rakyat sendiri sebagai pertahanan

yang pertama dalam pertahanan negara kita bukan hanya berserah sebulat-bulatnya kepada Pasukan Keselamatan negara kita.

Akhirnya, Tuan Pengerusi, saya suka menyentuh muka surat 267, Aktiviti (4) Latihan. Latihan adalah bernakna bukan hanya latihan jasmaniah tetapi latihan rohaniah pun sangat mustahak.

Di sini saya ingin sekali mengetahui bahawa apakah latihan rohaniah telah diadakan untuk memperlengkapkan setiap ahli Pasukan Keselamatan negara kita boleh berdisiplin dan juga bersemangat dedikasi untuk mempertahankan negara kita serta harta benda rakyat kita?

Saya merasa keciwa dan juga saya tidak mahu melihat bahawa apa yang telah berlaku di Kota Melaka pada 2hb Mei tahun yang lepas dan 30hb Mei tahun ini di Johor Bahru di mana disiplin Pasukan Keselamatan Negara kita sudah dipersoalkan kerana segelintir orang sahaja. Umpamanya, Komando di Kota Melaka telah menyerang orang ramai, juga mengusek rakyat, kereta, basikal semuanya dirosakkan dan juga di Johor Bahru peristiwa 30 hari-bulan di mana empat personnel police dicuri balik ke kem, kemudian mereka dipukul hingga luka parah, perkara ini semuanya perlu diambil berat kerana kita tidak boleh mengizinkan segelintir ahli-ahli dalam pasukan, sehingga image reputation keseluruhan pasukan kita adalah dijejaskan. Maka disiplin ini adalah merupakan satu perkara yang sangat mustahak untuk mempertingkatkan semangat perjuangan dan semangat ke-taatsetiaan Pasukan Keselamatan negara kita kepada rakyat dan Malaysia.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Kangar.

4.35 ptg.

Tuan Shaari bin Jusoh (Kangar): Tuan Pengerusi, saya turut menyokong peruntukan yang diminta di bawah Maksud B. 30, Aktiviti (1) Pentadbiran Pertahanan.

Tuan Pengerusi, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada Kementerian Pertahanan khususnya kepada Menteri atau pihak yang berkenaan yang sedang melaksanakan untuk menempatkan satu battalion tentera di Perlis iaitu di utara Malaysia.

Tuan Pengerusi, saya berpendapat bahawa kita bukanlah hendak berperang, tetapi askar-askar kita ini patutlah ditambahkan lagi. Juga saya berasa seronok kerana ramai daripada rakyat kita terutama anak-anak muda yang masih lagi ingin berkhidmat ke lapangan tersebut kalau dipanggil temuduga dan sebagainya. Dengan itu, saya berharap kepada tentera ataupun pertahanan ini dilipatgandakan lagi memandangkan keadaan serantau yang kita dengar selalu perkara-perkara yang tidak diingini berlaku.

Di samping itu juga, Tuan Pengerusi, bangunan-bangunan dan battalion-battallion yang telah dan akan diadakan, saya berharap di segi-segi lain juga kita samakan pendirian ataupun penyelarasan di pejabat-pejabat lain yang berkenaan.

Misalnya sekolah. Saya dapat tahu di tempat saya misalnya, ada ura-ura askar-askar hendak ditempatkan di sana, tentulah sekolah yang berkenaan itu akan dipenuhi dengan murid-murid. Tetapi memandangkan kepada bangunan sekolah yang ada pada hari ini, saya berpendapat satu battalion ini bukanlah sedikit, kalau tiap-tiap seorang askar itu ada dua orang anak sekalipun harus untuk sebuah sekolah itu boleh mencukupi ataupun boleh muat untuk battalion itu sahaja. Maka dengan sebab itu, saya berharap sebagaimana saya katakan tadi menyelaraskan dengan pihak-pihak lain, misalnya Kementerian Pelajaran adalah elok di samping mengadakan askar di tempat itu, berunding bersama dengan Kementerian yang berkenaan.

Begitu juga bangunan-bangunan lain sebagaimana yang disuarakan oleh rakan-rakan saya tadi, selain daripada kita membuat bangunan-bangunan yang banyak, masjid juga patut diadakan di tempat yang berkenaan.

Saya sendiri mengucapkan tahniah dan syukur kepada Tuhan, bila saya berjumpa dengan kebanyakan daripada pegawai Angkatan Tentera kita yang berpangkat Kopral, Sarjan, Kapten, Major, Letenan Kolonel dan sebagainya, saya sungguh bangga dengan sikap dan peribadi mereka ini yang sungguh mengambil sikap berat dan berperibadi tinggi. Saya sungguh-sungguh mengucapkan tahniah dan syukur kepada Tuhan dan terima kasih kepada mereka tetapi sebagaimana saya kata tadi, saya tidak nafikan, kata orang kadang-kadang kerana nila setitik, merosakkan susu sebelanga.

Yang paling penting bagi pertahanan ini adalah satu perkara yang kita berkehendakkan taatsetia sebagaimana kawan-kawan saya katakan tadi, itu saya tidak nafikan. Yang kita takut sekali bukan musuh daripada luar, tetapi musuh dari dalam. Ibarat kata pepatah, yang lebih bahaya ialah duri dalam daging, hendak dibuang payah; hendak ditinggal, sakit. Kalau durinya di luar, mudah dicabut. Begitulah kalau menjadi pertahanan dan sebagainya. Dengan sebab itu, saya berharap di segi disiplin sebagaimana kata kawan-kawan saya tadi, saya sungguh-sungguh menyokong walaupun ramai di antara kawan-kawan saya sendiri yang menjadi tentera, saya selalu bertanya, tetapi di samping itu ada setengah daripada setengahnya itu patut diawasi lagi, seperti kata pepatah, jangan kerana nila setitik, kerana seorang atau tiga empat orang yang tidak bertanggungjawab mengakibatkan tentera yang begitu bersusah payah mempertahankan tanahair maka dikatakan mereka tidak baik. Maka dengan sebab itu saya berharap di segi ini patutlah diawasi sungguh-sungguh.

Tuan Pengerusi, di samping itu, saya juga dapat tahu dan kalau tidak silap saya berkenaan pengambilan Tentera Wataniah sebagai tentera sambilan ataupun yang bukan regular dalam tentera.

Tuan Pengerusi: Ini Butiran berapa Yang Berhormat?

Tuan Shaari bin Jusoh: Dalam segi Perkhidmatan Tentera.

Tuan Pengerusi: Oh! Perkhidmatan Tentera.

Tuan Shaari bin Jusoh: Tuan Pengerusi, setahu saya mereka akan diambil tetapi kadang-kadang didapati mereka ini kurang minat. Kalaulah kita hendak marah kepada setengah anak-anak muda yang kurang minat, saya fikir benda ini zaman manapun, di samping mengejar kebahagiaan, wang adalah menjadi punca utama selain kesihatan. Kalaulah elaun mereka ini tidak dibuat kajian, tentulah mereka ini juga tidak begitu minat dan tertarik.

Yang paling menyedihkan, Tuan Pengerusi di segi Tentera Wataniah ini saya dapati daripada orang-orang yang berkenaan masa untuk latihan mereka ini telah ditambah, sedangkan elaun mereka dikurangkan. Yang

kita tahu gaji-gaji dan elaun di segi lain telah dinaikkan tetapi pelik atau berlawanan dengan Tentera Wataniah, elaun mereka dikurangkan dan masa latihan mereka dlebihkan.

Tuan Pengerusi, saya berpendapat ada setengah negara kalau boleh yang berumur 18 tahun sampai 45 sekurang-kurangnya patutlah tiap-tiap warganegara yang taat jagan yang tidak taat setia walau bangsa apa sekali pun patutlah kita beri latihan untuk mengetahui bagi menggunakan senjata. Saya berpendapat apa yang dibuat oleh Tentera Wataniah ini adalah satu cara untuk latihan menggunakan senjata di samping kita beri elaun di masa latihan. Saya bersetuju berkhidmat kepada negara di samping itu patutlah kita timbangkan elaun mereka. Sebagai Wakil Rakyat kita juga hendakkan elaun mesyuarat dan latihan ini bukan perkara mudah. Ini kita sama-sama maklum untuk mempertahankan negara. Jadi saya berharap kepada Kementerian yang berkenaan dinaikkanlah elaun yang saya syorkan tadi, elaun Tentera Wataniah itu janganlah kadar yang ada setakat hari ini, jangan lebih masa berlatih, elaun tak dlebihkan, kalau tak lebih masa berlatih, patut dlebihkan elaun mengikut keadaan masa ini, apatah lagi elaun berlatih lebih diturunkan. Ini berlawanan sangat dengan kehendak alam. Saya merayu kepada Kementerian yang berkenaan, tolong kaji benda ini dan tolong naikan

Tuan Pengerusi, saya percaya hari ini Kerajaan telah bagi pertolongan dengan sewajarnya kepada orang yang mendapat kemalangan dalam tentera tetapi saya berharap dikaji semula, patut diberi bantuan lebih lagi, kalau boleh tiap-tiap seorang tentera yang mendapat kemalangan itu biarlah waris atau tanggungan-nya itu dapat saraan terus daripada Kementerian Pertahanan, kerana orang yang mati mempertahankan negara ini akan mendapat pahala dari Tuhan tetapi walau macam mana pun anak tanggungan-nya itu adalah satu perkara yang patut kita kaji, kerana kita tahu tiap-tiap seorang anak bila bapanya meninggal, apatah lagi yang masih muda mati dengan kemalangan kena tembak dan sebagainya, ini satu perkara yang cukup sedih. Jadi saya berharap dengan pengorbanannya itu, kita beri penilaian yang sewajar.

Tuan Pengerusi, saya mengucapkan terima kasih kepada Kementerian yang berkenaan walaupun tak secara langsung Kementerian yang berkenaan telah mengambil aktif berkenaan bekas perajurit, sebab saya tahu di masa yang lepas Setiausaha Parlimen begitu aktif pergi ke sana sini selain daripada Jawatankuasa khas, dan saya percaya hari ini tentulah Timbalan Menteri yang baharu dan aktif ini akan mengambil perhatian lebih berat lagi kepada bekas-bekas perajurit ini.

Hari ini, Tuan Pengerusi, ada bekas perajurit yang meminta kerja tetapi tak dapat sedangkan kita akan beri keutamaan untuk latihan, saya berpendapat sebest mungkin askar-askar itu tamat persaraan walaupun dia akan bersara dan umurnya masih muda belia lagi, masa hidupnya pada masa hadapan masih panjang lagi. Jadi apa yang saya harap di sini berilah latihan macam secukupnya seperti mana yang terkandung dalam Butiran 10—Pusat Latihan Bekas Tentera, Sungai Buluh supaya dibanyakkan lagi tempat-tempat ini dan kalau boleh di dalam berbagai bidang, misalnya bidang perniagaan dan pengangkutan. Sebab saya kata begitu, ia menjadi menafaat kepada negara atas latihan yang kita beri itu. Kalau satu orang dia bukan orang yang tahu dari segi kenderaan misalnya hari ini Lembaga Pelesenan menghendaki seorang yang dapat lesen teksi, dia disyaratkan mestilah orang itu boleh memandu sendiri, kena tulis di situ. Bukanlah semua bekas tentera itu boleh memandu, dan seperti saya kata tadi, biarlah banyak diadakan latihan kepada tentera-tentera yang akan bersara, misalnya dalam tahun 1980 bagi latihan secukupnya dan bagi kemudahan kepada mereka sendiri. apakah bidang yang mereka sendiri tertarik di situ kemudian bila mereka bersara, biarlah kita beri satu surat khas keutamaan daripada pejabat mana yang mereka akan mohon, biarlah

Tuan Pengerusi: Masa sudah cukup tetapi saya benarkan satu minit lagi kalau hendak gulung ucapan.

Tuan Shaari bin Jusoh: Biarlah bagi kemudahan yang cukup ataupun keistimewaan, janganlah pergi sana temuduga, mari di sini temuduga—tak boleh, biarlah ada satu jaminan yang orang ini bila dapat apa yang kita syorkan untuk masa hadapannya.

Tuan Pengerusi dengan itu saya sokong peruntukan yang diminta oleh Kementerian ini.

Tuan Pengerusi: Sekarang saya jemput Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk menjawab.

4.45 ptg.

Timbalan Menteri Pertahanan (Tuan Abu Hassan bin Haji Omar): Tuan Pengerusi, terlebih dahulu izinkan saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada kelima-lima Ahli Yang Berhormat yang telah memberikan sedikit sebanyak teguran dan pandangan mengenai Kementerian Pertahanan, iaitu Ahli Yang Berhormat dari Baling, Kuala Lumpur Bandar, Dungun, Kota Melaka dan seterusnya Ahli Yang Berhormat dari Kangar.

Oleh kerana perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat itu merupakan sebahagian besarnya perkara umum, tidaklah dapat saya memberi jawapan satu persatu. Oleh itu memadailah kalau saya memberikan jawapan yang umum juga, tetapi akan mengambil perhatian terhadap perkara-perkara yang spesifik yang mana Kementerian saya sentiasa menerimanya untuk dikaji dan seterusnya diatasi jika didapati menjadi satu masalah yang begitu berat.

Tuan Pengerusi, sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, pada masa ini Angkatan Tentera sedang di dalam proses pembesaran dan perkembangan dan di dalam tahun 1981 segala perancangan yang telah diperbuat akan dapat dilaksanakan yang menyebabkan satu peruntukan yang begitu tinggi telah diberi kepada Kementerian ini, sama ada untuk penyelenggaraan ataupun "operating" dan juga pembangunan.

Di dalam perkembangan Angkatan Tentera, suka saya menjelaskan sekali lagi kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, terutama sekali daripada parti pembangkang, bahawa di dalam perkembangan ini beberapa faktor yang penting dititikberatkan, iaitu bagi menambah bilangan anggota-anggota tetap di dalam ketiga-tiga perkhidmatan Angkatan Tentera kita, sama ada darat, laut atau udara.

Di samping itu, adalah menjadi faktor penting juga bahawa alat-alat yang dipergunakan oleh tentera kita adalah ditingkatkan serta

dipermodenkan dan pasukan-pasukan sukarela ataupun pasukan simpanan kita juga akan diperbesar. Selain daripada itu, kita akan menambahkan kemudahan-kemudahan di tempat-tempat latihan yang ada di dalam negara kita ini, begitu juga dari segi perkhidmatan-perkhidmatan sokongan dan bantuan.

Berasaskan kepada lima faktor yang saya perkatakan tadi, Ahli-ahli Yang Berhormat terutama sekali Ahli-ahli Yang Berhormat dari Baling dan Kota Melaka, masih tidak faham lagi, bahawa Kerajaan pada masa ini sedang mengambil langkah bagi memperbesar dan memperkemaskan Angkatan Tentera kita sejajar dengan keadaan keselamatan, sama ada dalam ataupun luar negeri di rantau ini. Matlamatnya ialah supaya Angkatan Tentera kita adalah "self-reliant" untuk membolehkan tentera kita mempertahankan negara kita dari ancaman-ancaman dari luar dan dalam. Oleh hal yang demikian, tidaklah kita berhajat bahawa pada sekarang ini, apabila kita masih berada di dalam proses perkembangan, untuk membelakangkan bantuan yang diterima dari tentera-tentera asing. Kita memerlukan sedikit sebanyak bantuan, latihan dan sebagainya daripada mereka yang berkenaan, terutama sekali berasaskan kepada Peraturan Pertahanan Lima Negara yang masih wujud dan akan terus wujud buat beberapa ketika sehinggalah kita dapat berdiri di atas kaki sendiri.

Ahli Yang Berhormat dari Baling telah menyatakan mengenai kemerosotan disiplin dan moral mengenai Angkatan Tentera kita begitu juga Ahli Yang Berhormat dari Dungun dan mereka mencadangkan supaya aspek kerohanian ataupun keugamaan diberi perhatian yang penting bagi Angkatan Tentera. Kementerian saya, di samping memberi latihan-latihan ketenteraan sama ada dari segi menggunakan sejatapi, dari segi latihan di tempat peperangan dan sebagainya, memanglah sentiasa memberi perhatian yang serius kepada keugamaan bagi ahli-ahli Angkatan Tentera. Jesteru itu, pada masa ini Kementerian Pertahanan sedang mengkaji untuk memperbesar perkhidmatan Naziran U gama yang sedia ada di dalam Angkatan Tentera. Walaupun pada masa ini bilangan ahli-ahli ataupun guru-guru ugama tidak begitu banyak, mereka adalah mencukupi untuk ditempatkan di Markas-markas dan juga di Kem-kem tentera yang ada di negara kita ini. Namun demikian, usaha sedang dibuat untuk

memperkemaskan dan memperbesar perkhidmatan Naziran U gama ini bagi memastikan bahawa Angkatan Tentera kita juga diberi latihan dari segi rohaniah dan keugamaan pada keseluruhannya.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar dan juga Ahli Yang Berhormat dari Kangar telah menyentuh berkenaan dengan bekas-bekas perajurit. Di sini sukalah saya mengatakan bahawa di Kementerian Pertahanan sudah ada wujud satu Bahagian dinamakan Bahagian Hal Ehwal Bekas Perajurit, bukan satu Jawatankuasa yang dikatakan oleh Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar itu. Tugas bahagian ini di antara lain adalah untuk merancang sesuatu yang boleh dilaksanakan untuk membolehkan Angkatan Tentera kita, apabila bersara kelak, mendapati kemudahan-kemudahan yang tertentu di dalam penghidupan mereka luar daripada tentera. Bahagian ini sentiasa menjadi badan penghubung di antara bekas perajurit dengan pihak-pihak awam yang lain. Kerjasama yang telah terjalin di antara Persatuan Bekas Perajurit Malaysia dan juga Persatuan Bekas Perajurit tiap-tiap negeri adalah begitu baik sekali pada masa ini dan kami sentiasa mengadakan perundingan-perundingan yang tertentu. Oleh hal yang demikian, perkara-perkara yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat daripada Kuala Lumpur Bandar dan juga daripada Kangar boleh diatasi sekiranya bekas-bekas perajurit ini dapat mengemukakan masalah mereka masing-masing ke Bahagian ini ataupun melalui Persatuan masing-masing dan saya memberi jaminan bahawa segala masalah mereka itu akan kami beri perhatian yang serius. Bagi Jabatan-jabatan dan Kementerian-kementerian yang lain yang disebutkan tadi, seperti kelewatan mendapatkan permit dan sebagainya. Bahagian yang berkenaan boleh menyusuli dan mengikuti untuk membantu bekas perajurit kita dalam hal-hal ini.

Selain daripada usaha ini, Kementerian melalui Bahagian ini, akan mewujudkan satu Pusat Latihan untuk memastikan bahawa seberapa yang boleh bekas-bekas tentera kita ini diberi latihan yang tertentu untuk membolehkan mereka mendapatkan kemahiran ataupun "skill" di Pusat Latihan Bekas Tentera yang akan diadakan di Sungai Buluh. Ianya dijangka siap pada tahun hadapan.

Yang Berhormat dari Dungun telah juga menyentuh berkenaan dengan Tentera Laut kita dan beliau telah menyarankan supaya

Tentera Laut kita, di samping menjalankan aktiviti-aktiviti mempertahankan negara kita, ianya juga mestilah memastikan bahawa nelayan-nelayan yang ada di sebelah Pantai Timur diberi perhatian oleh Tentera Laut kita. Sudahpun saya umumkan di Dewan yang mulia ini pada 28hb Oktober, 1980 bahawa selain daripada usaha-usaha bagi mengawal keadaan di dalam kawasan perairan antarabangsa, TLDM juga seringkali melancarkan Operasi Sapu (Sweep) di Selat Melaka, di Laut China Selatan dan di perairan Sabah dan Sarawak dengan menggunakan beberapa buah kapal. Dalam melaksanakan rondaan dan operasi-operasi bagi pertahanan dan operasi-operasi bagi pertahanan dan kedaulatan negara, kapal-kapal ini juga dipertanggungjawabkan untuk menjaga keselamatan nelayan-nelayan kita terhadap gangguan-gangguan daripada lanun-lanun ataupun nelayan-nelayan asing.

Pada tahun 1976, sebanyak 12 bantuan-bantuan telah diberi kepada nelayan-nelayan dan sehingga kemasa kini 5 Operasi Sapu telah diadakan semenjak tahun 1976. Pada keseluruhannya, operasi-operasi ini telah berjaya dan dapat menyelamatkan nelayan-nelayan kita daripada kesiksaan oleh pihak-pihak yang berkenaan.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Kangan telah juga menyentuh berkenaan dengan elaun-elaun kepada Askar Wataniah; dia minta tambah katanya tadi. Sukalah saya menyatakan bahawa memanglah Kerajaan memandang berat terhadap Pasukan Simpanan ataupun Askar Wataniah ini dan di dalam usaha bagi memperkembangkan Angkatan Tentera kita, Pasukan Simpanan adalah sebahagian daripada usaha itu. Matlamat Kerajaan ialah supaya bagi tiap-tiap satu tentera tetap, ianya patut mempunyai 3 tentera simpanan. Kita berharap bahawa dalam tahun 1983, kita akan mencapai nisbah 1 tetap 1 simpanan, tetapi pada keseluruhannya, matlamatnya ialah 1 tetap 3 simpanan.

Dalam hubungan ini, elaun-elaun bagi Askar Wataniah dan lain-lain pasukan suka-relawan sentiasa mendapat perhatian dan pertimbangan oleh Kerajaan. Dalam bulan Julai tahun 1977, elaun-elaun bagi Angkatan Tentera pada keseluruhannya telah dikaji dan telah dibuat seperti terkandung dalam Laporan Jawatankuasa Gaji dan Syarat-syarat Perkhidmatan Angkatan Tentera Malaysia. Laporan tersebut memperakukan supaya

elaun-elaun bagi Askar Wataniah juga ditambah. Perakuan dalam Laporan itu telah diterima oleh Kerajaan dan telahpun dilaksanakan. Mungkin barangkali apa yang telah diluluskan dalam tahun 1977 itu tidak mencukupi. Ahli Yang Berhormat itu juga menyatakan bahawa elaun dikurangkan, tetapi masa bertugas ditambah. Saya menghargai maklumat ini dan saya berharap bahawa Yang Berhormat itu dapat menyampaikan kepada saya dengan lebih spesifik sebab setahu saya Kerajaan tidak pernah mengurangkan elaun-elaun yang diberi kepada Askar Wataniah kita. Saya bersetuju masa telah ditambah, tetapi elaun tidak dikurangkan.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka telah menimbulkan satu projek TUDM, iaitu apa yang dimaksudkannya sebagai projek Gong Kedak di selatan Kelantan, iaitu di sempadan Kelantan dengan Trengganu yang mana dipersoalnya sama ada kajian-kajian feasibility dan sebagainya diadakan ataupun sebaliknya dan juga sama ada dasar pertahanan negara kita ini adalah secara *ad hoc* iaitu apabila ada serangan baru kita buat pengkalan dan sebagainya. Barangkali Yang Berhormat tidak membaca anggaran-anggaran dalam P. 30 iaitu selain daripada Gong Kedak, kita juga akan mengadakan dan memperbesarkan Pengkalan Udara di Subang dan di tempat-tempat lain yang pada keseluruhannya adalah untuk membolehkan supaya keseluruhan kawasan negara kita ini dapat diperlindungi (cover) dari pengkalan-pengkalan yang berkenaan.

Seperti Dewan yang mulia ini sedia maklum bahawa tiap-tiap projek yang dijalankan oleh Kerajaan adalah dikaji dengan teliti. Kalau Pegawai-pegawai Kerajaan tidak dapat mengkaji, perunding-perunding akan dipergunakan untuk memastikan feasibility bagi tiap-tiap projek itu dan selepas itu barulah dilaksanakan. Projek Gong Kedak ini tidak dikecualikan daripada kajian-kajian yang berkenaan, malahan satu kajian kemungkinan untuk memastikan bahawa rakyat yang ada di sekeliling kawasan Gong Kedak ini juga dapat bersama-sama menikmati kemajuan hasil daripada projek ini akan diadakan dan kita berharap bahawa projek Gong Kedak ini selain daripada membolehkan kita menyediakan barisan pertahanan udara kita serta memberi latihan kepada Angkatan Tentera kita, khasnya Tentera Udara, ia juga akan memberi nikmat kepada penduduk-penduduk di

luar bandar di kawasan yang berkenaan. Begitu juga projek-projek lain yang bertujuan untuk memberikan kemudahan kepada penduduk-penduduk ataupun rakyat luar bandar. Di dalam hasrat Kerajaan untuk membaiki keadaan sosio-ekonomi penduduk-penduduk luar bandar, pihak Kementerian Pertahanan tidak ketinggalan bagi mengambil perhatian yang serius dalam aspek ini dan apabila ada kemungkinan kita akan sentiasa melibatkan rakyat jelata di dalam projek-projek yang dijalankan oleh Kementerian Pertahanan.

Tuan Pengerusi, dengan ini saya mohon bahawa wang sejumlah \$1.7 billion di bawah Kepala B. 30 untuk Kementerian Pertahanan dijadikan sebahagian daripada Jadual dan perbelanjaan di bawah Kepala P. 30 Anggaran Perbelanjaan Pembangunan tahun 1981 sebanyak \$1.988 billion diluluskan.

Tuan Pengerusi: Soalnya ialah bahawa wang sejumlah \$1,700 juta untuk Kepala B. 30 di bawah Kementerian Pertahanan menjadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Begitu juga soalnya ialah bahawa perbelanjaan di bawah Kepala P. 30 Anggaran Perbelanjaan Pembangunan tahun 1981 sebanyak \$1,988 juta diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$1,700,000,000 untuk Maksud B. 30 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual; dan wang sebanyak \$1,988,000,000 untuk Maksud P. 30 disetujui jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1981.

Maksud B. 31 (Jadual)—

Maksud P. 31 (Anggaran Pembangunan, 1981)—

Tuan Pengerusi: Sekarang ini Maksud B. 31 di bawah Kementerian Pelajaran berjumlah \$2,805,118,000 dan Maksud Pembangunan P. 31 berjumlah \$293,949,160 terbuka untuk dibahaskan. Saya jemput Yang Berhormat dari Sabak Bernam.

5.12 ptg.

Tuan Jamaluddin bin Haji Suhaimi (Sabak Bernam): Tuan Pengerusi, saya bangun untuk menyokong peruntukan yang dipinta

oleh Kementerian Pelajaran dan saya akan bercakap mengenai Butiran 1100, Program 1 (b) Sebaran Pendidikan.

Tuan Pengerusi, Sebaran Pendidikan ataupun Perkhidmatan TV Pendidikan telah dilancarkan mulai pada awal tahun 1972 sebagai salah satu daripada bahagian-bahagian profesional di dalam Bahagian Perkhidmatan Sebaran Am Pendidikan di Kementerian Pelajaran. Dengan adanya TV Pendidikan ini sudah tentulah menaikkan mutu pendidikan yang diterima oleh murid-murid sebagai satu cara pengajaran yang moden. Tetapi ada satu perkara yang saya suka memaklumkan di Dewan yang mulia ini iaitu mengenai guru-guru yang diberi khidmat dalam Bahagian TV Pendidikan ini.

Tuan Pengerusi, saya berharap dapat Kementerian Pelajaran mengemukakan kepada Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran mengenai khidmat guru-guru dalam TV Pendidikan. Mereka nampaknya kurang berpuas hati dengan layanan atau gaji yang mereka terima. Mereka yang bekerja sebagai penyunting atau pengeluar dalam TV Pendidikan adalah daripada guru-guru biasa yang kemudian telah diberi latihan khas mengenai cara menerbitkan TV Pendidikan. Dengan adanya latihan-latihan yang telah diterima khas mereka sepatutnyalah diberi layanan yang lebih daripada taraf guru-guru yang biasa. Mereka membandingkan jawatan mereka itu dengan tugas Penerbit di TV Malaysia. Gaji yang mereka terima dalam khidmat sebagai Penerbit TV Pendidikan adalah sebagai guru tetapi pada ringkasnya mereka menuntut supaya dapatlah Kementerian mengemukakan kepada Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran supaya Penerbit TV Pendidikan ini diberi layanan atau gaji sama dengan Penerbit di TV Malaysia.

Begitu juga dalam jawatan-jawatan yang lain selain daripada Penerbit TV Malaysia, dan saya dimaklumkan bahawa pegawai-pegawai yang ada dalam TV Pendidikan ini tidaklah mencukupi dan saya berharap Kementerian dapat mencukupkan supaya tugas-tugas mereka tidak begitu berat dan Perkhidmatan TV Pendidikan akan lebih sempurna.

Tuan Pengerusi, izinkan saya bercakap dalam muka surat 276 Program 5 (d)—Pelajaran Ugama. Saya harap Kementerian Pelajaran akan dapat menimbangkan lagi dengan

menambah sekolah-sekolah agama yang dikelolakan oleh Kementerian Pelajaran. Kalau saya tidak silap ada 11 buah sekolah menengah agama di bawah Kementerian Pelajaran. Tetapi saya percaya dengan adanya 11 buah ini tidaklah mencukupi dan daripada keputusan-keputusan yang disampaikan kepada saya banyak mereka berpendapat bahawa sekolah agama di Kementerian Pelajaran ini patut ditambah lagi.

Mengenai pelajaran agama di sekolah-sekolah saya mengharapkan supaya dapat ditentukan bahawa pelajaran agama itu dapat ditulis dengan jawi dan tidak lagi boleh dibenarkan menulis dengan huruf rumi. Ini ialah supaya pelajaran jawi boleh dapat betul-betul diminati oleh murid-murid bumiputra kita ataupun yang bukan bumiputra untuk mempelajari tulisan jawi. Tulisan jawi ini yang ada kaitannya dengan pelajaran agama juga berkaitan dengan pelajaran-pelajaran bahasa, saya harap supaya dapat ditentukan satu jangka masa (period) dalam tiap-tiap hari yang dikeluarkan daripada pelajaran Bahasa Malaysia sebab dengan perintah umum Pelajaran Malaysia mestilah ada tulisan jawi. Tetapi oleh kerana guru-guru itu barangkali kurang minat atau guru-guru yang muda tidak mengetahui jawi atau ada yang tahu jawi tetapi tidak berminat maka banyak yang telah meninggalkan begitu sahaja.

Jadi oleh kerana itu saya cadangkan tulisan jawi ini hendaklah diadakan satu period khas tiap-tiap minggu dua kalikah dan hendaklah tulisan jawi itu digunakan dalam satu mata pelajaran selain daripada agama satu mata pelajaran khas dalam pelajaran bahasa yang dimestikan. Bukannya sahaja di sekolah rendah tetapi biarlah sampai ke sekolah menengah. Tanpa satu arahan yang tertentu dan yang tegas nasib tulisan jawi, Tuan Pengerusi, akan terus seperti sekarang. Saya sangat dukacita jikalau tulisan jawi itu hanya hendak dipamir di Muzium sekali-sekali atau dipamirkan atau dipertunjukkan sekolah-sekolah, tetapi tulisan jawi itupun tidak betul, dalam tidak betul itupun dia menang. Jadi kita dapat menilai bahawa tulisan jawi sudah terlalu ketinggalan. Oleh itu, saya berharap supaya dapat Kementerian Pelajaran dalam tahun 1981 mengambil tindakan-tindakan yang tegas dan jangan dimasukkan begitu sahaja di dalam pelajaran bahasa.

Tuan Pengerusi, izinkan saya bercakap muka surat 293, Butiran (8) Rumah-rumah Guru Luar Bandar. Perkara ini memang perkara lama dan selalu ditimbulkan di dalam Dewan ini tetapi masih juga saya merayu supaya dapat Kementerian menimbangkan rumah-rumah guru-guru luar bandar ini.

Ada sebab-sebab yang Kementerian barangkali tidak begitu bersungguh-sungguh membuat rumah di luar bandar ini oleh kerana ada setengah guru yang tidak suka tinggal berdekatan sekolah di kampung tempat dia mengajar dan mereka tinggal di bandar kemudian berulang. Inipun satu sebab yang Kementerian Pelajaran tidak begitu memberi perhatian untuk membuat rumah guru-guru di luar bandar, tetapi patutlah kajian dibuat di mana perlu diadakan rumah guru baik di sekolah Kebangsaan ataupun Jenis Kebangsaan Cina atau Tamil umpamanya. Ini sangat mendukacitakan oleh kerana kebanyakan dibuat sekolah sahaja dan rumah guru tidak ada langsung dan guru sangatlah menderita, terutamanya Guru Besar untuk mengawasi sekolah, tidak ada peluang untuk berdamping dengan ibu-bapa dan satu perkara yang mendukacitakan lagi mengenai rumah guru termasuk juga sekolah ialah lambatnya pembinaan.

Yang menjadi masalah atau yang memeningkan kepala atau yang menjadi kita tidak dapat faham ialah antara pihak Jabatan Pelajaran umpamanya dengan pihak JKR tuduh menuduh salah satu pihak yang lain. Tetapi bagi kami rakyat tidaklah perlu tahu siapa yang salah, siapa yang tidak dapat menunaikan tugasnya seperti yang dikehendaki, tetapi yang kami kehendaki, rakyat di kampung-kampung ialah supaya projek itu lekas sedikit dan oleh kerana itu adalah diharapkan supaya satu penyelarasan segera dibuat. Memang perkara ini selalu disebut tetapi patutlah dibuat dengan cara yang lebih bersungguh-sungguh antara Kementerian Pelajaran dan Jabatan Kerjaraya.

Akhirnya, Tuan Pengerusi, suka saya menyebut muka surat 294, Asrama, Butiran (9).

Asrama ini tentulah yang dititikberatkan ialah untuk sekolah yang berasrama penuh mungkin ataupun juga asrama-asrama di sekolah-sekolah yang lain. Tetapi yang saya hendak maklumkan Dewan ini ialah pada akhir-akhir ini sekolah berasrama penuh nampaknya telah kekurangan sangat. Saya

dalam dua tiga hari ini dapat pengaduan daripada ibubapa bahawa anaknya yang lulus 4A pun tidak dapat tempat dalam sekolah berasrama penuh. Jadi kita faham dan kita bangga mungkin kelulusan 5A atau 4A sudah meningkat naik. Oleh kerana itu, kita tentu tidak akan dapat menampung semua murid-murid yang baik dalam sekolah-sekolah berasrama penuh. Bagaimanapun, kalau boleh saya merayulah supaya ditambah lagi sekolah berasrama penuh itu. Kalau Kerajaan tidak dapat hendak membuat lebih banyak sekolah-sekolah asrama penuh, saya berpendapat eloklah diadakan sekolah-sekolah menengah pusat di tiap-tiap daerah. Sekolah-sekolah menengah pusat yang terbaik di daerah dijadikan satu sekolah yang taraf ataupun mutunya sama dengan sekolah-sekolah asrama penuh yang ada sekarang. Jadi ibubapa tidak akan berlumba ataupun berebut-rebut untuk meminta anaknya masuk ke asrama penuh dan menyusahkan beberapa orang lain untuk memperjuangkan mereka masuk ke sekolah-sekolah yang tersebut. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar.

5.26 ptg.

Tuan Lee Lam Thye (Kuala Lumpur Bandar): Tuan Pengerusi, saya hanya ingin menyentuh dua perkara sahaja dalam perbahasan ini. Yang pertama, saya suka merujuk kepada muka surat 276.

Tuan Pengerusi: 276?

Tuan Lee Lam Thye: 276, Butiran 1100, Program (6) Pelajaran Tinggi. Saya suka berucap mengenai Program (6) pecahan (b) Pengambilan Penuntut. Berkenaan dengan perkara ini suka saya merujuk kepada satu kenyataan yang dibuat baru-baru ini oleh Yang Berhormat Menteri Pelajaran di mana beliau ada menyatakan bahawa untuk kaum bukan bumiputra di negara ini Kerajaan hanya dapat menambahkan mengikut nisbah 2% setahun untuk pelajar-pelajar kaum bukan bumiputra di universiti-universiti dan institusi pelajaran tinggi di negara kita.

Jikalau kita kira mengikut peratus yang telah disebut oleh Yang Berhormat Menteri Pelajaran, ini bererti bahawa dalam satu tahun hanya terdapat 35-40 tempat-tempat untuk pelajar kaum bukan bumiputra yang boleh

mendapat tempat-tempat di universiti-universiti dan institusi-institusi pelajaran tinggi di negara kita.

Saya suka mengambil kesempatan untuk menyatakan di sini bahawa saya berfikir dan saya yakin bahawa dasar 2% ini adalah satu dasar yang tidak berpatutan dan tidak adil. Suka saya juga menyarankan di sini bahawa pelajar-pelajar kaum bukan bumiputra telah menyuarakan kebimbangan mereka tentang dasar 2% ini. Pihak pelajar kaum bukan bumiputra berasa bahawa mereka patut dan harus diberi layanan yang lebih adil dan saksama dalam perkara pengambilan penuntut-penuntut ke dalam universiti-universiti dan institusi-institusi pelajaran tinggi di negara ini dan mereka juga berasa bahawa mereka patut diberi hak untuk mendapat tempat yang sesuai dan yang sewajar di universiti dan institusi pelajaran tinggi di negara ini. Memandangkan kepada hal ini, saya suka mencadangkan bahawa pihak Kementerian patutlah membekalkan dasar 2% ini digantikan oleh satu sistem di mana pihak kaum bukan bumiputra dapat diperuntukkan tempat yang lebih banyak, tempat-tempat yang sesuai mengikut peratus komposisi kaum di negara kita pada tiap-tiap tahun. Saya rasa bahawa syor saya ini adalah satu syor yang bukan pelampau, tetapi satu syor yang menasabah yang patut ditimbang oleh pihak Kementerian memandangkan bahawa pada tiap-tiap tahun bilangan pelajar-pelajar bertambah dan mereka berasa mereka patut diberi peluang yang cukup untuk mendapat pelajaran tinggi di negara kita, khususnya di universiti-universiti tempatan, di institusi pelajaran tinggi di negara ini.

Perkara nombor dua, yang saya ingin menyentuh ialah berkenaan dengan muka surat 279, Butiran 1100, Program (4) Kebajikan Penuntut-penuntut (b) Penuntut Seberang Laut. Tuan Pengerusi, atas perkara ini, suka saya menarik perhatian Kementerian Pelajaran berkenaan, khususnya Yang Berhormat Timbalan Menteri Pelajaran yang berkenaan tentang iklan-iklan yang sentiasa disiarkan dalam suratkhobar-suratkhobar tempatan oleh institusi-institusi luar negeri atau agen-agen mereka di negara ini tentang perkara pelajaran tinggi di luar negeri. Misalnya, iklan-iklan yang ada disiarkan dalam suratkhobar yang menyatakan bahawa sesiapa yang hendak memohon untuk belajar di luar negeri dapat memohon alamatnya di luar

negeri, misalnya, Kanada dan baharu-baharu ini ada sebuah kolej yang dinamakan Eastern College yang sentiasa membuat iklan dalam suratkhbar dengan tujuan mempelawa pelajar-pelajar Malaysia untuk memohon tempat di kolej itu. Akan tetapi, satu aduan yang disampaikan kepada saya ialah apabila pelajar-pelajar itu telah memohon untuk mendapatkan tempat di kolej itu ataupun satu institusi pelajaran tinggi di luar negeri apabila mereka telah berjaya dalam permohonannya dan apabila mereka tiba di tempat itu mereka dapat tahu bahawa langsung tidak ada kemudahan yang baik, kemudahan untuk belajar. Saya rasa ini satu hal yang amat serius yang patut dipandang berat oleh Kementerian. Saya juga mengesyorkan bahawa pihak Kementerian patutlah mencari satu jalan untuk menyiasat kalau boleh tentang iklan-iklan yang sentiasa disiarkan dalam suratkhbar dan jika sekiranya boleh mengadakan satu undang-undang yang mewajibkan bahawa sesiapa yang hendak membuat iklan dalam suratkhbar dengan tujuan untuk mempelawa pelajar tempatan untuk belajar di luar negeri menghendaki atau mewajibkan mereka menyampaikan butir-butir tentang institusi mereka, tentang latarbelakang institusi pelajaran tinggi itu supaya kita dapat menyiasat sama ada keadaan yang disebutkan itu adalah benar atau tidak dan kita bolehlah berhubung dengan misalnya kedutaan kita ataupun Pesuruhjaya Tinggi Malaysia di luar negeri yang disebutkan untuk menjalankan siasatan tentang keadaan di situ. Ini ialah perkara yang saya suka menarik perhatian, suka merujuk kepada pihak Kementerian dan saya haraplah bahawa sesuatu tindakan dapat diambil untuk mengelakkan apa-apa kejadian yang tidak disukai oleh pihak pelajar-pelajar.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Kangar.

5.35 *ptg.*

Tuan Shaari bin Jusoh (Kangar): Tuan Pengerusi, saya menyokong peruntukan B. 31, muka surat 275, Program (3) Pentadbiran Am dan (a) Pentadbiran Umum. Tuan Pengerusi, dalam Pentadbiran Umum sukalah saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Kerajaan yang telah membuat berbagai perubahan baik dari segi bantuan kepada kanak-kanak dan tambahan pegawai dan sebagainya.

Pertama, saya bercakap dahulu dari segi bantuan kepada kanak-kanak iaitu makanan (AMP) yang telah diberi oleh Kementerian yang berkenaan.

Saya mengesyorkan kalau boleh memandang kedudukan harga barang sudah naik patutlah bantuan 20 sen seorang itu dinaikkan kepada 30 sen. Yang kedua, memandangkan tambahan kanak-kanak ini, Tuan Pengerusi, saya berharaplah bila sudah tahu kanak-kanak sekolah itu bertambah dicepatkan lagi bantuan yang akan ditambah. Masalah bantuan ke sekolah-sekolah saya dapat tahu Kerajaan membantu mengikut kepala. Tetapi yang menyedihkan, Tuan Pengerusi, bantuan itu terlampau lambat sangat sampai kepada sekolah yang berkenaan. Misalnya, yang sepatutnya penggal satu wang itu sampai untuk perbelanjaan, perkakas sekolah dan sebagainya tetapi kadang-kadang sampai penggal dua dan biasa berlaku sampai akhir penggal tiga baharulah wang itu sampai.

Tuan Pengerusi, saya percaya pihak pentadbiran sekolah mengusahakan dahulu barang-barang daripada tempat yang lain, tetapi sebagaimana kita maklum kalaulah satu-satu barang itu diambil dengan cara hutang (credit) dan sebagainya tentulah berlain daripada kita ambil dengan cara bayaran tunai.

Saya berpendapat, Tuan Pengerusi, sekolah rugi, Kementerian Pelajaran sendiri rugi kerana sepatutnya kita beri sekian-sekian bantuan untuk mendapat barang sekian-sekian bantuan tetapi dengan kerana kelambatan kita beri menjadikan barang yang itu kita beri itu tidak sama dengan hajat yang pertama kita tadi. Dengan sebab itu, Tuan Pengerusi, saya harap sangat-sangatlah kepada Kementerian yang berkenaan bantuan ke sekolah-sekolah ini disegerakan, janganlah hak yang patut diberi pada penggal pertama paling cepat penggal kedua baru dapat dan kalau boleh penggal pertama juga dapat, kalau hendak lewatpun dalam pertengahan penggal. Ini saya harap sangat-sangat kerana ini berlaku betul-betul, Tuan Pengerusi, kepada sekolah-sekolah khasnya sekoiah-sekolah luar bandar.

Tuan Pengerusi, saya juga mengucapkan terima kasih dalam Pentadbiran Umum dengan sekolah-sekolah ini yang saya dapat tahu selain daripada Pengarah Pelajaran ada Pengelola-pengelola Sekoiah Rendah, Sekoiah Menengah dan di bawahnya itu ada Penyelia

berbagai-bagai bidang. Saya tidak tahulah barangkali di sini dalam segi akademik dan sebagainya tetapi kita dapat tahu kebanyakan Penyelia-penyelia yang mengawasi satu-satu bidang di sekolah-sekolah selain daripada Penolong Pengarah, Penolong Pengelola dan sebagainya, dialah satu orang yang bertanggungjawab untuk menyelia satu-satu sekolah, gaji mereka ini pelik, kerana mereka hendak mengawasi dan menyelia gaji mereka lebih murah daripada gaji guru sekolah itu sendiri. Kerana mereka yang hendak mengawasi, hendak menyelia, gaji mereka lebih murah daripada guru-guru sekolah itu sendiri apatah lagi kalau hendak dibandingkan dengan gaji Guru Besar sedangkan mereka hendak pergi atur orang, bila dikaji semula, gaji mereka yang hendak pergi atur orang itu lebih murah dibandingkan dengan pihak guru-guru yang lain, apatah lagi Guru Besar yang saya katakan tadi.

Kalau boleh, Tuan Pengerusi, supaya benda ini diberi satu keistimewaan kepada penyelia-penyelia ini, lagi pula mengikut adat dunia kita kalau pangkatnya itu besar, kecuali kalau bertugas tak kira masa macam Pengerusi PIBG dengan Setiausaha Lembaga itu lainlah, Guru Besar ini bertugas sepenuh masa, Pengerusi itu kadang-kadang. Begitu juga macam Pengerusi Syarikat dan sebagainya, diapun bertanggungjawab sepenuh masa. Jadi saya harap buat kajian dengan teliti perkara yang saya sebutkan tadi.

Tuan Pengerusi, di samping itu juga saya berharap sangat-sangat kerana ini berlaku dalam negeri saya sendiri, cara mentadbir murid-murid ini. Kalaulah satu-satu sekolah yang kurang daripada 50 orang, misalnya tempat saya sendiri, biarlah saya sebutkan nama tempat itu—Wan Kelian, satu tempat yang amat jauh, yang payah hendak pergi. Penduduk di situ lebih kurang tak lebih 30 buah rumah murid-murid sekolahnya 50 orang. Sudah berapa kali Pengarah Pelajaran diberitahu untuk mengubahkan kanak-kanak di tempat itu pergi ke asrama di tempat lain untuk tumpang belajar di tempat yang sesuai kerana kalau ada di situ, ini biasa berlaku di negeri saya sendiri, saya berpendapat harus di tempat lain pun berlaku demikian. Kalau dengan 50 orang, Darjah I 3 orang, Darjah IV 5 orang, kadang-kadang Darjah V pula 10 orang, pendek kata rugi murid sendiri kerana tidak dapat bergaul lebih banyak, tenaga guru sendiri pun rugi dan budak-budak semua rugi. Jadi ikhtiarlah bawa ke

tempat lain yang ada asrama dan sebagainya. Saya percaya perkara ini ada di tempat lain kerana di Perlis sendiri pun sudah 3 tahun barulah dapat mengubah, akhirnya kanak-kanak tersebut hari ini sudah bertambah baik di segi pelajaran. Kalau tidak, di masa-masa yang lepas Darjah III 4 orang, Darjah V 10 orang, kesemuanya tidak pernah lulus. Saya takut barangkali di tempat lain pun harus berlaku macam ini. Jadi saya harap sangat-sangat diambil perhatian oleh Kementerian yang berkenaan.

Tuan Pengerusi, bersabit dengan ini juga saya mengalu-alukan cadangan Menteri yang berkenaan sendiri, iaitu Dato' Musa Hitam yang mencadangkan pihak Kementerian akan mengadakan satu sistem semua sekolah di waktu pagi, Kalau tak silap saya, saya mengalu-alukan cadangan tersebut. Bila cadangan tersebut akan dilakukan tentulah pihak Kementerian akan mengadakan sekolah yang lebih baik. Kalau sekadar sekolah macam hari ini tentulah tak mencukupi.

Dengan sebab itu memandangkan keadaan masa dengan rakyat kian bertambah, tanah tidak bertambah, ada bangunan sampai 20 tingkat dan sebagainya; saya berpendapat patut sekolah-sekolah ini juga dibangunkan.

Saya masuk dalam Maksud P sama, Tuan Pengerusi, kerana dari segi Pembangunan, saya campur sekali, kerana memandangkan masa. Dibangunkan sekurang-kurangnya 3 tingkat, kalau sudah sampai 4 atau 5 tingkat barangkali harus kena pakai lif itupun kalau boleh di tempat-tempat yang bersekolah menengah dan sebagainya patutlah dibuat keadaan begini. Sesuai sangat kalau boleh diadakan sebelah pagi sahaja kerana bila petang, apatah lagi kanak-kanak yang sekolah rendah menjadi masalah untuk balik dan sebagainya. Ini membawakan banyak masalah kepada orang-orang yang terpaksa mengaji di sebelah petang.

Saya harap sangat-sangat apa yang dicadangkan oleh Menteri yang berkenaan itu patut dilaksanakan dengan seberapa segera yang boleh dan seboleh-bolehnya untuk menyelesaikan kalau kita duduk di tempat yang lapang kita bertambah selesa. Bekalan elektrik boleh dikatakan serata kampung sudah ada, biarlah dalam sekolah-sekolah kalau boleh selain daripada meminta bantuan lain-lain kemudahan, kadang-kadang minta Kerajaan cara saluran ini, cara derma, cara PIBG dan sebagainya. Kita patut sanggup membuat

sekolah banyak kemudahan elektriknya patut dibekalkan ke tempat itu, begitu juga kipas angin yang bersesuaian setakat yang berpatutan.

Tuan Pengerusi, kita berasa dukacita di segi pentadbiran sekolah ini biasa juga berlaku, kadang-kadang murid-murid sekolah kalau saya hendak ceritakan ini seolah-olah kata orang membuka pekong di dada sendiri, baik sekolah rendah apatah lagi kadang-kadang di asrama berlaku budak-budak membuat pergaduhan di antara satu dengan lain, kadang-kadang murid yang tak bersalah tumpang jadi mangsa. Saya tidak hendak suruh buang murid yang bersalah ini tetapi kalaulah satu tindakan yang sewajar, yang berkesan kita tidak ambil saya takut sekolah sebagai satu tempat pendidikan akan menjadi satu tempat yang tidak begitu diinginkan. Ini banyak berlaku di Perak, di Perlis, akhirnya dalam tahun ini biasa berlaku. Saya yakin Timbalan Menteri yang berkenaan sendiri tengok saya dia sendiri pun tahu tempat-tempatnya, saya tak payahlah sebut. Saya harap sangat-sangat diawasi benda ini betul-betul. Yang saya paling sedih saya dapat tahu murid yang tak bersalah tumpang jadi mangsa. Jadi ini tak patut sangat orang yang bersalah kita tidak ambil tindakan yang sewajarnya setakat yang berpatutan. Dan kuasa-kuasa kepada guru ini juga kena diberi, baikpun Pengetua-pengetua begitu juga Guru-guru Besar untuk merotankan murid-murid kadar yang berpatutan.

Tuan Pengerusi, saya juga ada anak. Kalau anak kita buat salah orang lain tolong hukum, itu pada pendapat saya kita tak kasih kepada anak kita di masa jangka panjang. Saya yakin biarlah guru-guru ini pun kita perhatikan (tengok), kalau menghukum benda yang tidak berpatutan, tak menasabah kerana tiap-tiap hukuman ini ada nilainya mengikut keadaan manusia; kalau murid cara murid, kanak-kanak cara kanak-kanak; dalam apa pun saya percaya, kalau guru dalam satu bidang tentu dia tahu.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat ada seminit lagi.

Tuan Shaari bin Jusoh: Saya bercakap dua perkara seberapa ringkas yang boleh.

Tentang latihan guru, saya berpendapat kalaulah boleh patut dipanjangkan lagi. Tak tahulah saya guru di masa dahulu saya tengok misalnya SITC Tanjong Malim, bila sebut

guru Tanjong Malim dihormati oleh masyarakat dan sebagainya, begitulah guru-guru di masa lepas. Tetapi guru-guru hari ini kadang-kadang bila dia balik dari latihan seolah-olah kadang-kadang sesama kawan pun tak hormat, apatah lagi masyarakat sekampung, keistimewaan taraf itu sudah hilang. Saya berharap kalau boleh hendak tambah masa-kah, cara berdisiplin, patut disesuaikan. Kalau tak boleh semacam masa lepas patutlah diubahsuaikan mengikut keadaan guru bakal pendidik untuk menjadi lebih baik bagi pandangan masyarakat.

Akhir sekali, Tuan Pengerusi, tentang bab ugama saya bercakap sedikit. Saya mengucapkan terima kasih dalam bab ugama, cuma saya minta satu. Banyak murid dapat markah 100% tetapi mereka tidak sembahyang. Kita bukan sahaja hendak perkataan, tetapi amalan pun kita hendak juga. Kita hendak murid itu sambil dia belajar bukan untuk lulus dalam peperiksaan tetapi seboleh-bolehnya apa yang dia belajar dia kena beramal, itu sebaik-baik kita ajarkan, jangan berlawan dengan ibubapa misalnya. Apa yang dia belajar itu kita kena tanya, selain dadipada markah yang dia hendak itu, ajaran itu juga kita kena ambil berat, barulah jadi seorang murid yang berpengetahuan tinggi dan juga beramal atas apa yang kita ajar benda yang baik.

Dengan ini, Tuan Pengerusi, saya sokonglah peruntukan yang telah diminta.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Padang Rengas.

5.48 ptg.

Tuan Umar bin Haji Ismail (Padang Rengas): Tuan Pengerusi, saya bangun menyokong peruntukan yang diminta oleh Kementerian Pelajaran. Saya hendak menyentuh muka surat 275, B. 31, Butiran 1100—Gaji dan upahan, Program (3) Pentadbiran Am (b) Pentadbiran Pelajaran di Negeri-negeri.

Tuan Pengerusi, walaupun kita telah berjaya menjadikan Bahasa Kebangsaan sebagai bahasa pengantar utama di sekolah-sekolah daripada Darjah I sampai Tingkatan V bagi tahun ini, akan tetapi masih ramai lagi masyarakat di luar bandar menganggap bahawa sekolah Inggeris itu masih wujud di negara kita ini. Sebab itu ramai lagi ibubapa yang

memilih sekolah-sekolah Inggeris dahulu sebagai pilihan untuk menghantar anak-anak mereka belajar walaupun sekolah kebangsaan ada di depan tangga rumah mereka. Saya tidak faham mengapa jadi demikian tetapi pada anggapan masyarakat mungkin bahawa kerana layanan kepada sekolah-sekolah Inggeris dahulu adalah lebih daripada sekolah-sekolah kebangsaan yang ada di negara kita ini.

Sebagai contoh, Tuan Pengerusi, di negeri Perak, mungkin juga perkara ini berlaku di seluruh negara kita. Umpamanya, kalau dahulu kita katakan sekolah Inggeris itu bernama Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Inggeris) Clifford, Kuala Kangsar atau sebagainya tetapi hari ini sekolah itu ditukar nama lain, sama ada di atas permintaan ibubapa atau masyarakat tempatan menjadikan sekolah kebangsaan tetapi masih dinamakan Sekolah Rendah Kebangsaan Seri Adika Raja Gerik, umpama contoh. Mengapa tidak dinamakan Sekolah Kebangsaan Seri Adika Gerik sebagaimana Sekolah Kebangsaan Gerik atau lain-lain lagi. Jadi demikian juga yang berlaku dalam kawasan saya. Saya rasa dengan anggapan inilah maka masyarakat kampung di luar bandar masih menganggap bahawa ada lagi sekolah-sekolah Inggeris di negara kita ini.

Bukti yang kedua, Pengelola Negeri bagi sekolah-sekolah rendah. Ada Pengelola Negeri bagi sekolah-sekolah kebangsaan dan ada seorang lagi Pengelola bagi sekolah rendah kebangsaan. Jadi, bagi satu negeri ada dua pengelola untuk sekolah-sekolah rendah. Saya rasa sampailah masanya nama sekolah dan pengelola sekolah bagi tiap-tiap negeri itu disatukan supaya kekeliruan yang timbul oleh masyarakat luar bandar yang menganggap bahawa sekolah Inggeris itu walaupun tidak ada tetapi masih wujud pada anggapan mereka. Saya harap kepada pihak Kementerian dapat membuat pertimbangan di dalam masalah ini.

Begitu juga di dalam hal memberi layanan sama ada dari segi peruntukan guru-guru atau kemudahan-kemudahan lain hendaklah diberi dengan tidak ada perbezaan. Saya beri satu contoh di dalam pengalaman saya sebagai guru selama 30 tahun sama ada di sekolah rendah atau di sekolah menengah. Kalau hari ini di sekolah rendah satu masalah yang besar kepada Guru Besar di dalam hendak meng-

atur jadual waktu oleh kerana Darjah I, II dan III tiap-tiap mata pelajarannya 30 minit, Darjah IV, V dan VI 40 minit satu masalah ialah hendak menentukan guru-guru bahasa Inggeris yang kita semua maklum bahawa kita sangat kekurangan guru bahasa Inggeris.

Bagi sekolah-sekolah kecil yang muridnya kurang daripada 180 orang murid yang kebanyakannya di luar bandar, iaitu jenis sekolah kelas C ini sangat susah bagi hendak mengatur guru bahasa Inggeris mengajar bagi semua darjah dari Darjah I hingga Darjah VI kerana waktu itu tidak sama, 40 minit dengan 30 minit ada kelas yang sepatutnya dia masuk tetapi dia masih mengajar di kelas lain. Dengan sebab itu, saya mencadangkan supaya di sekolah-sekolah kecil ini hendaklah ditempatkan sekurang-kurangnya dua orang guru bahasa Inggeris. Masalah ini tidak timbul bagi Sekolah-sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Inggeris dahulu kerana guru-guru di sekolah ini boleh bertutur dalam bahasa Inggeris, jadi tidak timbul masalah ini. Inilah yang berlaku. Saya tidak tahu adakah perkara ini berlaku di sekolah-sekolah luar bandar di seluruh negara kita tetapi inilah hakikatnya yang berlaku di dalam kawasan saya.

Satu perkara lagi, Tuan Pengerusi, di dalam masalah kita hendak meninggikan pelajaran di luar bandar ini. Suatu masa pihak Kementerian telah mencadangkan bagi membaiki mutu pelajaran dan pembelajaran di sekolah luar bandar terutama sekolah-sekolah kecil yang muridnya kurang daripada 200 orang iaitu satu cadangan untuk mencantumkan sekolah-sekolah kecil ini ada dibuat suatu masa dahulu. Tetapi hakikat ini saya tidak nampak berlaku kerana sekolah-sekolah kecil itu kalau dahulu sekolah itu sekolah yang tidak baik tetapi hari ini bertukar dengan sekolah-sekolah yang lebih baik lagi. Maka tidak ada nampak suatu matlamat hendak mencantumkan sekolah ini.

Saya sedar kerana kebanyakan sekolah-sekolah di luar bandar di pendalaman tidak mungkin untuk hendak mencantumkan sekolah-sekolah kecil ini. Ini saya rasa satu perkara yang mustahil tetapi saya fikir suatu cara boleh walaupun sekolah tidak dapat dicantumkan, tetapi pentadbiran sekolah itu boleh dicantumkan. Umpamanya sekolah-sekolah kecil di luar bandar hari ini tidak ada budak Pejabat, tidak ada kerani. Guru Besar memegang kelas, Guru Besar jadi kerani, Guru Besar jadi pegawai pentadbir. Ini dalam

pengalaman saya. Jadi kadang-kadang Guru Besar itu terpaksa meninggalkan kelas terutama sekali sekolah-sekolah yang gurunya ada 6 orang sahaja dan kelasnya ada 6 kelas. Bila ada pelawat datang, Guru Besar hendak berjumpa dengan pelawat, Pegawai Kesihatan datang melawat, Guru Besar hendak jumpa dengannya. Ibubapa datang, Guru Besar jumpa dengan dia, maka ada kelas itu sepanjang masa tidak diajar. Kalau Guru Besarnya mengajar Darjah II, maka Darjah II itu tidak payah belajar sepanjang-panjang masa. Sebab itu saya rasa di dalam peruntukan guru 1:2 bagi satu kelas itu hendaklah dikesualikan bagi sekolah-sekolah kecil. Sekurangnya satu sekolah mesti ada tujuh atau lapan guru-guru baru boleh disusun jadual waktu yang baik. Inilah perkara-perkara yang berlaku di sekolah luar bandar.

Begitu juga untuk hendak memperuntukkan kerani atau budak pejabat mungkin tidak dapat dilaksanakan hari ini, tetapi saya rasa suatu cara, dua tiga buah sekolah-sekolah kecil yang berhampiran boleh diadakan seorang kerani bagi membuat kerja-kerja perkeranian, umpamanya membuat hal ehwal gaji dan sebagainya boleh dibuat oleh seorang kerani yang mengelolakan dua tiga buah sekolah. Jika tidak, saya rasa maka selama itulah sekolah-sekolah luar bandar yang kecil-kecil tidak akan dapat mencapai kemajuannya, kita tidak dapat menyelesaikan masalah bagaimana budak-budak yang buta huruf yang tidak dapat membaca dan menulis. Inilah masalah yang timbul di luar bandar.

Selain daripada itu, Tuan Pengerusi, di dalam perkara yang serupa juga, saya berharap supaya pertukaran guru-guru hendaklah diambil berat di dalam hendak menentukan guru-guru di sekolah-sekolah. Saya telah bercakap di dalam masa membahaskan Belanjawan ini tetapi saya hendak menyebut lagi sekali. Walaupun di dalam Dewan yang mulia ini Yang Berhormat Timbalan Menteri Pelajaran telah menjawab soalan saya iaitu suatu sistem pertukaran yang diamalkan hari ini adalah suatu sistem pertukaran yang baik, tetapi hakikat yang sebenarnya bahawa pertukaran hari ini walaupun bertukar, ada pertukaran berlaku guru-guru di hulu di tukar ke hulu, guru-guru di bandar, ditukar ke bandar. guru-guru di kampung, ditukar juga ke kampung. Jadi untuk hendak menambahkan semangat perkhidmatan bagi guru-guru di luar bandar kadang-kadang mereka ini

boleh kita katakan timbul perasaan frustrasi. Apa tindakan diambil pun mereka akan ditukar ke luar bandar juga. Yang paling menyedihkan pula ada guru-guru dalam bandar yang telah tidak dapat bekerja dengan baik, bagi menghukum mereka, mereka ini dihantar ke luar bandar dengan tujuan yang baik barangkali ialah untuk menimbul keinsafan kepada mereka. Ini pun berlaku di sekolah menengah juga. Di dalam pengalaman saya 13 tahun di sekolah menengah, banyak sekolah menengah luar bandar, menerima guru-guru yang demikian rupa. Mereka tidak dapat berkhidmat dengan baik. Sebagaimana saya katakan guru di Ulu Kelantan yang duduk di Pulau Pinang minta balik ke Pulau Pinang tetapi dihantar ke Hulu Perak untuk 10 tahun lagi. Jadi bagaimana mereka dapat bekerja dengan baik. Jadi soal luar kita telah memberi kemudahan kepada guru-guru dengan gaji dan sebagainya tetapi perasaan mereka kita tidak dapat melayan dengan baik.

Tuan Pengerusi: Masa cukup, Yang Berhormat.

Tuan Umar bin Haji Ismail: Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Kota Melaka.

5.58 ptg.

Tuan Chan Teck Chan (Kota Melaka): Tuan Pengerusi, saya suka sentuh muka surat 276, Program (6) termasuk muka surat 293, Butiran 5, 6, 15,16 dan 19 mengenai kelima-lima universiti tempatan yang ada di Malaysia hari ini.

Tuan Pengerusi, sebelum saya membuat satu cadangan, saya fikir saya perlu menegaskan apakah pandangan dan pendirian saya terhadap dasar Kerajaan untuk mendidik dan memberi segala keutamaan untuk membolehkan kaum bumiputra memasuki pelajaran tinggi supaya mereka boleh dijadikan cendekiawan pada masa yang akan datang.

Tuan Pengerusi, saya fikir sudah sampai masanya bagi Kementerian Pelajaran untuk memperluaskan "kek pelajaran" di kelima-lima universiti yang ada sekarang kerana menurut kapasiti yang ada di kelima-lima universiti ini masih belum dipergunakan dengan sepenuhnya menurut beberapa pakar pelajaran yang memberikan pandangan tentang kapasiti dan fasiliti yang ada di kelima-lima universiti. Jika sekiranya satu dasar

perluasan (extension) boleh diamalkan dengan serta-merta, saya yakin masalah pengambilan penuntut untuk memasuki, menuntut di kelima-lima universiti akan boleh diselesaikan. Saya tidak merasa iri hati atau menentang bahawa Kerajaan sedang berusaha sebolehnya untuk menambahkan lebih ramai kaum bumiputra untuk menuntut di pelajaran tinggi, tetapi ianya tidak seharusnya dijalankan dengan mengorbankan kepentingan kaum-kaum yang lain yang mempunyai kelayakan akademik yang diperlukan oleh Kerajaan.

Satu kenyataan yang tidak boleh dinafikan ialah sejak beberapa tahun kebelakangan ini keadaan tidak puas hati dari kalangan mesyarakat, khususnya dari kaum bukan bumiputra adalah kian meningkat kerana mereka tidak dapat peluang yang lebih banyak untuk memasuki kelima-lima universiti yang ada di Malaysia hari ini. Saya langsung tidak boleh menerima apa yang dikatakan formula 2% itu. Sebenarnya ini adalah satu perkara laughing-stock di Malaysia sebagai negara yang terbuka dan liberal untuk mentadbirkan negara kita. Apakah gunanya dan apakah ertinya kita mengamalkan formula 2% untuk menambahkan bilangan pelajar-pelajar baik bumiputra atau bukan bumiputra kemudian disekat dengan maksima iaitu 55% untuk kaum bumiputra dan 45% untuk bukan bumiputra. Saya yakin bilangan atau percentage untuk kaum bumiputra boleh ditambah kalau ada lebih ramai kaum bumiputra yang cerdik pandai kalau hendak memasuki universiti. O.k. berilah peluang sekat hanya 55% kalau boleh 65%-70%, di samping itu juga kalau didapati lebih ramai bilangan besar pelajar-pelajar bukan bumiputra kalau mereka ada peluang dan mempunyai atau memiliki kelayakan akademik yang diperlukan maka berilah peluang mereka untuk memasuki universiti yang ada di Malaysia jangan hanya sekat pada 45% sahaja.

Saya sudah mencadangkan bahawa ada dua cara boleh mengatasi masalah pengambilan penuntut untuk memasuki universiti-universiti yang ada di Malaysia sekarang. Pertama ialah memperluaskan peluang pelajaran yang ada di kelima-lima universiti iaitu memperluaskan kek (cake) pelajaran di bawah Dasar Ekonomi Baru kerana kepastian dan fasilitis yang ada hari ini masih belum diperluaskan dengan seluas-luasnya dan juga satu universiti kalau

boleh diadakan lagi iaitu universiti in boleh makan Universiti Perpaduan Rakyat atau Universiti of National Unity. Tujuan menubuhkan universiti ini ialah boleh membetulkan segala penyelewengan dan boleh mengikis segala ketidakkepuasan di kalangan masyarakat kita baik dari bumiputra atau bukan bumiputra.

Tuan Pengerusi: Itu yang mula-mula tadi saya benarkan, tetapi yang akhir itu sudah menyentuh dasar am kerana tak ada minta duit untuk University of National Unity, jadi tak boleh kerana itu atas dasar am.

Tuan Chan Teck Chan: Di bawah Pelajaran Tinggi saya mencadangkan ada dua segi, tujuan saya ialah selain daripada memperluaskan kelima-lima universiti yang ada ini bolehkah Kerajaan mempertimbangkan cadangan saya supaya menubuhkan sebuah Universiti Perpaduan Rakyat kerana dengan sebab penubuhan universiti itu

Tuan Pengerusi: Itu tak boleh, itu termasuk dasar am. Duit yang dikehendaki untuk perkhidmatan yang ada ini, jadi apa yang hendak diulas, apa hendak dibahaskan?

Tuan Chan Teck Chan: Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri Pelajaran atau Menteri Pelajaran mempertimbangkan memperuntukkan lebih banyak perbelanjaan pembangunan atau memberikan peruntukan khas di bawah Perbelanjaan dan Pembangunan ini untuk menubuhkan satu universiti sepertimana yang saya katakan. Tujuannya ialah menolong Kerajaan mengubah dasar pengambilan penuntut supaya satu dasar liberal, terbuka dan bebas boleh dibuka untuk semua rakyat Malaysia menuntut di universiti itu selain daripada kelima-lima universiti yang ada di Malaysia. Saya yakin cadangan dan projek penubuhan universiti yang keenam ini sepertimana yang saya namakan dengan dasar yang baru ini boleh mengikis segala perasaan tidak puas dan juga mengatasi segala pengambilan penuntut di bawah program (6) ini.

Tuan Pengerusi, saya juga yakin kalau boleh dalam masa tahun hadapan projek ini boleh dilaksanakan atau dalam peringkat perancangan supaya

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat masih teruskan itu juga, tak ada peruntukannya di sini, tak usah teruskan, carilah subjek lain lagi.

Tuan Chan Teck Chan: Saya hanya mencadangkan ditambah satu peruntukan untuk ditimbangan projek ini.

Tuan Pengerusi, akhirnya, saya perlu menitikberatkan iaitu formula 2% itu boleh dibatalkan dengan serta-merta dan juga dasar untuk menetapkan percentage 55% untuk bumiputra dan 45% untuk bukan bumiputra bagi pelajaran tinggi itu juga boleh dibatalkan dan dimansuhkan dan digantikan dengan satu dasar pelajaran tinggi yang lebih liberal, terbuka dan bebas supaya rakyat Malaysia boleh dikeluarkan lebih ramai untuk menyertai usaha pembangunan dan pembinaan negara kita. Saya yakin dengan pembatalan kedua-dua dasar yang tidak adil dan juga berbau perkauman ini akan menolong Kerajaan mengatasi berbagai masalah seperti mana yang saya ada membuat dua cadangan tadi. Saya harap kedua cadangan itu boleh ditimbangan, kerana sejak kemerdekaan 23 tahun lalu banyak masalah masih belum diatasi dan ini adalah tanggungjawab Yang Berhormat Menteri Pelajaran dan Timbalannya untuk mengkaji dan mengesan sebab-musabab yang membawa berbagai suasana yang begitu tidak senang dan genting di kalangan masyarakat kita khasnya dari segi pelajaran tinggi. Ini adalah tugas dan tanggungjawab bagi Menteri Pelajaran dan Timbalannya untuk mengkaji lebih mendalam dan menyeluruh tentang masalah-masalah yang berpunca daripada dasar pelajaran tinggi Malaysia hari ini.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat dari Ulu Muda.

6.07 ptg.

Tuan Hashim bin Endut (Ulu Muda): Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk muka surat 275 berkenaan dengan Maksud B. 31, Butiran 1100 Program 3 berkenaan dengan Pentadbiran Am (General Administration).

Saya berasa hairan semenjak saya menjadi Wakil Rakyat Ulu Muda, orang ulu ini mengapa banyak sangat sekolah kebangsaan di dalam kawasan Ulu Muda, khasnya Sik tidak kurang daripada 10 buah sekolah. Apabila keputusan Peperiksaan Darjah V itu diumumkan didapati banyak sangat gagal di

dalam kawasan itu. Mungkin ini adalah sebab-sebab yang tertentu yang mana saya minta pentadbiran ataupun administration Jabatan Pelajaran ini perlu dikaji semula. Mungkin juga apa yang dikatakan oleh sahabat saya dari Padang Rengas tadi, guru-guru yang ditempatkan di pedalaman mereka itu ditempatkan di tempat itu oleh kerana ada guru yang ada frustrasi maka mereka itu tidak ada sikap hendak mengajar murid dan sebab itulah murid tidak lulus dan apabila murid yang tidak lulus Darjah V, sebuah sekolah itu seorangpun, katalah, 30 orang masuk peperiksaan 30 gagal maka murid-murid itu akan menjadi penganggur dan mungkin juga pada satu hari menjadi sampah masyarakat dan menjadi beban kepada Kerajaan kita. Mungkin juga ada perkara-perkara yang saya dapat tahu Pengelola di dalam kawasan tersebut apabila ada perjumpaan-perjumpaan dengan ibubapa Pengelola tidak dapat hadir. Apabila saya tanya mengapa tuan tidak hadir di dalam perjumpaan yang agak penting untuk mencari jalan hendak mengatasi kelemahan pelajar murid, jawabnya tak boleh berjalan kerana mileage kami dihadkan setakat 200 batu sahaja. Oleh yang demikian, kalaulah perkara ini betul dan benar, saya mintalah pihak Kementerian supaya menambahkan lagi peruntukan kepada Pengelola-pengelola ataupun pelawat-pelawat yang bertugas di dalam kawasan pendalaman kerana kehadiran mereka di sekolah ini adalah penting supaya guru-guru yang frustrasi itu tidak akan frust dengan ada pengawasan daripada Pengelola tadi.

Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada Butiran yang sama dalam pecahan (4) iaitu Kebajikan Penuntut (Welfare of Students) di seberang laut. Saya ingin merakamkan penghargaan yang tinggi kepada Kementerian Pelajaran kerana telah menghantar beberapa orang pegawai khas bertugas di United Kingdom khasnya untuk melihat kepiatan anak-anak kita yang pada satu masa dahulu kebanyakan ibubapa memang runding hendak membenarkan anak-anak mereka pergi belajar di United Kingdom kerana takut dakwah-dakwah songsang, kononnya. Apabila murid-murid perempuan pergi masuk, katanya tidak boleh bercampur dengan murid-murid lelaki, tidak boleh belajar dengan guru atau pensyarah-pensyarah lelaki, maka penuntut-penuntut ini terikut-ikut dan mereka balik ke kampung dan entah apa jadi. Alhamdulillah nampaknya pihak Kementerian telah

menghantar beberapa orang guru khas dan kesannya sangat begitu baik sehingga tidak ada lagi masalah keraguan, ketakutan ibu-bapa hendak membenarkan anak-anak mereka pergi belajar di seberang laut. Oleh yang demikian kalau boleh peranan pegawai-pegawai ini patutlah ditambah lagi supaya anasir-anasir ini dihapuskan, kerana anak saya juga sedang menuntut di sana dan kita tahu ada anasir-anasir sedang bergiat di sana, mungkin daripada pihak-pihak tertentu, daripada pertubuhan-pertubuhan belia yang giat menipu kanak-kanak kita ini, sedangkan pada suatu masa dalam perjumpaan penuntut-penuntut dengan pemimpin negara kita ada gamak penuntut-penuntut ini menanya kepada pemimpin negara kita: Saya hendak bertanya tuan, tuan ada berapa akaun di bank Switzerland? Benda yang macam ini ditanya oleh penuntut-penuntut yang mendapat biasiswa daripada Kerajaan kita. Ini sungguh malang sekali, tetapi Alhamdulillah lah pemimpin yang ditanya itu memanglah bijak orangnya, dijawabnya, dengan izin, "Please repeat it again" katanya maka penuntut itu tidak berani kata apa dengan ayat itupun dengan jalan itu dia terus senyap, tidak berani.

Tuan Pengerusi, di atas tajuk yang sama kadangkalanya saya agak pentadbiran kebajikan penuntut-penuntut di seberang laut itu ada kalanya lemah sedikit, kadang-kadang penuntut kita terpaksa menghadapi kesukaran mendapat elaun bulanan mereka. Entah mengapa dan sebab apa perkara ini berlaku, saya pun tidak tahu, minta kalau boleh diambil perhatian kerana penuntut-penuntut ini baru pergi hendak belajar, dengan kesuntukan kekurangan kewangan itu boleh menghalang pelajaran mereka. Kadang-kadang ada setengah murid-murid memberitahu kepada bapa, "ayah tolonglah hantar duit, saya sudah dua bulan tidak dapat elaun, saya sekarang sedang memakan Maggie sudah sebulan." Ini sungguh malang kepada penuntut-penuntut kita, mungkin juga ini adalah kelemahan dasar pentadbiran Students Department di sana.

Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada Butiran yang sama Pecahan (1)—Latihan Guru. Latihan Guru ini saya agak sangatlah penting kepada Kementerian Pelajaran dan kalau boleh diberikan perhatian.

Pada hari ini adalah terdapat kira-kira 100 orang guru-guru ganti sementara yang masih lagi berkhidmat di Sekolah Kebangsaan di dalam negeri Kedah. Mereka ini elanpun berkhidmat hampir dua tahun ataupun tiga

tahun lebih dan masa depan mereka ini tidaklah terjamin dan tidak tentu apa akan jadi kepada nasib mereka. Latihan perguruan dalam masa cuti sekolah telahpun dihentikan oleh Kementerian. Oleh yang demikian, saya inginlah merayu kepada Kementerian kalau boleh oleh kerana guru-guru ganti sementara ini telahpun ada praktiknya, kalaupun di antara mereka ini yang ada pelajaran basic yang cukup, kalau hendak timbang beri latihan lanjut ke Maktab-maktab, maka mereka inilah perlu diberi keutamaan yang lebih kerana mereka telahpun berkhidmat sebagai guru ganti sementara apabila guru perempuannya cuti bersalin (maternity leave) dan sebagainya dan mereka ini perlu diberi perhatian yang serius oleh Kementerian Pelajaran. Kalau dalam masa temuduga mereka ini didapati kurang layak sedikit pun oleh kerana pengalaman mereka telah ada jika berbanding dengan mereka yang baru keluar sekolah lulus SPM berilah keutamaan kepada mereka ini, kerana mereka sungguh kasih, sungguh sayang hendak jadi guru.

Tuan Pengerusi, Latihan Guru ini juga saya ingin merujuk kepada satu topik, yang dibangkitkan oleh saya dalam Dewan ini berkali-kali iaitu Guru C1, kategori yang sungguh malang nasibnya di Kedah. Sungguhpun saya tahu Yang Berhormat Timbalan Menteri Pelajaran telahpun memberi jawapan kenaikan pangkat ada kepada mereka ini, tetapi entahlah mengapa dan sebab apa C1 di negeri Kedah tidak ada peluang langsung mendapat kenaikan pangkat ini. Saya mistalah pihak Kementerian kalau boleh tolonglah siasat dan tolonglah kaji mengapa perkara ini jadi begitu, walhasilnya guru-guru C1 ini dari segi akademiknya kelulusan mereka STP/HSC, begitu tinggi, mereka hendak pergi ke universiti pun sudah tidak boleh, pelajaran off campus tidak diberi kepada mereka. Sebenarnya kalau ada pelajaran off campus mereka inilah patut diberi keutamaan dahulu supaya peluang-peluang latihan kepada guru-guru yang ada STP/HSC ini boleh mendapat latihan-latihan tertentu. Ada di antara mereka berpengalaman begitu luas sekali dalam mengajar kanak-kanak, tetapi sungguh malang nasib mereka, mereka berjumpa saya berkali-kali sebab itu tidak kurang dari tiga soalan mulut dibawa di dalam Dewan ini, tidak lain dan tidak bukan hanya meminta untuk membela nasib mereka, di manakah mereka ini duduk. Mungkin juga guru-guru C2 diberi keutamaan oleh pihak

Kerajaan kerana banyak guru-guru dalam kategori C2 ini orang yang berpengaruh politik ataupun berpengaruh jalan lain, maka itulah sebab pihak Kerajaan memberi keutamaan kepada mereka. Oleh yang demikian saya minta juga kalau boleh pihak Kementerian tolonglah tengok di negeri Kedah mengapa guru-guru C1 ini begitu frust sekali pada hari ini.

Tuan Pengerusi, di negeri Kedah juga masih terdapat keluhan-keluhan berkenaan grading-grading yang dibuatkan oleh Kementerian ini masih tidak begitu sempurna dan teratur lagi. Sungguhpun pada bulan Mac tahun 1979 Dato Menteri Pelajaran semasa mengadakan mesyuarat dengan persatuan-persatuan dan juga dengan Pengarah-pe gar h Pelajaran telah berjanji masalah sistem grading ini akan dikaji semula, akan disemak semula dan akan diberi perhatian serius. Oleh yang demikian oleh kerana ada sungutan dan ada sebutan tidak puas hati guru-guru yang tidak dapat pangkat mengapa orang yang kemudian diberinya pangkat dan sebagainya, tolonglah semak dan mungkin juga kalaulah perkara ini diselesaikan oleh pihak Kementerian saya yakin dan percaya mutu pelajaran kanak-kanak kita di bawah Kementerian Pelajaran ini akan meningkat naik.

Tuan Pengerusi, ingin saya merujuk kepada Butiran yang sama Pecahan (9) iaitu Jawatan-jawatan Yang Berpencen di Sekolah-sekolah Khas. Di negeri Kedah ada sebuah sekolah khas iaitu sekolah kanak-kanak pek k, kanak-kanak cacat dan sebagainya. Sekolah ini kalau kita tengok gurunya mengajar begitu tekun dan bersemangat sekali, tetapi malangnya bagi guru-guru yang mengajar di sini mereka tidak ada harapan hendak naik pangkat dan mereka adalah mempunyai special qualification, mereka dilatih khas untuk mengajar perkara-perkara ini, tetapi mengapa bila soal naik pangkat mereka ini ditinggalkan.

Tuan Pengerusi, dalam sekolah-sekolah khas ini perlu diberi perhatian oleh pihak Kementerian kerana kita dapati kalaulah kanak-kanak yang pekak dan sebagainya dipaksa juga mempelajari akademik, maka sudah tentu mereka ini tidak akan boleh sampai ke mana dari seribu atau dua ribu seorang boleh pergi ke universiti kanak-kanak jenis ini tetapi saya agakkan bolehlah sekolah-sekolah khas ini kita membanyakkkan dari segi vokesyenal kerana mereka ini saya sendiri

pergi melawat sekolah tersebut saya melihat sendiri mereka ada skill, mereka ada kebolehan dari segi vokesyenal, saya agak perlu kita ajar lebih kepada mereka ini dan inilah saya merakamkan penghargaan tinggi kepada guru-guru jenis ini, sungguh tekun dan sabar.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, Masa sudah cukup.

Tuan Haji Hashim bin Endut: Tuan Pengerusi, akhirnya saya sokong peruntukan ini.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Pasir Puteh.

6.20 ptg.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad (Pasir Puteh): Tuan Pengerusi, di dalam menyokong peruntukan Kementerian Pelajaran bagi Maksud B. 31 ini saya akan bercakap mengenai Program (6) Pelajaran tinggi.

Saya terkejut mendengar Wakil dari Kota Melaka telah tidak puas hati dengan dasar penambahan 2% yang diberi kepada bukan bumiputra. Walaupun dalam ucapan dasar telah saya sentuh perkara ini tetapi di dalam bab Pelajaran Tinggi ini saya juga sebagai pihak bumiputra tidak bersetuju dengan penambahan 2% ini. Sepatutnya pengurangan yang dibuat kepada bumiputra ini tidak akan dilakukan di saat ini tetapi dilakukan setelah matlamat Dasar Ekonomi Baru tercapai iaitu pada tahun 1990 kerana jika sekiranya Kerajaan megurangkan 2% kepada Bumiputra dan walaupun Wakil dari Kota Melaka tidak bersetuju dengan penambahan 2% kalau boleh dia mahu tambah 10% terus kepada bumiputra tetapi dengan penambahan 2% sahaja pihak bumiputra tidak akan setuju kerana saat sekarang bumiputra belum lagi mencapai matlamatnya dalam Dasar Ekonomi Baru dan juga pengurangan di dalam Pelajaran Tinggi di kalangan bumiputra.

Yang peliknya bagi saya mereka tidak membantah penambahan kepada bumiputra tetapi minta supaya bukan bumiputra pun ditambah. Jadi percakapan seperti ini seolah-olah macam Pak Pandir iaitu minta menambah kepada bumiputra di samping minta tambah juga kepada bukan bumiputra. Jadi

dengan keadaan ini saya minta Kementerian Pelajaran sekali lagi tidak akan mempertimbangkan semata-mata kepada merit, tetapi mestilah pertimbangkan kepada kemiskinan yang wujud selama ini bagi mencapai Dasar Ekonomi Baru dan juga peluang-peluang yang telah ada dan yang telah diterima oleh golongan-golongan dalam bandar yang mendapat peluang-peluang ini dan juga akan mempertimbangkan soal peluang-peluang ekonomi yang telah dicapai oleh satu pihak dan juga satu pihak yang tidak mencapai kemudahan ekonomi, ini sudah tentu akan mencapai merit yang baik di dalam menentukan mendapat Pelajaran Tinggi dan juga mendapat pelajaran asas, lebih-lebih lagi di luar-luar bandar didapati kelengkapan-kelengkapan kurang bagi anak-anak kita yang mendapat kemudahan untuk bertanding dengan mereka di dalam bandar.

Jadi sekali lagi saya menegaskan walaupun saya tidak puas hati, saya merasakan Kementerian Pelajaran adalah adil kerana pihak saya tidak puas hati dan pihak DAP juga tidak puas hati, maka ini merupakan satu keadilan.

Walaupun macam manapun saya minta supaya penambahan 2% ini kalau boleh tidak akan dilakukan segera sebagaimana dilakukan sekarang tetapi dilakukan setelah matlamat Dasar Ekonomi Baru tercapai pada tahun 1990 nanti.

Tuan Pengerusi, saya suka menyentuh Butiran 3300 iaitu Perabut dan Kelengkapan, Program (1) Sekolah Rendah. Walaupun kita telah lama mengalami pembangunan tetapi malangnya kelengkapan di sekolah-sekolah rendah masih lagi tidak mencukupi dan juga kerusi-kerusi yang ada di sekolah-sekolah rendah masih lagi buruk. Misalnya, sebuah bangunan yang baru dibina di dalam tahun 1980 ini tetapi malangnya kerusi tidak dihantar, kelengkapannya tidak mencukupi dan juga masih lagi menggunakan kerusi-kerusi buruk yang dipinjam daripada sekolah-sekolah lain yang berlebihan. Ini merupakan satu tamparan kepada Kementerian ini kerana dapat menyediakan sekolah tetapi tidak dapat menyediakan kelengkapan pelajaran yang cukup kepada anak-anak kita.

Selain daripada itu juga saya suka menyebut di dalam bahagian Kelengkapan ini juga mengenai padang permainan. Apabila Kementerian sanggup untuk mengambil tanah bagi mengadakan padang permainan untuk sekolah

itu tetapi Kementerian tidak sanggup untuk mengadakan peruntukan bagi menyediakan padang permainan itu supaya sempurna dan juga boleh digunakan untuk bermain. Ini juga di dalam rancangan pembangunan saya minta supaya Kementerian ini akan menambah peruntukan khas bagi menyediakan padang-padang permainan; bukan hanya sanggup mengambil tanah dan menyediakan tapak tetapi tidak sanggup untuk membina padang-padang permainan yang boleh digunakan untuk bermain.

Yang paling sedih bagi saya ialah Kerajaan cuba hendak mengadakan sekolah di waktu pagi sahaja dengan bangunan yang cukup tetapi di kawasan saya sekolah yang baru dibuka pada tahun 1980 ini iaitu Sekolah Rendah Kamil I yang selama ini mengaji sebelah petang, tetapi sekolah itu sudah tidak mencukupi untuk menampung murid-murid pagi dan petang dan murid-murid ini sudah mula hendak belajar di kantin. Ini merupakan satu perancangan yang salah bagi pihak Kementerian. Sepatutnya sekolah yang baru ini setelah menggunakan setahun, dua tahun atau tiga tahun masalah tidak mencukupi bilik darjah ini akan dapat diketahui setelah 2-3 tahun digunakan tetapi ini belum pun lagi setahun digunakan kecukupan bilik darjah ini sudah nyata tidak mencukupi. Jadi menyebabkan inilah masalah yang dihadapi oleh sekolah-sekolah rendah di luar bandar. Ini bukan sahaja di luar bandar, di dalam bandar juga yang murid-muridnya ramai tidak mempunyai sekolah-sekolah. Di kawasan saya di Pasir Puteh—saya tidak mahu sebut kawasan lain—sudah tidak mencukupi untuk menampung murid pagi dan petang menyebabkan murid-murid kemasukan Darjah 1 telah ditolak, disuruh pergi ke sekolah lain yang lebih jauh. Inilah masalahnya dan juga tidak ada bilik untuk dijadikan kelas tambahan, tidak ada bilik untuk dijadikan kelas perpustakaan menyebabkan guru-guru ini menagih kepada Wakil-wakil Rakyat minta peruntukan untuk membuat bilik tambahan. Pihak Wakil Rakyat pula tidak dapat memberi kerana kami tahu di dalam perancangan bangunan seperti ini kita tidak boleh memberi peruntukan tambahan daripada Wakil Rakyat kerana bangunan yang dibuat itu adalah bangunan Kementerian Pelajaran, bukan projek yang asing.

Oleh itu saya minta supaya sesuatu bangunan yang baru hendaklah dibuat dalam jangka masa mencukupi bilik darjah untuk

jangka 5 atau 10 tahun. Bukanlah baru dibuka tahun 1980 sudah tidak mencukupi bilik darjah seperti ini.

Selain daripada itu saya suka menyentuh mengenai Pelajaran Tinggi juga Kod 4100, Program (6) (ii) Universiti Malaya.

Saya dapati sekarang ini kita ada 5 buah universiti tetapi malangnya di dalam dasar pelajarannya kelima-lima universiti ini sudah tidak sama. Misalnya kalau universiti lain telahpun mempunyai dasar pelajarannya yang menghendaki supaya mahasiswa belajar selama 4 tahun tetapi Universiti Malaya masih lagi menggunakan dasar lama yang mungkin keadaan sekarang sudah tidak serupa dengan universiti-universiti lain. Jadi walaupun universiti merupakan satu perkara independent bagi Kementerian Pelajaran tetapi perkara ini mungkin Kementerian dapat membuat satu dasar supaya menyamakan tahun pengajian kelima-lima universiti; tidak hanya sesuka hati; ada yang hendak buat tiga tahun, ada yang hendak buat 4 tahun dan ada yang hendak buat 5 tahun. Ini akan menyebabkan ramai penuntut-penuntut bertumpu kepada sebuah universiti sahaja sebab bilangan setahun ini adalah lama bagi mereka yang menunggu di dalam menempoh pelajaran seperti itu. Jadi biarlah tahun pengajian seperti ini sama, dasarnya sama di antara kelima-lima buah universiti itu supaya tidak akan menjadi satu pandangan yang mana lebih disukai oleh penuntut-penuntut untuk belajar di sebuah universiti itu menyebabkan sebuah universiti lain tidak mempunyai penuntut baru untuk mempelajari di dalam universiti itu.

Selain daripada itu juga di dalam menemui dasar pelajaran ini, dasar pengambilan penuntut-penuntut ini di dalam Program (6), saya

suka hendak meminta Kementerian Pelajaran supaya menambah lebih banyak lagi pelajar-pelajar kita di dalam bahagian Perubatan, bahagian-bahagian yang mustahak untuk negara kita dan juga penuntut-penuntut ini hendaklah diberi kemudahan biasiswa (scholarship) yang lebih baik dan juga memberi bayaran gaji apabila mereka keluar nanti lebih tinggi lagi kepada mereka ini, misalnya kepada guru Sains. Mereka ini belajar sampai 4 atau 5 tahun tetapi apabila keluar kelak mereka tidak mendapat gaji yang lebih tinggi daripada guru-guru lain yang belajar mata-pelajaran biasa. Jadi ini menyebabkan ramai penuntut-penuntut yang tidak begitu suka mengambil pelajaran-pelajaran sains atau pelajaran-pelajaran yang lebih berat.

Tuan Pengerusi: Masa cukup Yang Berhormat.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Oleh itu saya menyokong peruntukan ini supaya dapat Kementerian mempertimbangkan di dalam soal pengambilan pelajar terutama kepada bumiputra. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ada lagi Ahli-ahli Yang Berhormat yang hendak mengambil bahagian? Perbahasan akan diteruskan esok.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Tuan Yang di-Pertua: Dewan Ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang hari esok, Selasa, 25hb November, 1980.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.